# JAWAPAN

## BAHASA MELAYU

## CADANGAN JAWAPAN KERTAS 1 DAN KERTAS 2
## BAHASA MELAYU (1103)

| PERINGKAT | BAHAGIAN A | PERINGKAT | BAHAGIAN B |
|---|---|---|---|
| **Cemerlang**<br><br>**28 – 30**<br>**26 – 27** | T – Menepati tugasan<br>I – Relevan, huraian jelas dan matang.<br>B – Gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat.<br>P – Menarik dan berkesan | **Cemerlang**<br><br>**68 – 70**<br>**64 – 67** | T – Menjawab tugasan<br>I – Relevan, huraian jelas dan matang, contoh yang sesuai.<br>B – Gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata luas dan tepat.<br>P – Sangat menarik dan berkesan |
| **Kepujian**<br><br>**23 – 25**<br>**20 – 22** | T – Menepati tugasan<br>I – Relevan, huraian jelas<br>B – Gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata luas dan tepat.<br>P – Menarik | **Kepujian**<br><br>**59 – 63**<br>**55 – 58** | T – Menjawab tugasan<br>I – Relevan, huraian jelas dan contoh sesuai.<br>B – Ayat gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata luas dan tepat.<br>P – Menarik dan berkesan |
| | | **Baik**<br><br>**50 – 54**<br>**45 – 49** | T – Masih menjawab tugasan<br>I – Masih relevan, huraian masih jelas, contoh sesuai.<br>B – Gramatis dari segi kata dan ayat tetapi ada kesalahan yang minimum, kosa kata umum.<br>P – Masih menarik |
| **Memuaskan**<br><br>**17 – 19**<br>**15 – 16** | T – Menepati tugasan<br>I – Masih relevan, Huraian masih jelas.<br>B – Masih gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata terhad.<br>P – Masih menarik | **Memuaskan**<br><br>**40 – 44**<br>**35 – 39** | T – Masih menjawab tugasan<br>I – Masih relevan, huraian kurang jelas, contoh kurang sesuai.<br>B – Kurang gramatis, kosa kata umum dan terhad.<br>P – Kurang menarik |
| **Penguasaan Minimum**<br><br>**12 – 14**<br>**10 – 11** | T – Kurang menepati tugasan<br>I – Kurang relevan, huraian kurang jelas<br>B – Kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa kata terhad. Kesalahan ejaan yang ketara.<br>P – Kurang menarik | **Penguasaan Minimum**<br><br>**28 – 34**<br>**21 – 27** | T – Kurang menjawab tugasan<br>I – Masih relevan, huraian tidak jelas dan tidak berkembang. Contoh tidak sesuai.<br>B – Tidak gramatis tetapi masih boleh difahami.<br>P – Tidak menarik |
| **Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum / TPM**<br><br>**6 – 9**<br>**1 – 5** | Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. | **Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum / TPM**<br><br>**11 – 20**<br>**01 – 10** | Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.<br><br>Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. Idea bercampur aduk, huraian tidak jelas dan contoh yang tidak sesuai. |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

## KERTAS 1

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| **Bahagian A** | **Pendahuluan**<br>Rumah pasang siap merupakan salah satu sistem pembinaan rumah atau bangunan yang dinamakan Sistem Bina Berindustri atau Rumah IBS – bangunan jenis ini mendapat tempat dalam kalangan pembina dan para pembeli – terdapat banyak manfaat yang diperoleh daripada jenis rumah IBS<br><br>**Isi 1**<br>Lebih menjimatkan kos dan proses pembuatannya lebih cepat – ramai pembeli yang mahu memiliki aset tersebut dengan segera – oleh itu, kontraktor pada masa ini lebih memilih untuk memilih pembinaan kategori IBS seperti kerangka kayu, sistem blok dan sistem acuan – jelaslah bahawa kos dan waktu pembuatan yang cepat menjadi sebab utama jenis binaan ini mendapat perhatian pembeli<br><br>**Isi 2**<br>Selain itu, kualitinya lebih ringan dan kukuh – bukan itu sahaja jenis binaan ini juga tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai – hal ini dikatakan demikian kerana hanya menggunakan jenis konkrit pratuang, kerangka keluli dan kerangka kayu – jenis ini lebih memudahkan pekerja – sudah terang lagi bersuluh manfaat ini merupakan penyebab ramai kontraktor lebih tertarik untuk mendirikan bangunan ini<br><br>**Kesimpulan**<br>Binaan bangunan yang menggunakan prapasang dan disiapkan separa di kilang dalam keadaan terkawal dan diselia lebih memudahkan pelbagai pihak – menjimatkan masa pelbagai pihak – masa itu emas – menggalakkan belia kini terlibat dalam industri yang semakin maju – memajukan ekonomi negara menerusi sektor pembinaan |

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| **Bahagian B**<br><br>**Soalan 1** | **Pendahuluan**<br>Budaya membaca budaya mulia – slogan ini sering disebarkan di media massa untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan budaya membaca – oleh yang demikian pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah dengan penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada setiap tahun – penganjurannya mendapat sambutan daripada pelbagai lapisan umur – hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat pelbagai manfaat daripada penganjuran PBAKL kepada generasi muda<br><br>**Isi 1**<br>Membolehkan generasi muda meluangkan masa dengan perkara berfaedah – saban hari negara digemparkan dengan gejala sosial yang semakin membimbangkan ramai pihak – penganjuran PBAKL boleh menjadi usaha dominan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar sekolah yang tidak mempunyai aktiviti khusus terutamanya pada hujung minggu – boleh juga menambahkan ilmu pengetahuan tentang isu semasa dan mengukuhkan tahap IQ mereka terhadap mata pelajaran menerusi pembacaan<br><br>**Isi 2**<br>Menjadikan generasi muda gemar membaca – mengelakkan peratusan kadar buta huruf terus meningkat – hal ini dikatakan demikian kerana ramai dalam kalangan murid pada masa ini lebih gemar menggunakan gajet yang menyebabkan penguasaan literasi dan numerasi tidak memuaskan – justeru, ibu bapa dan guru perlulah menjadikan PBAKL sebagai medium ampuh untuk mengatasi masalah ini<br><br>**Isi 3**<br>Membekalkan generasi muda dengan persediaan menjadi pemimpin yang berilmu – hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai genre buku yang boleh didapati di PBAKL sebagai bahan pembacaan – sebagai contoh, buku-buku pengurusan kepimpinan dan pengurusan emosi dalam kalangan tokoh – amalan ini juga boleh membekalkan generasi muda dengan sikap profesional – menjadikan generasi lebih rasional dan matang dalam tindak-tanduk – tidak hanya terpengaruh dengan media sosial semata-mata namun menjadikan pembacaan sebagai asas dalam tindakan<br><br>**Kesimpulan**<br>Penganjuran PBAKL sememangnya memberikan implikasi positif kepada generasi muda – penghargaan yang telah diberikan oleh UNESCO kepada Kuala Lumpur pada 2020 perlulah dijadikan pembakar semangat kepada masyarakat untuk terus mengamalkan amalan murni ini – para penerbit buku juga diharapkan terus bergiat aktif dalam proses percetakan pelbagai genre bacaan agar generasi muda tidak terus hanyut dengan kemodenan arus teknologi – jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| **Soalan 2** | **Pendahuluan**<br>Salutasi – Salam sejahtera saya ucapkan kepada Ketua Pengarah Eksekutif Karnival Asas Tani Peringkat Daerah Jasin, Dato' Zulfakar bin Haji Hussin – terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang menyampaikan ucapan dalam majlis ini<br><br>Penanaman Rosel atau nama saintifiknya *Hibiscus Sabdariffa* yang terkenal dengan khasiat telah berkembang menjadi pelbagai produk untuk tujuan kesihatan – dijadikan kordial, acar dan halwa – mempunyai khasiat yang tinggi dengan zat vitamin C – tumbuhan ini juga dikatakan amat bernilai kerana dikatakan mampu menandingi kebaikan pokok kelapa atau buluh yang dikatakan serba guna – tumbuhan ini perlu terus dikomersialkan dengan cara yang betul<br><br>**Isi 1**<br>Produk dipasarkan secara segar ke pasaran terkemuka dan menjadikannya sebagai produk – dengan cara ini produk ini akan terus berkembang dan boleh digunakan oleh khalayak – pengusaha IKS juga boleh dinasihatkan untuk mempelbagaikan produk Rosel seperti kek, kuih dan produk pengetinan yang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat – justeru itu, pengusaha IKS perlulah mengambil peluang untuk menghadiri kursus-kursus yang ditawarkan oleh pihak kerajaan – mengembangkan potensi perniagaan<br><br>**Isi 2**<br>Pengusaha memohon modal daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) – banyak sumber kewangan yang diperuntukkan untuk membantu peniaga di negara ini – pengusaha perlu rajin untuk mencari peluang – banyak maklumat boleh diperoleh di media sosial hanya di hujung jari tanpa perlu berbaris panjang di kaunter – setiap tahun ada banyak peruntukan yang disediakan menerusi belanjawan negara – perkara ini memberikan manfaat kepada pengusaha namun mereka dinasihatkan untuk tidak mensia-siakan bantuan seperti melepaskan batuk di tangga<br><br>**Isi 3**<br>Pengusaha mendapatkan bantuan daripada Bank Pertanian Malaysia – bantuan tersebut untuk mengembangkan potensi perusahaan – terdapat pelbagai bentuk bantuan perniagaan yang tersedia – sebagai contoh Program TERAJU Smart Farming, Program Pembiayaan Input Pengeluaran Agromakanan, Program AGRO YES 2.0 dan Program Pembiayaan Mudah Tanam Semula – menyediakan kemudahan pembiayaan khusus disasarkan untuk usahawan muda dalam sektor pertanian menghasilkan pendapatan progresif dan berdaya saing – terus berkunjung ke cawangan bank pertanian berdekatan<br><br>**Kesimpulan**<br>Terdapat banyak cara lagi untuk mengkomersialkan tanaman seperti rozel – sekiranya tidak jelas boleh berkunjung ke Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk mendapatkan maklumat – pengusaha juga dinasihatkan terus mencari peluang yang disediakan bagi mengembangkan perusahaan ke peringkat yang lebih tinggi – di mana ada semut di situ ada gula |

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| **Soalan 3** | **Pendahuluan**<br>Revolusi Industri 4.0 atau lebih dikenali sebagai IR 4.0 ialah kemajuan yang banyak dipengaruhi oleh persekitaran baharu – memberikan cabaran baharu kepada semua sektor untuk melibatkan teknologi dalam proses pembuatan – banyak manfaat yang diperoleh negara menerusi IR 4.0 – golongan muda juga dinasihatkan untuk menceburkan diri dalam revolusi ini – apakah persediaan-persediaan yang boleh dilakukan oleh mereka?<br><br>**Isi 1**<br>Golongan muda perlu mendapatkan latihan tenaga kerja mahir dalam kemahiran yang diperlukan – kebergantungan industri terhadap sumber manusia bakal digantikan dengan sumber teknologi – tenaga manusia akan berkurangan pada masa hadapan – peluang individu yang memiliki kemahiran teknologi akan lebih luas – sebagai contoh aplikasi pintar dan jurutera program dan pakar teknologi – kerajaan boleh mempertingkat peruntukan untuk membangun dan menyediakan lebih banyak program latihan di institut pengajian tinggi – lebih ramai golongan muda tertarik untuk melibatkan diri dalam sektor ini<br><br>**Isi 2**<br>Golongan muda juga perlu menambahkan kecekapan pengurusan dan kos sesebuah organisasi – mereka akan terlibat sebagai pemain industri jadi perlu memberikan komitmen yang padu – mampu membantu industri mencapai tahap daya saing yang konsisten menerusi pengurusan operasi dan pengurangan kos – turut memberikan impak besar terhadap keperluan sumber manusia – industri perlu menganalisis kebolehan dalam mengadaptasi teknologi serta kesan jangka panjang dalam usaha mengubah corak penghasilan produk<br><br>**Isi 3**<br>Golongan muda perlu menguasai pelan ekonomi yang dibangunkan oleh pihak kerajaan – supaya bukan sekadar menjadi pelaksana malah mengembangkan potensi kepada individu yang bijak mencari peluang dalam bidang berkenaan – sebagai contoh, mereka perlu juga mengetahui cara pemotongan terhadap perbelanjaan syarikat bagi membangun dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja TVET – boleh mendalami semua ilmu ini menerusi kursus-kursus yang disediakan oleh kerajaan dari masa ke masa – pihak kerajaan juga perlu sentiasa mewar-warkannya kepada generasi muda agar dilihat sebagai organisasi yang serius memikirkan masa depan aset negara – menarik lebih ramai pelabur<br><br>**Kesimpulan**<br>Pelbagai persediaan lain yang boleh dilakukan oleh generasi muda sebelum menceburkan diri dalam bidang ini – setiap organisasi juga perlu melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing – aspirasi negara untuk menjadi negara berwawasan berjaya sekali gus dapat menyelesaikan masalah kemiskinan, pengangguran, ketidaksamaan agihan, kos sara hidup dan menjamin kestabilan ekonomi – tepuk dada tanya selera |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| **Soalan 4** | **Pendahuluan**<br>Hospitaliti dan industri pelancongan adalah salah satu industri terbesar dan paling pesat berkembang di negara ini – menarik ramai pelancong baik dari dalam atau luar negara untuk melawat Malaysia yang mempunyai pelbagai khazanah unik – mereka suka untuk menginap di hotel-hotel yang berkonsepkan hutan rimba yang menenangkan – dengan isu alam sekitar, ramai pelancong mengutamakan penggunaan teknologi hijau bagi tujuan mengurangkan impak terhadap alam sekitar – pengusaha hotel dan pusat peranginan juga diminta untuk menerima dan mengaplikasikan pengurusan alam sekitar yang proaktif<br><br>**Isi 1**<br>Ciri sektor pelancongan hijau termasuklah memilih konsep percutian mereka dengan berjalan kaki, menggunakan basikal atau hanya dengan menggunakan pengangkutan awam – mereka boleh menikmati keindahan alam sekitar dan udara yang nyaman – meluaskan pemandangan di samping mendidik generasi muda tentang pentingnya menjaga alam sekitar – generasi muda akan lebih menyayangi dan menghargai ekosistem – boleh memberikan ilmu tambahan dan mengaplikasikan pembelajaran di sekolah menerusi mata pelajaran seperti Pendidikan Moral dan Sains<br><br>**Isi 2**<br>Ciri seterusnya termasuklah berjimat dalam penggunaan air, elektrik dan tenaga yang tidak boleh diperbaharu – ibu bapa perlu menanamkan amalan murni ini kepada anak-anak agar kebaikan tersebut dibawa juga sehingga ke rumah – boleh menjadikan lebih ramai masyarakat di negara ini mempunyai sikap tanggungjawab terhadap perkara-perkara yang dilihat tidak memberikan kesan buruk kepada bumi tetapi sebenarnya boleh menipiskan lapisan ozon – sebagai contoh, sumber elektrik perlu dinyahaktifkan selepas digunakan atau ketika hendak meninggalkan bilik tidur di hotel, tidak menggunakan suhu penyaman udara yang terlalu tinggi serta menutup suis-suis lampu di dalam bilik hotel pada waktu siang – perkara itu bukan sahaja boleh mendisiplinkan anak-anak tetapi menyelamatkan bumi daripada terus menjadi mangsa kemajuan teknologi<br><br>**Isi 3**<br>Mengurangkan penghasilan sampah – membawa atau membeli peralatan mesra alam seperti botol air pakai ulang, beg beli-belah dan penyedut minuman – boleh digunakan pada masa akan datang – tidak terus membuangnya selepas digunakan – menyelamatkan hidupan dan mengurangkan kuantiti sampah yang terhasil di kawasan penginapan ketika percutian – contohi negara-negara luar yang sudah lama mengamalkannya – jika bukan kita, siapa lagi yang boleh menyelamatkan bumi tercinta ini?<br><br>**Kesimpulan**<br>Banyak lagi ciri pelancongan hijau – masyarakat dinasihatkan terus mengambil tahu, menyokong, dan menyertai kegiatan setempat yang berkaitan dengan pelestarian alam sekitar – gotong-royong atau aktiviti yang dianjurkan oleh Trash Hero – sebagai pelancong juga perlu ada sikap tanggungjawab dalam penjagaan alam sekitar – bukan untuk berseronok sahaja |

## KERTAS 2

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| **Bahagian A:**<br><br>**Soalan 1**<br>**Morfologi** | **Kata bantu**<br>– telah<br>– akan<br>– belum<br>– mahu<br>Dua ayat :<br>– Aiman telah pulang ke kampung.<br>– Dahlia akan menduduki peperiksaan SPM tidak lama lagi.<br><br>**Kata penguat**<br>– sangat<br>– amat<br>– ter-<br>– paling<br>Dua ayat :<br>– Zarif sangat gembira kerana dapat bertemu idolanya.<br>– Masakan ibu yang paling sedap.<br><br>nota:<br>• telah – kata yang menyatakan perbuatan dan lain-lain yang lampau (sempurna, selesai), sudah<br>• akan – untuk menyatakan sesuatu kemungkinan, untuk menyatakan jangkaan tentang sesuatu<br>• belum – masih tidak, lawan sudah<br>• mahu – hendak, akan (keinginan, tujuan)<br>**[Maksimum markah: 8 *markah*]** | 1<br><br>1<br><br><br><br>2<br><br><br><br>1<br><br>1<br><br><br>2 |
| **Soalan 2**<br>**Sintaksis** | – <u>Perniagaan yang terus beroperasi ketika fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) menyokong penambahan jawatan itu</u>.<br>Ayat pasif : Penambahan jawatan itu disokong oleh perniagaan yang terus beroperasi ketika fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).<br><br>– <u>Liputan vaksinasi yang meluas telah mendorong pengembangan aktiviti global dan domestik</u>.<br>Ayat pasif : Pengembangan aktiviti global dan domestik telah didorong oleh liputan vaksinasi yang meluas.<br><br>– <u>Sektor pembuatan dan perkhidmatan terus merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 3.6 peratus dan 1.9 peratus</u>.<br>Ayat pasif : Pertumbuhan positif sebanyak 3.6 peratus dan 1.9 peratus terus direkodkan oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan.<br>**[Maksimum markah: 6 *markah*]** | 2<br><br><br><br><br>2<br><br><br><br><br>2 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|

**Soalan 3**
**Penyuntingan**

**Bahan 1**

| Salah | Betul | Markah |
|---|---|---|
| Jawatan Kuasa | Jawatankuasa | 1 |
| disantuni | menyantuni | 1 |
| ialah | adalah | 1 |
| di kalangan | dalam kalangan | 1 |
| kebanyakkan | kebanyakan | 1 |
| canggong | canggung | 1 |

**[Maksimum markah: 6 *markah*]**

**Bahan 2**

| Salah | Betul | Markah |
|---|---|---|
| ONLINE | DALAM TALIAN | 1 |
| gandakan | menggandakan | 1 |
| apa sahaja | apa-apa sahaja | 1 |
| terbaru | terbaharu | 1 |
| memaksimakan | memaksimumkan | 1 |

**[Maksimum markah: 5 *markah*]**

**Soalan 4**
**Bahasa Melayu Standard**

Selepas empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah mentadbir pemerintahan kerajaan, akhirnya baginda mangkat. Anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah yang kini mendapat gelaran, Sultan Mansur Syah telah menggantikan baginda untuk memerintah kerajaan, pada usia dua puluh tujuh tahun. Pada ketika itu Sultan Mansur Syah memperisterikan anak Seri Nara Diraja yang Bernama Tun Patih Nur Pualam; serta mempunyai anak hasil hubungan bersama seorang gundik yang bernama Puteri Bakal. — 4

**[Maksimum markah: 4 *markah*]**

**Soalan 5**
**Peribahasa**

(i) kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa — 2
(ii) kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai — 2
(iii) hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri. — 2

**[Maksimum markah: 6 *markah*]**

**Bahagian B:**

**Soalan 6**
**Petikan Umum**

(i) penentuan / penetapan / pengkhususan seterusnya / berikutnya — 2

**[Maksimum markah: 2 *markah*]**

(ii) Persamaan sesuatu akta pekerjaan itu diwartakan:

**Bahan 1** – Akta Kerja 1955 Pindaan 2022 bagi memastikan status pekerjaan anda tidak ditindas dan diancam sewenang-wenangnya oleh majikan. — 1

**Bahan 2** – Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja, bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti di tempat kerja mereka, menubuhkan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan yang berkaitan dengannya. — 1

**[Isi cukup: 2]**
**[Markah bahasa : 1 *markah*]**

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | (iii) Langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh seseorang pekerja untuk mengelakkan diri daripada dibelenggu masalah kesihatan mental: | |
| | – Menjalani gaya hidup sihat seperti mendapatkan rehat yang cukup dan senaman ringan | 1 |
| | – Mengamalkan pemakanan yang seimbang mengikut piramid makanan | 1 |
| | – Mempunyai teman untuk berbual supaya boleh berkongsi masalah yang dihadapi | 1 |
| | – Berjumpa dengan pakar psikologi sekiranya mempunyai simptom negatif pada diri | 1 |
| | – Mendekatkan diri dengan agama supaya mempunyai kekuatan dalaman | 1 |
| | – Banyakkan membaca buku-buku motivasi dan kitab suci seperti al-Quran | 1 |
| | **[Isi cukup: 2]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| | (iv) Sebagai rakan yang bertanggungjawab, saya akan: | |
| | – Mendengar luahan perasaan yang terbuku dalam dirinya | 1 |
| | – Memberikan nasihat dan sokongan moral kepadanya untuk menyelesaikan perkara mengikut cara yang betul | 1 |
| | – Mengajak dia berjumpa dengan pakar psikologi untuk menyelesaikan masalahnya | 1 |
| | – Membawanya ke pusat zakat atau membuat kutipan | 1 |
| | – Sumbangan dalam kalangan pekerja di pejabat | 1 |
| | – Mencadangkan kepada majikan untuk mempertimbangkan keputusan pemecatan tersebut dibatalkan | 1 |
| | **[Isi cukup: 3]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| **Soalan 7 Petikan Sastera** | (i) telah selesai | 2 |
| | **[Maksimum markah: 2 *markah*]** | |
| | (ii) Sikap-sikap yang dimiliki masyarakat: | |
| | **Bahan 1** – Sanggup diperalat Parti Komunis Malaya dan sanggup menjual agama dan bangsa kepada komunis | 1 |
| | **Bahan 2** – Tidak mahu berjuang | 1 |
| | – Sebaliknya hanya berserah dengan cara baik tangkap ikan, duduk di warung kopi, lepas itu mengelamun tak menentu | 1 |
| | **[Isi cukup: 2]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| | (iii) Kesan sekiranya masyarakat kini tidak memperjuangkan tanah air: | |
| | – Kemerdekaan negara akan dirampas oleh penjajah | 1 |
| | – Kemakmuran negara akan musnah pada bila-bila masa sahaja | 1 |
| | – Rakyat akan berpecah belah dan boleh mengakibatkan pergaduhan sesama sediri | 1 |
| | – Ekonomi negara merudum dan kuasa-kuasa di negara ini beralih kepada penjajah kembali | 1 |
| | **[Isi cukup: 3]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
| --- | --- | --- |
| | (iv) Sebagai pengguna bersosial berhemah, saya akan: | |
| | – Menasihatinya untuk tidak terus membuat hantaran berbaur perkauman dan menjejaskan perpaduan negara menerusi mesej langsung | 1 |
| | – Menjelaskan kepadanya tentang kesan-kesan sekiranya dia berterusan dengan sikap tersebut | 1 |
| | – Menghantar bahan bacaan yang diambil ke SKMM | 1 |
| | – Melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan sekiranya dia enggan berubah<br>**[Isi cukup: 3]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]** | 1 |
| **Soalan 8**<br>**Novel** | (i) Sebab Farisha begitu kagum dengan Aliah:<br>– Alia begitu lancar, tenang dan betul-betul fasih tentang teknologi yang sedang diterangkan. Kata-katanya seperti sudah tertulis dalam skrip. Farisha berasa kagum berselang-seli dan kehairanan kerana sejak tadi dia tidak nampak pun Alia mengerdipkan mata.<br>**[Maksimum markah: 4 *markah*]** | 4 |
| | (ii) Dua peristiwa yang menyebabkan kemarahan dalam kalangan pembaca: | |
| | ***(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib*** | |
| | – Peristiwa penduduk kampung menentang hasrat Pak Saidi untuk menghantar anak-anaknya bersekolah di sekolah Inggeris. Peristiwa ini menyebabkan kemarahan dalam kalangan pembaca kerana tindakan Pak Saidi itu dilihat sebagai tali barut dan membelakangkan sistem pendidikan untuk kebanyakan orang-orang tempatan. | 3 |
| | – Peristiwa Jeneral Yamashita telah mengarahkan Leftenan Renya Mutugachi pergi ke Semenanjung Tanah Melayu untuk menjejaki keluarga Lefternan Adnan bagi membalas dendamnya. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana Jeneral Yamashita tidak sepatutnya melibatkan keluarga Lefternan Adnan untuk membalas dendam. | 3 |
| | ***(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor*** | |
| | – Peristiwa Farisha yang masih bayi tetapi menjadi uji kaji ayahnya. Ayahnya, Karl menanam implan ke dalam tubuh Farisha semata-mata untuk menjadikannya seorang yang genius pada masa akan datang. Peristiwa ini mendatangkan kemarahan pembaca kerana sebagai seorang bapa tidak sepatutnya bertindak sebegitu semata-mata untuk mencapai matlamat dirinya. | 3 |
| | – Peristiwa Azraai yang memasang retinal scanner pada pintu rumah adik angkatnya, Farisha untuk melindungi gadis itu daripada sebarang perkara tidak diingini. Peristiwa ini menyebabkan kemarahan kepada pembaca kerana peristiwa ini benar-benar berlaku di luar sana, masih ada adik beradik yang sering bergaduh kerana perkara kecil sedangkan dua watak ini menunjukkan contoh terbaik dan perlu diteladani. | 3 |
| | ***(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin*** | |
| | – Peristiwa Lili yang pada awalnya Lili agak tidak bersetuju dengan permintaan ibunya untuk dia pulang ke kampung melawat datuk dan neneknya. Perkara itu berlaku disebabkan Lili sudah mempunyai rancangan lain. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana sebagai anak tidak boleh membantah permintaan ibu malah kita hendaklah sentiasa menunaikan permintaan ibu sebelum sesuatu perkara tidak diingini berlaku. | 3 |

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | – Peristiwa Seman yang sering memukul dan mendera isteri dan anak-anaknya. Seman digambarkan sebagai seorang lelaki yang kaki pukul, kaki judi, kaki botol dan kaki perempuan. Peristiwa ini menyebabkan kemarahan pembaca kerana golongan wanita dan kanak-kanak tidak sepatutnya dilayan sedemikian rupa kerana mereka golongan yang lemah. | 3 |
| | **(*d*) *Pantai Kasih karya Azmah Nordin*** | |
| | – Peristiwa Sister Felicia yang memberi layanan buruk kepada salah seorang ibu pesakit. Sister Felicia dengan kasarnya memanggil ibu Unong Siron dengan panggilan ‘sapi tua’. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana sebagai penjawat awam kita sepatutnya mengamalkan etika profesionalisme ketika berhadapan dengan orang awam walaupun sedang menghadapi masalah. | 3 |
| | – Peristiwa Dr. Sadiz mengarahkan isterinya, Dr. Raiha menggugurkannya kandungannya kerana bayi yang bakal lahir itu didapati OKU. Dr. Sadiz berasa malu dengan keadaan anaknya dan bimbang jika masyarakat memandang mereka serong. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana sebagai ibu bapa sepatutnya reda dengan amanah yang diberikan oleh Allah dan perlu menjaga amanah tersebut dengan baik bukannya menggugurkan kandungan. | 3 |
| | **(*e*) *Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip*** | |
| | – Peristiwa Saleha bergelut dengan emosi dan murung di Hospital Permai. Semasa sakit itu, Saleha digambarkan sebagai seorang yang suka bersendiri dan menghadapi situasi yang sukar. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana kesukaran melalui detik-detik diri menghidapi penyakit itu memerlukan sikap sokongan orang sekeliling namun dia seolah-olah tidak mendapat sokongan. | 3 |
| | – Peristiwa ada segelintir penduduk kampung yang tidak mahu bekerjasama membina semula rumah Embong yang telah musnah akibat dihanyutkan oleh banjir. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana pada masa sekarang nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat sudah sukar dilihat dan nilai murni ini perlulah dicontohi oleh masyarakat di luar sana. | 3 |
| | **(*f*) *Tirani karya Beb Sabariah*** | |
| | – Peristiwa zaman kanak-kanak Waheeda yang sering dicemuh kerana memiliki wajah tidak menarik. Walau bagaimanapun, keadaannya berubah sehinggalah dia memenangi pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kerana kita tidak sepatutnya memandang rendah terhadap kekurangan orang lain. | 3 |
| | – Peristiwa Waheeda mendapatkan rawatan penyakit kemurungan di Pusat Rawatan Islam. Rawatan itu ditemani oleh ahli keluarganya. Peristiwa menimbulkan kemarahan pembaca kerana di luar sana masih ada yang mengabaikan ahli keluarga dalam keadaan sukar itu. | 3 |
| | **(*g*) *Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop*** | |
| | – Peristiwa Johan Arlingtod yang diganggu ketika sesi pembentangan terbuka projek yang diusahakan oleh Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik. Disebabkan dendam dan sikap tamak untuk menguasai tender perniagaan, mereka sanggup berbuat apa-apa sahaja. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana menjadi teguran supaya tidak mengulangi perkara yang sama kerana perkara buruk akan menimpa seseorang yang bersikap dendam. | 3 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | – Peristiwa Nurul Hafsa yang dijadikan umpan untuk menculik Muhammad Taufik sehingga berlakunya kejadian penculikan oleh sekumpulan penjahat. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kerana peristiwa itu menunjukkan kegiatan negatif seperti penculikan kerana boleh menjejaskan pelbagai pihak. | 3 |
| | **(*h*) *Silir Daksina karya Nizar Parman*** | |
| | – Peristiwa Haiqal tidak dibenarkan oleh uminya untuk melawati ayahnya yang berada di Kampung Sri Purnama, Batu Pahat. Walaupun Haiqal hanya sempat bertemu ayahnya ketika dia darjah enam, Haiqal tetap dilarang berjumpa ayahnya itu oleh sebab dendam umminya itu. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kerana sebagai seorang ibu yang berhati lembut, dia tidak sepatutnya menghalang hubungan antara ayah dan anak. | 3 |
| | – Peristiwa umi, Walid dan adik tiri Haiqal datang semasa persembahan tarian zapin oleh Haiqal di Batu pahat. Walaupun umi tidak membenarkan Haiqal ke Batu Pahat, tetapi akhirnya dia memberi restu dengan cara menyaksikan sendiri persembahan tersebut. Peristiwa ini memberikan kemarahan kepada pembaca kerana ibu merupakan individu yang akan menyokong tindak tanduk anaknya lebih-lebih lagi perkara itu adalah sesuatu yang berfaedah bukannya menghalang potensi anak. | 3 |
| | **[Maksimum markah: 6 *markah*]** | |
| **Bahagian C Soalan 9 Rumusan** | **Pendahuluan** | |
| | – Rumusan membincangkan punca-punca buli dalam kalangan murid dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah berkenaan. | 2 |
| | – Rumusan membincangkan punca-punca buli dalam kalangan murid. | |
| | **Isi-isi** | |
| | **Bahan 1** (F1) Punca-punca buli dalam kalangan murid: | 2 |
| | – Berpunca daripada keharmonian keluarga mereka sendiri | |
| | – Kekurangan kasih sayang atau perhatian apabila di rumah menjadi sebab mereka melepaskan tekanan tersebut menerusi aktiviti membuli murid lain | 2 |
| | – Pengaruh televisyen dan media massa yang seolah-olah tiada tapisan | 2 |
| | – Faktor umur yang semakin menaik menjadikan seseorang itu ingin menunjukkan kekuatannya dengan menjadi pembuli hasil pengaruh daripada filem-filem tempatan | 2 |
| | **Bahan 1** (F2) Langkah-langkah mengatasi gejala buli | |
| | – Penggiat seni dan stesen televisyen hendaklah memaparkan keindahan dan kemakmuran serta kekayaan budi bahasa rakyat kita dengan lebih banyak | 2 |
| | – Mereka juga seharusnya menjalankan tanggungjawab sosial dalam membantu membina masyarakat yang bahagia dan harmoni | 2 |
| | – Ibu bapa juga hendaklah bertanggungjawab mengenali anak-anak mereka dan mendidik mereka dengan keperibadian mulia dan unggul | 2 |
| | – Institusi kekeluargaan berperanan penting dalam mengambil berat segala aspek kehidupan generasi kini | 2 |
| | – Ibu bapa hari ini juga perlu lebih bersedia dalam ilmu mendidik anak muda | 2 |
| | **Bahan 2** (F1) – Punca-punca buli dalam kalangan murid: | |
| | – Ingin berseronok dan mencapai kepuasan. | 2 |
| | – Mengalami gangguan mental. | 2 |
| | – Ingin menunjukkan kekuasaan dan menguasai orang lain. | 2 |
| | – Merupakan aktiviti sesuatu kumpulan seperti gangsterisme | 2 |

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | **Bahan 3** (F1) **–** Langkah-langkah mengatasi gejala buli | |
| | – Carilah seorang sahabat yang boleh mengadu masalah | 2 |
| | – Carilah seorang kawan yang setiawakan | 2 |
| | **Kesimpulan** | |
| | Kesimpulannya, gejala buli dalam kalangan murid perlu dibanteras dengan segera agar institusi pendidikan negara semakin maju | 2 |
| | **[Maksimum markah: 30 *markah*]** | |

## KERTAS 3

**Bahagian A : Taksiran Individu**

**1** Tarian yang terkenal di Malaysia mengikut kaum ialah tarian zapin yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu, tarian bharatanatyam sangat popular dalam kalangan masyarakat India, dan tarian naga bagi kaum Cina.

**2** Tarian naga sangat terkenal dalam kalangan bangsa Cina pada suatu masa dahulu kerana rakyat berfikir naga boleh menguruskan air hujan, maka rakyat sentiasa berdoa kepada naga untuk turunkan hujan pada musim kemarau, dan kemudian menjadi aktiviti budaya dan rekreasi.

**3** Dua kebaikan mengekalkan warisan budaya bangsa ini ialah warisan budaya kita telah banyak menyumbang dalam sektor ekonomi, terutamanya sektor perlancongan yang telah meningkat pembangunannya dari tahun ke tahun disebabkan oleh kedatangan pelancong asing untuk melihat sendiri keunikan budaya masyarakat di negara kita. Contohnya, persembahan teater tradisional seperti bangsawan, makyung dan tarian seperti kuda kepang dan gawai. Selain itu, warisan budaya penting untuk dikekalkan demi kesinambungan tamadun kita. Melalui budaya tradisional, kita dapat mengetahui asal usul kita dan cara hidup masyarakat kita yang unik dan penuh dengan kepelbagaian.

**4** Langkah pertama yang perlu dilaksanakan bagi melestarikan warisan budaya bangsa di Malaysia ialah pihak kerajaan boleh menggunakan platform media massa untuk membuka kembali mata masyarakat yang hilang dibawa arus hiburan negara asing. Dalam masa yang sama, pihak berkuasa juga melalui Kementerian Pendidikan menjadikan warisan seni budaya sebagai salah satu subjek wajib dalam pendidikan di peringkat sekolah rendah atau menengah pasti dapat melestarikannya kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya merupakan cara terbaik untuk menyemai minat seseorang terhadap sesuatu perkara adalah melalui pendidikan di peringkat awal. Usaha lain yang wajar untuk diaksanakan adalah dengan penubuhan institusi seperti Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Sekolah Seni di seluruh negara pasti dapat menghasilkan generasi muda yang bakal menyambung legasi penggiat terdahulu. Sebagai contoh, pementasan wayang kulit dan tarian-tarian semakin kurang mendapat undangan atau sambutan.

**Bahagian B : Taksiran Kumpulan**

Pelancongan mempunyai pelbagai maksud berdasarkan perspektif dan pandangan seseorang yang terlibat dalam industri pelancongan. Mengikut Persatuan Pelancongan Sedunia (World Tourism Malaysia) pelancongan merupakan aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat, iaitu keluar daripada persekitaran asal yang menetap tidak lebih daripada satu tahun untuk tujuan rehat, perniagaan dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pula melancong bermaksud melawat sambil melihat-lihat atau bersenang-senang dan menggunakan masa lapang di hujung minggu untuk melancong ke kawasan peranginan seperti pantai, kawasan air terjun dan juga menjamu selera di restoran. Pelancongan juga merupakan aktiviti ekonomi yang mampu membawa pendapatan dan manfaat kepada komuniti. Pelancongan merupakan suatu bidang pelaburan yang berperanan dalam pembangunan negara. Oleh itu, mari kita perhalusi kepentingan industri pelancongan terhadap pembangunan ekonomi negara.

Sebagai mukadimah bicara, faedah utama melancong dalam negara sendiri adalah dapat memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi domestik. Melancong dalam negara memberi peluang kepada pelancong untuk melawat destinasi pelancongan tempatan seperti pulau-pulau yang indah, taman negara dan bandar-bandar bersejarah. Contohnya Pulau Redang, Pulau Tioman, dan Pulau Langkawi. Aktiviti ini akan meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan pelancongan tempatan seperti penginapan, restoran dan

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

pengangkutan. Sebagai contoh, perkembangan industri pelancongan tempatan telah meningkatkan permintaan rumah inap desa. Situasi ini secara tidak langsung membantu ekonomi masyarakat setempat. Dengan meningkatnya jumlah pelancongan tempatan, industri pelancongan akan berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

Pada nada yang sama, faedah lain yang diperoleh sekiranya kita melancong di kawasan-kawasan pelancongan tempatan ialah kita dapat mengenali budaya dan warisan negara dengan lebih dekat. Dalam konteks ini, Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan agama. Namun, kita berjaya hidup dengan harmoni dan telah melahirkan pelbagai jenis budaya dan warisan. Tamsilnya, apabila kita berkunjung ke negeri Melaka, kita dapat melihat budaya Baba Nyonya yang dibesarkan mengikut cara hidup dan upacara agama orang Cina tetapi diubah oleh unsur kemelayuan serta unsur tempatan yang lain. Selain itu, aktiviti melancong ke muzium-muzium juga antara aktiviti menarik yang dapat meningkatkan pengetahuan kita mengenai seni budaya dan warisan tinggalan nenek dan moyang kita. Berdasarkan prakarsa ini, jelaslah bahawa melancong dalam negara dapat membantu masyarakat terutamanya generasi muda untuk mengenali budaya dan warisan negara.

Dari sudut pandang yang berbeza pula, kepentingan melancong dalam negara akan menjimatkan kos dan masa. Dalam menghadapi cabaran ekonomi pada masa kini, kita seharusnya mengukur baju di badan sendiri. Melancong merupakan salah satu istirehat setelah kita berhempas pulas memerah tenaga bekerja pada tempoh masa tertentu. Justeru, melancong dalam negara tidak melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi kerana tiada pertukaran mata wang diperlukan dan banyak pilihan untuk kita tentukan aktiviti dan tempat penginapan yang sesuai dengan perbelanjaan kita. Dari segi masa pula, kebanyakan kawasan pelancongan boleh dilawati dengan mudah sama ada menaiki kenderaan persendirian atau pengangkutan awam. Aktiviti pelancongan boleh dilakukan pada masa hujung minggu dan kita tidak perlu mengambil cuti yang panjang untuk melawat tempat yang menarik. Tuntasnya, melancong dalam negara dapat menjimatkan kos dan masa yang kita ada.

Sebagai penutup bicara, pelbagai faedah yang diperoleh sekiranya kita melancong dalam negara kita sendiri kerana hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri. Peribahasa itu jelas menunjukkan bahawa negara kita mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan negara lain. Pelbagai jenis pusat pelancongan telah dibangunkan sama ada di kawasan pulau, pantai, tanah tinggi dan juga taman tema yang mampu menarik minat segenap usia masyarakat di Malaysia. Dengan usaha sama pengusaha pelancongan dan agensi kerajaan, promosi untuk melancong dalam negara wajar diperkasa dan menjadi tontonan umum bukan sahaja untuk masyarakat kita tetapi juga tatapan masyarakat global agar hasrat negara menjadikan Malaysia sebagai Tahun Melawat Malaysia 2025 akan tercapai.

## KERTAS 4

**PETIKAN PERTAMA**

**1** Bonda tidak membenarkan penulis ke ibu kota kerana ilmu agama penulis masih cetek dan nipis.
**2** Bonda bimbang penulis hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme.
**3** Warna kulit, Bahasa percakapan
**4** **A**

**PETIKAN KEDUA**

**1** Amalan membaca dapat menambahkan ilmu dan keyakinan seseorang untuk berhadapan dengan dunia realiti.
**2** Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Hanif Ghazali.
**3**

| Bahan ilmiah | Bahan bukan ilmiah |
|---|---|
| Penerbitan majalah | Cerpen |
| Bersifat ilmu pengetahuan | Buku-buku cerita |
| Akademik | Cerita Dongeng |

**4** Dua tindakan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah mendidik dan menanam minat membaca, menerapkan amalan membaca dalam kehidupan seharian dan membudayakan amalan mulia ini di hadapan anak-anak di samping mengajak mereka membaca bersama-sama.
**5** Bapa borek, anak rintik

**PETIKAN KETIGA**

**1** penyayang, prihatin

**2** Kita hendaklah berhati-hati dalam memilih kawan.

**3** /, /, **x**

**4** – Rajin membaca buku dan menuntut ilmu
– Pilih kawan yang berakhlak mulia dan mempunyai jati diri

**PETIKAN KEEMPAT**

**1** Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional.

**2** – Memenuhi permintaan industri
– Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi

**3** Institut Kemahiran Belia dan Negara (IKBN) Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur.

**4** **D**

**5** TVET lebih menekankan pada pembelajaran praktikal dan berasaskan kemahiran.


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

## KERTAS 1

| SOALAN | CADANGAN ISI |
| --- | --- |
| **Bahagian A** | **Pendahuluan**<br>Ramai mengetahui bahawa perbelanjaan berhemah dapat mengelakkan kebocoran simpanan dan menjaga keseimbangan kewangan – separuh rakyat Malaysia tidak dapat menyimpan RM1000 untuk kegunaan ketika kecemasan – mereka tidak mempunyai ilmu penyimpanan wang yang baik – menyebabkan masa depan mereka gelap dan sukar berhadapan dengan situasi mencabar – apakah panduan perbelanjaan secara berhemah?<br><br>**Isi 1**<br>Setiap individu perlu membuat senarai barang keperluan dan membandingkan harga sebelum membeli – untuk memastikan mereka membuat keputusan yang bijak sebelum mengeluarkan duit kepada perkara yang tidak berfaedah – boleh menggunakan *pricecatcher* untuk membandingkan harga barangan dalam tempoh yang singkat – menjadi pembeli yang bijak dan tidak boros – amalan ini perlu disebarluaskan kepada ramai orang supaya dapat membantu ekonomi masyarakat – hendaklah sentiasa membuat kira-kira terhadap komitmen seperti makan, minum, kereta, pengisian petrol dan bayaran bulanan rumah<br><br>**Isi 2**<br>Mengutamakan kualiti dan nilai serta tidak mudah terpengaruh dengan iklan dan promosi penjual – pembeli juga boleh mengamalkan prinsip tidak mengutamakan jenama – alah membeli menang memakai – ukur baju di badan sendiri – kempen boleh dilaksanakan agar lebih ramai yang cakna terhadap situasi ini dalam kehidupan yang semakin mencabar<br><br>**Kesimpulan**<br>Setiap orang perlu mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap perbelanjaan berhemah – mengelakkan tekanan emosi ketika menghadapi masalah kewangan – simpanan boleh digunakan ketika dalam kesempitan – orang sekeliling hendaklah saling mengingati agar tidak terlibat dengan pinjaman Ah Long yang boleh menyebabkan ahli keluarga terjerat sama |

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| **Bahagian B**<br><br>**Soalan 1** | **Pendahuluan**<br>Biar mati anak jangan mati adat – begitulah peribahasa yang sering diperdengarkan untuk memastikan aspek kebudayaan terus dikekalkan sehingga ke hari ini – terdapat pelbagai keunikan kebudayaan kerana negara kita mempunyai pelbagai kaum etnik dengan setiap daripadanya menampilkan identiti budaya yang unik dan istimewa – setiap kumpulan etnik memiliki ciri-ciri budaya sendiri dan mereka mengecapi tahap integrasi yang berbeza – budaya boleh dilihat menerusi perayaan, adat resam dan pengaruh – namun aspek kebudayaan pada masa ini kelihatan goyah atas sebab-sebab tertentu<br><br>**Isi 1**<br>Pengaruh budaya luar yang semakin menjadi tumpuan generasi muda menjadi asbab peninggalan nenek moyang semakin ditelan dek zaman – budaya tersebut tersebar dengan meluasnya di media sosial dan boleh diakses oleh semua masyarakat lapisan umur – generasi muda yang seolah-olah mencuba perkara baharu semakin seronok meniru walaupun budaya tersebut melanggar norma budaya ketimuran – pada awalnya hanya suka-suka tapi alah bisa tegal biasa – mereka terus melupakan warisan terdahulu dan menganggapnya lapuk dan tidak sesuai dengan peredaran masa – hasilnya lebih ramai generasi muda hanyut dengan budaya Barat<br><br>**Isi 2**<br>Pandangan serong terhadap budaya juga menyebabkan sektor berkenaan tidak berkembang – segelintir masyarakat individu yang berkecimpung dengan aktiviti budaya tidak mempunyai masa depan yang cerah – membuang masa dan tidak mendatangkan keuntungan – sepatutnya generasi muda diberikan pendedahan tentang kepentingan menyuburkan kebudayaan di negara kita bukannya memberikan tanggapan negatif kepada penggiat seni seperti penari tradisional dan individu-individu yang memakai pakaian tradisi ketika majlis-majlis keramaian – penyediaan menu-menu pada sesuatu majlis juga perlu lebih mengetengahkan makanan tradisional seperti kuih-muih yang sudah jarang ditemui di mana-mana lokasi tumpuan – perkara ini perlu mendapat kerjasama daripada pihak berkepentingan seperti Kementerian Kebudayaan dan Warisan supaya generasi kini lebih mengamatinya berbanding budaya luar<br><br>**Isi 3**<br>Pengaruh gajet yang lebih menjadi tarikan kepada generasi muda – lihat sahaja apabila golongan muda yang pergi ke pertunjukan kebudayaan bersama ibu bapa, mereka seolah-olah tidak menghiraukan persembahan namun sibuk dengan permainan video di telefon pintar – keunikan yang ditampilkan di pentas persembahan tidak lagi menjadi tarikan kepada mereka – nasihat daripada ibu bapa juga diabaikan – sedangkan usaha ibu bapa yang membawa mereka ke tempat-tempat begitu merupakan usaha yang murni dalam memastikan kesuburan budaya tradisional namun dilihat seperti bertepuk sebelah tangan – pemberian nafas baharu terhadap kesenian dan kebudayaan perlu difikirkan agar dapat menarik minat mereka – pendedahan di peringkat sekolah juga perlu dipergiatkan seperti menggalakkan lebih ramai murid menyertai pertandingan di pelbagai peringkat – jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| | **Kesimpulan**<br>Meskipun banyak cabaran usaha penyuburan budaya dalam kalangan masyarakat perlu terus dipergiat – memastikan kesenian dan kebudayaan tidak luput ditelan zaman – semua pihak perlu berganding bahu memastikan usaha ini berjaya – golongan muda juga hendaklah sentiasa mempunyai kesedaran tentang kepentingan menjaga kebudayaan tersebut – jika bukan kita siapa lagi yang ingin memastikan pengekalan budaya tersebut – membolehkan generasi akan datang merasai nikmat mengamalkan budaya sebagai identiti yang paling utama untuk masyarakat di Malaysia |
| **Soalan 2** | **Pendahuluan**<br>Ibu bapa sememangnya perlu menyediakan aktiviti yang berfaedah kepada anak-anak terutamanya ketika musim cuti persekolahan – mengelakkan anak-anak daripada terdedah dengan gejala sosial – terlalu membuang masa dengan permainan video dan media sosial yang melalaikan – ibu bapa hendaklah membawa anak-anak berkunjung ke tempat yang memberikan pengetahuan seperti Petrosains di KLCC – banyak manfaat yang boleh saya miliki menerusi kunjungi ke tempat berkenaan.<br><br>**Isi 1**<br>Menambah pengetahuan saya tentang dunia sains – banyak informasi dan fakta yang dikongsikan di Petrosains – menambahkan pengetahuan semasa untuk diaplikasikan dalam pendidikan – menjadi sebahagian pembelajaran luar bilik darjah – apabila saya mempunyai pengetahuan yang luas mereka lebih yakin untuk berkomunikasi – sesuai dengan kehendak kementerian yang mahukan murid mempunyai kemahiran berkomunikasi – tidak menjadi katak di bawah tempurung – berkongsi pengalaman yang sama dengan rakan-rakan di sekolah<br><br>**Isi 2**<br>Menanamkan minat saya terhadap teknologi – melihat pelbagai ciptaan yang terkini dan canggih yang dipamerkan di Petrosains – boleh menyentuh dan merasai pengalaman itu sendiri dan menjadikannya pembelajaran bermakna – kemahiran IQ dan EQ saya semakin matang dan boleh berkembang menjadi seorang yang suka mencuba sesuatu yang baharu – memberikan idea yang segar ketika saya menjalankan projek reka cipta di sekolah – terlibat dengan pelbagai inovasi – anak-anak seperti kain putih, yang mencoraknya bermula sejak di rumah lagi – ibu bapa perlu meluangkan masa cuti sekolah untuk membolehkan saya menerokai kepelbagaian dunia luar<br><br>**Isi 3**<br>Menetapkan kerjaya pilihan saya seawal peringkat usia – banyak perkongsian yang dikongsikan di Petrosains – pemikiran saya boleh terbuka untuk menceburi bidang aeroangkasa ketika alam kerjaya – persediaan awal dari peringkat sekolah supaya saya boleh memberikan tumpuan yang lebih kepada mata pelajaran berkaitan – memilih pajek aliran STEM semasa tingkatan 4 – Malaysia mengalami masalah apabila kerjaya sedemikian seolah-olah tidak menjadi pilihan – lawatan ke Petrosains merupakan langkah kesedaran yang boleh diambil<br><br>**Kesimpulan**<br>Banyak manfaat yang boleh dimiliki oleh pelawat – selain meningkatkan nama negara menerusi tempat pelancongan, Petrosains memberi impak positif kepada generasi muda seperti saya – keunikan negara dipandang tinggi oleh para pelancong kerana mempunyai kepelbagaian tempat pelancongan – pelbagai aktiviti yang disediakan untuk mewarnai percutian pelancong baik dari dalam mahupun luar negara |

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| **Soalan 3** | **Pendahuluan**<br>Generasi muda merupakan aset berharga kepada negara – bukan sahaja untuk memajukan ekonomi semata-mata namun menerajui kepimpinan – kelangsungan kemajuan negara terletak kepada corak pemerintahan masa hadapan – tidak mahu pisang berbuah dua kali kerana negara dijajah oleh kuasa asing – generasi kini sepatutnya perlu lebih prihatin terhadap perkembangan negara bukan sekadar terikut-ikut dengan pandangan negatif pihak tidak bertanggungjawab – apakah persediaan yang boleh dilakukan oleh generasi muda?<br><br>**Isi 1**<br>Aspek pembangunan rohani dan jasmani perlu diterapkan secara seimbang dan menyeluruh ke dalam diri – rohani dan jasmani merupakan aspek penting dalam memastikan jati diri individu terus utuh – bakal pemimpin perlu menerapkan kedua-dua elemen itu memandangkan ia tonggak keutuhan pelbagai aspek termasuklah perpaduan rakyat – pemimpin yang memandu rakyat untuk sentiasa memandangnya sebagai asas pembentukan sesebuah negara – sekiranya rohani dan jasmani tidak menjadi keutamaan dalam kepimpinan, maka benteng negara mudah dipekotak-katikkan oleh pihak tidak bertanggungjawab – kita boleh lihat ramai pemimpin yang mempunyai keseimbangan rohani dan jasmani – boleh dijadikan contoh<br><br>**Isi 2**<br>Proses membentuk jati diri generasi muda terutama dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah harus mempunyai kesinambungan berterusan – tidak terhenti di peringkat sekolah – elemen pendidikan sudah mantap namun tidak perlu menerima kesinambungan di pelbagai peringkat sama ada institusi pendidikan tinggi mahupun sektor pekerjaan – semasa mereka dewasa, tahap pengawasan sudah mula berkurangan namun pemantauan dan kesedaran hendaklah sentiasa dilakukan supaya mereka tidak tersasar dari landasan yang tepat – mengelakkan juga gejala sosial daripada meningkat dan membimbangkan ramai pihak – peranan media sosial dan pelaksanaan program bersifat kepimpinan perlu diperkasakan melibatkan seluruh generasi tanpa pengecualian – sebagai contoh PLKN dan pengambilan kadet-kadet pengurusan dan diplomatik<br><br>**Isi 3**<br>Persediaan dari aspek mental dan ketahanan daya saing – untuk memastikan mereka boleh berhadapan dengan cabaran yang lebih besar ketika memimpin negara – remaja perlu memperbanyak bahan bacaan untuk menambah ilmu pengetahuan – dengan ilmu akan menguatkan lagi kecerdasan pemikiran mereka untuk mengatur strategi pembangunan negara yang lebih mantap – memastikan negara sentiasa dipandang tinggi oleh negara lain – lebih ramai generasi yang berilmu maka masalah sosial akan berkurangan kerana mereka boleh berfikiran secara rasional dan matang – setiap individu mempunyai kepakaran sendiri maka ilmu itu bukan hanya memfokuskan ilmu teori semata-mata namun ilmu ketenteraan dan ilmu pengurusan juga perlu diperkasakan dalam kalangan generasi muda – supaya kepimpinan negara lengkap dan tidak mudah dicabar oleh kuasa asing |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| | **Kesimpulan**<br>Pelbagai persediaan lain boleh dilakukan – pihak berkepentingan perlulah sentiasa merangka pelan strategik untuk memastikan aset negara tidak hanyut dek keseronokan teknologi kini – pelbagaikan lagi program bersifat kesedaran supaya timbul rasa tanggungjawab terhadap negara tercinta ini – yang patah tumbuh hilang berganti maka pewaris kepimpinan hendaklah diteruskan supaya kegemilangan negara yang dikecapi kini dapat dikekalkan untuk generasi yang mendatang – kerjasama daripada generasi muda juga diperlukan agar usaha kerajaan kini tidak diibaratkan mencurahkan air ke daun keladi |
| **Soalan 4** | **Pendahuluan**<br>Saban tahun ada sahaja khabar berita gembira di media massa berkaitan kecemerlangan atlet negara – mereka telah mengharumkan nama di pelbagai peringkat – duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara maju – pastinya kejayaan tersebut menjadi kebangaan setiap masyarakat yang sentiasa mengharapkan kilauan emas dalam apa-apa temasya sukan – Datuk Wira Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David serta Datuk Azizulhasni Awang merupakan antara nama-nama yang menjadi bualan rakyat – pastinya kejayaan mereka disebabkan sikap profesional dan ciri-ciri istimewa dalam diri – apakah ciri-ciri tersebut?<br><br>**Isi 1**<br>Seorang atlet perlulah bermotivasi tinggi – personaliti, sosial dan kognitif memainkan peranan ketika seorang atlet ingin beraksi dan bermatlamat mencapai wawasan – perlu disokong oleh faktor persekitaran seperti dorongan jurulatih, tidak mudah mengaku kalah dengan kegagalan dalam pertandingan dan cuaca yang menjadi antara penghalang untuk seorang atlet menonjolkan kehebatan – atlet perlu menggabungjalinkan ciri keperibadian mereka dengan faktor persekitaran tersebut sebagai pendorong kepada arah kejayaan yang ingin dilakar – apabila atlet ke luar negara mereka tidak boleh mengaku kalah dengan perbezaan di negara luar sebaliknya perlu segera beradaptasi agar kejayaan dapat dilakar<br><br>**Isi 2**<br>Menanamkan sikap berani menghadapi cabaran – bagi memastikan mereka mencapai objektif utama dalam memburu impian walaupun berhadapan dengan sesiapa lawan – sikap berani akan menonjolkan keterampilan diri seorang atlet dan mewujudkan persaingan kepada pihak lawan – selain itu, sikap berani ini juga perlu dibentuk untuk memastikan atlet negara terus bersedia menghadapi segala cabaran yang mendatang – kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai – hendaklah sentiasa menampilkan persembahan yang terbaik kerana mereka sudah memilih kerjaya ini – alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan – menghadapi lawan dengan semangat juang sekali gus dapat melakukan sesuatu di luar jangkaan dengan mematuhi syarat yang ditetapkan<br><br>**Isi 3**<br>Berdisiplin tinggi juga merupakan ciri yang perlu dimiliki oleh seorang atlet – mendidik atlet untuk mematuhi peraturan, arahan dan ketetapan masa yang ditetapkan – disiplin bukan sekadar ketika di pentas perlawanan namun dari aspek latihan dan gaya hidup – sebagai contoh disiplin pemakanan, gaya hidup dan sesi latihan – disiplin bermula dari bangun tidur sehingga tidur semula kerana melibatkan pengawasan atau pengawalan dalam proses menjadi atlet yang berjaya – menampilkan juga sikap tanggungjawab kerana bukan sahaja membawa nama negara tetapi mereka cenderung untuk mempertahankan nilai-nilai murni dalam setiap tindak-tanduknya – atlet akan memiliki kesedaran diri untuk berlatih sendiri, meningkatkan keterampilan dalam menjaga fizikal dan ketahanan jasmani |

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| | **Kesimpulan**<br>Banyak lagi ciri yang boleh diterapkan dalam diri seorang atlet untuk menjadikan mereka lebih profesional dan sentiasa dipandang mulia dalam dunia sukan – mereka yang dianggap sebagai ayam tambatan kepada negara hendaklah sentiasa terus berusaha memastikan mutu terbaik dalam setiap temasya yang disertai – perlu menghargai sokongan yang diberikan oleh pelbagai pihak termasuklah daripada kerajaan dan rakyat yang sentiasa meletakkan harapan tinggi untuk mereka membawa pingat setiap kali mewakili negara – tuah ayam nampak di kaki tuah ayam siapa yang tahu |

## KERTAS 2

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| **Bahagian A:**<br><br>**Soalan 1**<br>**Morfologi** | **Empat kata hubung:**<br>yang<br>– Rumah yang terletak bersebelahan dengan kebun getah itu musnah akibat kebakaran malam tadi.<br><br>atau<br>– Ibu meminta adik supaya meninggalkan sikap buruknya itu atau dia akan dikenakan hukuman yang setimpal.<br><br>sejak<br>– Kesedaran menjaga kebersihan sungai hendaklah dipupuk dalam kalangan masyarakat sejak usia muda lagi.<br><br>dengan<br>– Ayah mencantas ranting-ranting pokok di hadapan rumah dengan menggunakan gunting yang sangat tajam.<br><br>untuk<br>– Kek hari ulang tahun ini disediakan khas untuk guru kesayangan kelas 5 Bestari.<br><br>kerana<br>– Azim perlu menonjolkan bakatnya dalam sukan bola sepak kerana dia merupakan harapan abang-abangnya yang juga pemain sukan itu.<br>**[Maksimum markah: 8 *markah*]** | <br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br>1<br>1 |
| **Soalan 2**<br>**Sintaksis** | <u>Hutan ini berfungsi untuk mengawal hakisan pantai dan menjadi habitat beberapa hidupan akuatik.</u><br>1) Hutan ini berfungsi untuk mengawal hakisan pantai.<br>2) Hutan ini berfungsi untuk menjadi habitat beberapa hidupan akuatik.<br><br><u>Pengusaha kilang arang kayu bakau tidak boleh sesuka hati menebang bakau untuk menjadikannya arang.</u><br>1) Pengusaha kilang arang kayu bakau tidak boleh sesuka hati menebang bakau.<br>2) Pengusaha kilang arang kayu bakau menjadikan kayu bakau arang.<br><br><u>Proses untuk menghasilkan arang kayu bakau ini memerlukan kepakaran tenaga kerja yang mencabar.</u><br>1) Proses untuk menghasilkan arang kayu bakau ini memerlukan kepakaran tenaga kerja.<br>2) Proses untuk menghasilkan arang kayu bakau ini mencabar.<br>**[Maksimum markah: 6 *markah*]** | <br><br><br>2<br><br><br><br><br>2<br><br><br><br><br><br>2 |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

<table>
<tr><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>Soalan 3<br>Penyuntingan</td><td>
<table>
<tr><th>Salah</th><th>Betul</th></tr>
<tr><td>dan</td><td>hingga</td></tr>
<tr><td>diharapkan</td><td>mengharapkan</td></tr>
<tr><td>pada</td><td>kepada</td></tr>
<tr><td>ketahuan</td><td>pengetahuan</td></tr>
<tr><td>kepelbagaian budaya-budaya</td><td>kepelbagaian budaya / budaya-budaya</td></tr>
<tr><td>patriotisma</td><td>patriotisme</td></tr>
<tr><td>bersendiri</td><td>tersendiri</td></tr>
<tr><td>seringkali</td><td>sering kali</td></tr>
<tr><td>Walaubagaimanapun</td><td>Walau bagaimanapun</td></tr>
<tr><td>memperaktiskan</td><td>mempraktikkan</td></tr>
<tr><td>adalah</td><td>ialah</td></tr>
</table>
[Maksimum markah: 11 markah]</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1</td></tr>
<tr><td>Soalan 4<br>Bahasa Melayu Standard</td><td>Selepas Kertala Sari hadir ke rumahnya, dia mengajukan soalan kepada ibunya, “Wahai ibuku, ke manakah bapa pergi kerana saya tidak melihatnya dari tadi?” Lalu ibunya pun menangis dan memberitahu, “Bapamu telah meninggal dunia kerana dibunuh oleh orang Melayu yang bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”<br>[Maksimum markah: 4 markah]</td><td>4</td></tr>
<tr><td>Soalan 5<br>Peribahasa</td><td>banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragamnya:<br>– lain dulang lain kaki, lain orang lain hati<br>– lain lubuk, lain ikannya<br>– lain padang lain belalang, lain orang lain ragamnya<br>– rambut sama hitam tetapi masing-masing lain<br><br>setinggi-tinggi terbang bangau akhirnya hinggap di belakang kerbau juga:<br>– belut pulang ke lumpur<br>– haruan pulang ke lubuk<br>– siri pulang ke gagang<br>– hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri<br><br>sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi:<br>– habis madu sepah dibuang<br>– sudah dapat gubah dikarang, bunga sekaki dicampak buang<br>– guna-guna alu, sesudah menumbuk dicampakkan<br>– telah dapat gading bertuah, terbuang tanduk kerbau mati<br>[Maksimum markah: 6 markah]</td><td>1<br>1<br><br><br><br><br>1<br>1<br><br><br><br><br><br>1<br>1</td></tr>
<tr><td>Bahagian B:<br>Soalan 6<br>Petikan Umum</td><td>(i) keadaan membimbangkan<br>[Maksimum markah: 2 markah]<br><br>(ii) Masalah-masalah yang berlaku dalam sektor pertanian, perikanan dan penternakan ialah:<br>Bahan 1 – Sektor pertanian, perikanan dan penternakan mengalami kerugian lebih RM90 juta kerana bencana banjir pada akhir 2021<br>– Monsun timur laut pula telah menjejaskan seramai 8,166 golongan sasar melibatkan 13,244 hektar kawasan pertanian dengan anggaran nilai kerosakan sebanyak RM48.6 juta<br>– Seramai 871 orang penternak akuakultur dan 81 pengusaha produk perikanan di seluruh negara telah mengalami kerugian berjumlah RM55 juta</td><td>2<br><br><br><br><br>1<br><br>1<br><br><br>1</td></tr>
</table>

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | **Bahan 2** – Kesan pencemaran alam sekitar seperti sisa akuakultur, termasuk sisa makanan yang tidak digunakan termasuk najis ternakan dilepaskan ke alam sekitar | 1 |
| | – Dianggarkan 100 hingga 200 kilogram (kg) nitrogen dan 10 hingga 15kg fosforus menyumbang kepada sekurang-kurangnya 30 peratus sisa air kolam setiap tahun | 1 |
| | **[Isi cukup: 2]** | |
| | **[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| | (iii) Kesan-kesan negatif sekiranya pencemaran tersebut tidak ditangani dengan segera ialah: | |
| | – Mendatangkan banyak penyakit | 1 |
| | – Pencemaran alam sekitar yang berlaku boleh mendatangkan banyak penyakit | 1 |
| | – Boleh menyebabkan bencana alam | 1 |
| | – Menyebabkan keseimbangan alam sekitar terjejas | 1 |
| | *** mana-mana jawapan yang relevan | |
| | **[Isi cukup: 2]** | |
| | **[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| | (iv) Peranan saya sebagai penduduk ketika itu ialah: | |
| | – Menegur tindakan si pelaku yang tidak bertanggungjawab itu. | 1 |
| | – Mengambil gambar keadaan yang berlaku | 1 |
| | – Menelefon pihak berkuasa untuk memberitahu keadaan yang berlaku | 1 |
| | – Melaporkan tindakan tidak bertanggungjawab itu | 1 |
| | **[Isi cukup: 3]** | |
| | **[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| **Soalan 7 Petikan Sastera** | (i) Maksud perenggan ketiga sajak ialah penyajak memandang ke atas dan melihat keadaan alam semula jadi yang semakin tercemar. Pencemaran alam semula jadi dikaitkan dengan keadaan Bahasa Melayu yang semakin kurang didaulatkan penggunaannya. Penyajak juga berpendapat bahawa kemakmuran negara tidak dapat menjamin kedaulatan bahasa Melayu. | 2 |
| | **[Maksimum markah: 2 *markah*]** | |
| | (ii) Alasan seseorang itu perlu memartabatkan bahasa Melayu: | |
| | **Bahan 1** – Mempertahankan nasib bangsa | 1 |
| | – Menjamin kemakmuran negara | 1 |
| | **Bahan 2** – Merupakan warisan yang kita masih ada | 1 |
| | – Mengekalkan maruah dan mengelakkan dilaknat Allah | 1 |
| | **[Isi cukup: 2]** | |
| | **[Markah bahasa : 1 *markah*** | |
| | (iii) Peranan pelbagai pihak untuk memastikan hasrat kerajaan itu dapat dilaksanakan: | |
| | – Media massa hendaklah menjadi platform yang penting dalam penggunaan bahasa Melayu secara serius | 1 |
| | – Institusi pendidikan perlu lebih menekankan penggunaan bahasa Melayu dalam semua program yang dianjurkan | 1 |
| | – Badan-badan kerajaan dan pihak swasta hendaklah mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi | 1 |
| | – Ibu bapa perlulah menggalakkan pendidikan bahasa Melayu dari rumah | 1 |
| | *** mana-mana jawapan yang relevan | |
| | **[Isi cukup: 3]** | |
| | **[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | (iv) Usaha saya untuk memastikan masalah tersebut tidak berterusan: | |
| | – Saya akan mengambil gambar papan tanda tersebut. | 1 |
| | – Memberitahu ibu bapa tentang kesalahan tersebut | 1 |
| | – Meminta ibu bapa melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa tempatan | 1 |
| | – Menasihatkan adik-beradik lain untuk tidak melakukan kesalahan yang sama | 1 |
| | **[Isi cukup: 3]** | |
| | **[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| **Soalan 8 Novel** | (i) Anggapan ibu tentang seseorang yang menggemari kafein dan rokok ialah | |
| | – Menghidapi penyakit seperti kemurungan, tekanan darah tinggi, kekeliruan mental, osteoporosis, kanser | 1 |
| | – Kardiovaskular akan memendekkan jangka hayat manusia | 1 |
| | – Mungkin hanya akan hidup tidak lebih daripada 50 tahun atau lebih singkat | 1 |
| | – Memudaratkan diri | 1 |
| | **[Maksimum markah: 4 *markah*]** | |
| | (ii) Dua peristiwa yang boleh dijadikan contoh kepada pembaca: | |
| | ***(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib*** | |
| | – Peristiwa Leftenan Adnan dan Datuk Penghulu menangkap tali barut Jepun. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca kerana setiap rakyat bertanggungjawab untuk memastikan negara dalam keadaan selamat dan terhindar daripada tali barut yang menjejaskan kebebasan negara. | 3 |
| | – Peristiwa peperangan sengit yang berlaku di Bukit Candu. Walaupun ramai pemimpin terkorban, namun askar Tanah Melayu tidak menyerah kalah dan berundur daripada peperangan itu. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kerana pejuang-pejuang tanah air itu telah menerapkan semangat patriotisme dalam diri pembaca untuk terus mencintai tanah air | 3 |
| | ***(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor*** | |
| | – Peristiwa Farisha menangis kesedihan waktu pertama kali melihat wajah ayahnya kandungnya, Karl. Peristiwa ini memberi contoh kepada pembaca untuk menanamkan sikap sayang-menyayangi anggota keluarga walaupun sebenarnya Farisha merupakan anak yang tidak sah taraf. | 3 |
| | – Peristiwa Karl memasukkan pelbagai jenis ubat ke dalam tubuh Farisha pada usianya masih bayi hanya dengan tujuan untuk menjadikannya anaknya itu genius. Peristiwa ini memberikan contoh kepada pembaca sebagai ibu bapa tidak boleh melawan hukum manusia dengan berbuat perkara yang tidak diizinkan sebaliknya ibu bapa perlu mendidik dengan cara yang betul mengikut nasihat daripada Kementerian Kesihatan. | 3 |
| | ***(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin*** | |
| | – Peristiwa Lili menghabiskan masa cuti persekolahannya di kampung bersama nenek dan datuk atas permintaan ibunya. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk sentiasa meluangkan masa dengan orang yang tersayang sebelum terlambat. | 3 |
| | – Peristiwa Lili sanggup memaafkan Rafik dan Haziq yang telah mengurung dan menjadikannya sebagai tebusan dalam satu insiden culik di kampung. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk tidak menjadi seorang pendendam kerana memaafkan orang merupakan amalan yang sangat mulia. | 3 |

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | ***(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin*** | |
| | – Peristiwa Raiha tetap dengan pendiriannya untuk mengekalkan janin dalam kandungannya kerana janin itu merupakan anak daripada hubungan perkahwinan yang halal. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk tidak sewenang-wenangnya menggugurkan kandungan kerana anak tersebut tidak berdosa. | 3 |
| | – Peristiwa Doktor Uwang yang berusaha lima kali menjalankan pembedahan sendi pinggul terhadap Unong Siron walaupun tidak berhasil. Peristiwa ini menjadi contoh kepada pembaca untuk terus berusaha menyelamatkan nyawa seseorang lebih-lebih lagi apabila kita menggalas tanggungjawab tersebut. | 3 |
| | ***(e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip*** | |
| | – Peristiwa Tauke Lim yang prihatin terhadap kesusahan dan kemiskinan hidup dialami oleh keluarga Embong. Tauke Lim sanggup memberikan makanan dan wang kepada mereka. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kerana kita perlulah menyelami kesusahan orang lain dan berkongsi rezeki dengan individu yang memerlukan bantuan. | 3 |
| | – Peristiwa semasa Bakar mengemas bahagian bawah rumah dan terjumpa dua biji telur ayam berwarna hitam yang berbau busuk. Telur itu juga mengandungi pelbagai bahan berkaitan aktiviti sihir. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca untuk tidak mengamalkan budaya khurafat kerana melanggar hukum agama dan kemanusiaan. | 3 |
| | ***(f) Tirani karya Beb Sabariah*** | |
| | – Peristiwa Waheeda digambarkan sebagai seorang yang berani mengambil risiko apabila dia mengambil alih perniagaan Pak Cik Abdul Aziz walaupun pada ketika itu syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan akibat penyelewengan. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kerana Waheeda mempunyai niat yang baik untuk membantu Pak Cik Abdul Aziz yang menghadapi masalah dan sebagai seorang yang berpengalaman dia sanggup untuk menghadapi risiko berkenaan untuk mencapai kejayaan. | 3 |
| | – Peristiwa Zahid yang cemburu dan bersikap curiga terhadap isterinya sehingga menjatuhkan talak satu. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kepada pembaca terutamanya para suami di luar sana untuk berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara demi menyelamatkan rumah tangga. | 3 |
| | ***(g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop*** | |
| | – Peristiwa Nurul Hafsa dan Budiman yang digambarkan gigih dalam usaha mencari dan mengumpul data-data tentang kepupusan kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor. Peristiwa ini memberikan contoh kepada pembaca kerana dalam melakukan sesuatu pekerjaan kita hendaklah menunjukkan hasil dan kualiti kerja yang terbaik. | 3 |
| | – Peristiwa Muhammad Taufik diserang dan dipukul ketika dia baru pulang dari masjid namun diselamatkan oleh Budiman dan Nurul Hafsa yang berada di kawasan berhampiran. Peristiwa ini menjadi contoh kepada kita sebagai pembaca untuk sentiasa membantu orang lain yang berada dalam keadaan kecemasan kerana kita tidak tahu apa yang akan berlaku kepada kita pada masa akan datang. | 3 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | (*h*) ***Silir Daksina karya Nizar Parman*** | |
| | – Peristiwa Haiqal yang bersikap hormat terhadap tindakan ibunya semasa tidak membenarkan dia menziarahi jenazah ayahnya di Batu Pahat Johor untuk memberi keutamaan kepada peperiksaan UPSR. Peristiwa ini menjadi contoh kepada pembaca untuk mematuhi perintah ibu yang telah banyak berkorban untuk kita sebagai seorang anak. | 3 |
| | – Haiqal pulang ke Kampung Seri Purnama, Batu Pahat Johor untuk mewarisi peninggalan ayahnya itu. Haiqal membangunkan semula seni persembahan arwah ayahnya sehingga berjaya. Peristiwa ini boleh dijadikan contoh kerana sebagai anak hendaklah mewarisi peninggalan arwah ayahnya kerana menjadi pahala berterusan sekiranya memberi manfaat kepada masyarakat. | 3 |
| | **[Maksimum markah: 6 *markah*]** | |
| **Bahagian C**<br>**Soalan 9**<br>**Rumusan** | **Pendahuluan** | |
| | – Rumusan membincangkan faedah-faedah tinggal di asrama, punca-punca murid belum sesuai tinggal di asrama dan tip-tip mengendalikan stres anak-anak di sekolah. | 2 |
| | – Rumusan membincangkan faedah-faedah tinggal di asrama dan punca-punca murid belum sesuai tinggal di asrama. | 1 |
| | – Rumusan membincangkan faedah-faedah tinggal di asrama dan tip-tip mengendalikan stres anak-anak di sekolah. | 1 |
| | **Isi-isi** | |
| | **Bahan 1** (F1) – Faedah tinggal di asrama | |
| | – Waktu belajar yang telah diatur oleh pihak sekolah berasrama lebih padat berbanding sekolah harian | 2<br>2 |
| | – Pembentukan disiplin yang tinggi dalam kalangan murid | 2 |
| | – Suasana pembelajaran di asrama juga lebih baik dan teratur | 2 |
| | – Persaingan yang sihat antara murid itu juga boleh wujud | 2 |
| | – Terdapat juga pelbagai kemudahan riadah. | |
| | **Bahan 1** (F2) – Punca-punca murid belum sesuai tinggal di asrama | |
| | – Mereka masih mentah dan belum bersedia dari segi psikologi untuk berhadapan cabaran hidup | 2 |
| | – Pada usia itu remaja memerlukan bimbingan ibu bapa dalam membentuk serta memantapkan acuan diri | 2 |
| | – Mereka masih tercari-cari dan belum mengenal identiti diri sekali gus tidak dapat membuat keputusan terbaik | 2 |
| | – Mereka lebih cenderung mendengar nasihat serta mempercayai rakan berbanding ibu bapa | 2 |
| | **Bahan 2** (F3) **–** Tip mengendalikan stres anak-anak di sekolah | |
| | – Mewujudkan keadaan sekolah yang selamat dan sihat | 2 |
| | – Membentuk ciri "Sekolah Penyayang" dalam kalangan guru dan murid. | 2 |
| | – Memberikan kebebasan murid mengekspresikan bakat menerusi pelbagai aktiviti. | 2<br>2 |
| | – Menyediakan prasarana lengkap untuk aktiviti kokurikulum. | 2 |
| | – Menyediakan bantuan kaunseling kepada semua warga sekolah. | |
| | **Kesimpulan** | |
| | Kesimpulannya tinggal di asrama perlu diberikan perhatian khusus oleh semua pihak agar anak-anak dapat menjalani pendidikan dengan berkualiti. | 2 |
| | **[Maksimum markah: 30 *markah*]** | |

## KERTAS 3

**Bahagian A : Taksiran Individu**

1 Hari Pengguna Kebangsaan 2023 diadakan di Piazza Pavilion, Bukit Jalil.

2 Tujuan sambutan Hari Pengguna Kebangsaan (HPK) 2023 anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah bukan sahaja untuk meraikan pengguna tetapi untuk mengingatkan mereka tentang hak yang perlu dipertahankan.

3 Pada pendapat saya, antara ciri pengguna yang bijak adalah mengutamakan keperluan berbanding kehendak. Di samping itu, pengguna yang bijak seharusnya mengelakkan untuk berhutang dalam berbelanja. Pengguna yang bijak juga seharusnya membeli barangan yang berkualiti kerana barangan berkualiti dapat menjamin kepuasan pengguna dan mempunyai daya tahan yang lebih lama berbanding barang yang rendah kualitinya.

4 Pada pendapat saya, untuk melahirkan pengguna yang bijak, media massa memainkan peranan yang signifikan. Sama ada pihak media elektronik seperti televisyen atau pihak media cetak terutama akhbar perlu menerapkan pengetahuan atau hak-hak pengguna kepada khalayak ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana media massa mempunyai pengaruh yang besar kepada masyarakat kita. Dengan bantuan media, pengguna akan mengetahui cara-cara yang berkesan untuk menuntut hak mereka daripada dimanipulasikan oleh peniaga. Selain itu, Badan-badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) perlu bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk mengadakan "Kempen Pengguna Yang Bijak". Dalam konteks ini, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) perlu memikul amanah untuk mengadakan kempen tersebut dari semasa ke semasa supaya orang ramai benar-benar mengetahui hak mereka sebagai pengguna. Aktiviti tentang ceramah, pameran, forum, persidangan, pertandingan koir, peraduan melukis poster dan menulis esei tentang hak pengguna harus diadakan bersempena dengan kempen tersebut.

**Bahagian B : Taksiran Kumpulan**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan bahawa pekerja ialah orang yang bekerja yang lazimnya untuk mendapat bayaran atau memperoleh pendapatan. Dalam konteks ini, pekerja mempunyai nilai yang sangat tinggi dalam sesebuah organisasi bahkan pihak kerajaan telah menggubal Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja untuk menjamin keselamatan pekerja di tempat kerja. Akta ini bertujuan untuk melindungi pekerja, rakan sekerja, ahli keluarga, majikan, pelanggan serta individu yang mungkin terjejas akibat persekitaran tempat kerja. Oleh itu, sudah pastilah majikan mengharapkan pekerjanya yang benar-benar berkualiti untuk kesejahteraan sesebuah organisasi untuk memperoleh hasil pengeluaran yang bermutu tinggi kelak. Setiap majikan mempunyai ciri pilihan mereka berdasarkan corak perniagaan atau kerja yang dijalankan. Jika melibatkan pekerjaan fizikal sudah tentu kekuatan menjadi pilihan majikan. Namun, sikap dan perangai setiap manusia berlainan bak kata pepatah Melayu rambut sama hitam, hati lain-lain. Wajar untuk kita bincangkan apakah ciri-ciri pekerja berkualiti idaman para majikan supaya dapat menjadi rujukan untuk semua.

Menelusuri ciri perdana yang diidamkan oleh majikan terhadap pekerja mereka adalah mempunyai keterampilan diri yang menarik. Keterampilan diri adalah gaya yang ditunjukkan oleh setiap individu seperti berpakaian kemas dan memakai bau-bauan yang menenangkan. Ciri ini adalah penting terutamanya dalam bidang yang memerlukan pekerja menjadi wakil kepada syarikat atau majikan dan pelanggan yang berurusan dengan mereka akan berasa tertarik dengan nilai yang ditunjukkan oleh pekerja. Bukan setakat itu sahaja, pekerja yang mempunyai keyakinan diri yang baik malah dilengkapi tatasusila yang unggul pasti membantu setiap pekerja dalam syarikat atau organisasi terbabit untuk bersikap lebih profesional. Terdapat segelintir individu terutamanya golongan pencari kerja yang baharu tamat pengajian di institusi pengajian tinggi mempunyai biodata dan profil yang meyakinkan tetapi apabila datang ke sesi temuduga, kebanyakannya kurang dari segi ketrampilan diri yang menarik ibarat indah khabar daripada rupa. Izharnya, keterampilan diri merupakan ciri pekerja yang berkualiti yang diidamkan oleh majikan.

Beralih pula kepada fokus yang kedua, majikan lazimnya mengidamkan pekerja yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik. Sejak di bangku persekolahan lagi, kita telah diterapkan bahawa komunikasi merupakan kunci kepada segala peluang. Kemahiran untuk berkomunikasi pula perlu diasah dan lahir daripada pengalaman setiap individu kerana pelbagai faktor yang menyumbang kepada cara kita berkomunikasi. Sebagai majikan, mereka pastinya memerlukan pekerja yang jujur dalam menjalankan tugasan, pandai mengutarakan pendapat apabila berlaku perselisihan dan cadangan serta bijak mendengar dan memerhati apa-apa yang dikehendaki oleh majikan. Selain itu, majikan juga gemar kepada pekerja yang pandai


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

bergaul dan membiasakan diri dengan budaya kerja mereka ibarat masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang harimau mengaum. Hal ini dikatakan demikian kerana jika syarikat dan organisasi tersebut besar dan sudah lama bertapak, mereka pasti mempunyai budaya kerja yang wajar dipatuhi oleh pekerja baharu. Tegasnya, kemahiran berkomunikasi yang tinggi akan membawa pekerja ke tahap yang lebih baik dan memberi manfaat kepada majikan.

Pada nada yang sama, majikan pastinya mengimpikan pekerja yang berkualiti dengan memiliki kecerdasan dalam menyelesaikan tugasan atau masalah yang dihadapi. Kecerdasan dalam konteks ini bermaksud keupayaan untuk merancang, menganjur, menetapkan keutamaan, menyelesaikan masalah dan menyelesaikan tugasan yang diberi. Kecerdasan merujuk kepada tahap akal dan keupayaan praktikal pekerja dalam menangani cabaran dunia pekerjaan. Bukan anak-anak yang pergi sekolah sahaja menitikberatkan mengenai kecerdasan, tetapi pekerja juga perlu kekal cerdas dan cergas, barulah produktiviti meningkat. Salah satu kaedah yang boleh digunakan oleh majikan menilai tahap kecerdasan pekerja adalah melalui cara soalan yang ditanya. Seseorang pekerja boleh menunjukkan tahap kecerdasan dengan bertanyakan soalan dan mendengar jawapan yang baik. Hal ini jelas membuktikan bahawa kecerdasan seseorang itu amat penting sebagai seorang pekerja yang berkualiti.

Bagi menyimpulkan perbincangan yang telah dihuraikan di atas, ciri-ciri yang diidamkan oleh majikan terhadap pekerja adalah mengikut variasi dan corak syarikat atau organisasi masing-masing. Umum sedia maklum bahawa majikan merupakan kepala kepada struktur organisasi atau syarikat tetapi pekerja merupakan kaki dan tangan yang melakukan pekerjaan yang perlu bagi menjayakan objektif yang ditetapkan oleh majikan. Sehubungan dengan itu, layanan yang seyogia harus diberikan kepada semua pekerja yang berkorban tenaga dan masa demi memenuhi hasrat dan visi majikan dengan memastikan kebajikan serta kadar gaji mereka diberikan mengikut ketetapan Kementerian Sumber Manusia. Ibarat dayung sudah di tangan, perahu sudah di air terletak kepada para majikan untuk menggilap dan melahirkan golongan pekerja profesional tempatan yang akan menjadi khazanah berguna untuk negara dan nusa bangsa.

## KERTAS 4

### PETIKAN PERTAMA

**1**

| | |
|---|---|
| Nama penuh | Arif Aiman bin Mohd Hanapi |
| Tarikh lahir | 4 Mei 2002 |
| Tempat lahir | Kuantan, Pahang |
| Memakai jersey bernombor | 42 |

**2** Pada tahun 2018
**3** Pemain Paling Bernilai, Penyerang Terbaik
**4** **C**

### PETIKAN KEDUA

**1** 26 Mei 2023 sehingga 4 Jun 2023.
**2** Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
**3** Acara Bilik Kuala Lumpur, Bengkel
**4**

| Nama Bengkel | Pembimbing |
|---|---|
| Bengkel Terjemahan Buku | Dr Hasuria Che Omar |
| Bengkel Penulisan Tesis kepada Buku | Profesor Dr. Roosfa Hashim |
| Bengkel Penyuntingan Bahasa | Puan Alimie Liman |

**5** penerbitan buku sendiri atau swaterbit, penulis risalah, illustrator dan pengusaha buku foto.

**PETIKAN KETIGA**

**1** Penyajak memandang ke langit lalu memerhatikan keadaan langit. Dengan perasaan penuh kesyukuran, dia menghayati keindahan alam.

**2** Personifikasi

**3** /, /, **x**

**4** Mesej yang hendak disampaikan oleh penyajak ialah kita mestilah cinta akan bahasa Melayu.

**PETIKAN KEEMPAT**

**1** Solehah yang tenat, pundi janinnya pecah di ovari, dan juga sedang koma.

**2** Seorang yang bertanggungjawab, Seorang yang prihatin

**3** Tuan Besar Musa telah banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit.

**4** **C**

**5** Nilai keprihatinan


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

# KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025 (SET 3)

## KERTAS 1

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| **Bahagian A** | **Pendahuluan**<br>Kompos ialah baja organik yang terhasil daripada penguraian bahan-bahan organik seperti dedaun kering dan rumput – kandungan baja kompos sangat baik disebabkan kandungan mikroorganisma tanah yang tinggi – akan memecahkan sisa organik kepada nutrien yang boleh diserap pokok<br><br>**Isi 1**<br>Baja ini memperbaik struktur tanah dan membekalkan nutrien berterusan – apabila kompos diletakkan di atas tanah sedia ada ia menambah karbon dan nitrogen – digunakan oleh tumbuhan untuk pertumbuhan dan fotosintesis – membantu mengekalkan air untuk kegunaan tumbuhan<br><br>**Isi 2**<br>Menggalakkan mikrob baik untuk tanah – mikroorganisma seperti bakteria, kulat dan protozoa akan mengurai bahan organik – kehadirannya penting untuk mengudarakan tanah yang mempercepat proses perkomposan, menukar nitrogen kepada bentuk yang boleh digunakan – menangkis penyakit tumbuhan<br><br>**Kesimpulan**<br>Banyak kebaikan baja kompos daripada sampah organik dibiarkan terbengkalai – merosakkan alam sekitar dan menimbulkan masalah kesihatan bagi haiwan dan manusia – mengurangkan beban terhadap alam sekitar dan memastikan sisa makanan tidak dijadikan sampah biasa tetapi menyumbang kepada alam sekitar sebagai baja |
| **Bahagian B**<br><br>**Soalan 1** | **Pendahuluan**<br>Rancangan Integrasi Murid untuk perpaduan (RIMUP) merupakan program yang dibangunkan untuk memupuk perpaduan murid melalui pelbagai program – usaha memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar berbeza etnik – program ini menggariskan empat objektif utama, iaitu menggalakkan penyertaan masyarakat setempat, guru dan warga sekolah – bertujuan menangkis tohmahan menyatakan generasi muda tidak lagi mengamalkan norma dan nilai kemanusiaan<br><br>**Isi 1**<br>Mewujudkan sikap saling kerjasama, tolong-menolong dan mewujudkan suasana muhibah secara sedar dan terancang – menerusi pelbagai aktiviti murid-murid akan menanamkan sikap positif dengan melatih diri untuk menjadi masyarakat yang proaktif – mereka juga diasuh untuk mengamalkan nilai bantu-membantu dalam aktiviti seperti aktiviti gotong-royong dan khidmat masyarakat yang dirancang – perkara ini penting dalam mengekalkan keharmonian negara yang bermula dari peringkat usia muda lagi – melentur buluh biarlah dari rebung<br><br>**Isi 2**<br>Melahirkan persefahaman dan sikap toleransi antara murid pelbagai kaum di sekolah – murid-murid diajar untuk menanamkan sikap profesional dengan sentiasa berfikir secara rasional sebelum bertindak – ramai murid kini yang bijak dalam mata pelajaran namun masih belum berupaya untuk mengukuhkan persefahaman bersama rakan-rakan – atas sebab itu, gejala buli di sekolah semakin membimbangkan masyarakat – merosakkan sistem pendidikan yang sepatutnya menjadi platform terbaik untuk murid-murid membina |

| SOALAN | CADANGAN ISI |
| --- | --- |
| | karakter masing-masing – RIMUP dilihat mampu mengatasi masalah itu kerana murid akan melaksanakan pelbagai tugasan bersama-sama mengikut pecahan kumpulan yang telah ditetapkan oleh guru<br><br>**Isi 3**<br>RIMUP juga boleh menonjolkan bakat kepimpinan dan daya saing yang sihat dalam kalangan pelajar – sikap ini penting untuk memastikan negara sentiasa dipandang hormat – RIMUP memberi peluang kepada generasi muda untuk memimpin sesebuah organisasi atau kumpulan dengan cara yang betul – mereka juga belajar dipimpin sekali gus mengukuhkan disiplin untuk masa depan yang lebih terjamin – dalam aktiviti yang dianjurkan pasti ada seorang ahli dilantik sebagai pemimpin – ahli yang lain perlu mematuhi dan sentiasa menyalurkan idea bernas untuk kelangsungan kumpulan – perkara ini melatih mereka membina karakter untuk masa hadapan<br><br>**Kesimpulan**<br>Program RIMUP perlu diteruskan di sekolah untuk memastikan pelajar-pelajar diterapkan dengan pelbagai nilai – mereka merupakan aset negara yang akan memimpin negara pada masa akan datang – Kementerian Pendidikan juga disarankan untuk merangka pelbagai garis panduan untuk menambah keunikan pengisiannya agar murid boleh menyertai aktiviti dengan terbuka – pelajar juga hendaklah sentiasa melibatkan diri dalam pelaksanaan program ini untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya perpaduan di negara ini |
| **Soalan 2** | **Pendahuluan**<br>Golongan peladang, penternak dan nelayan diiktiraf sebagai wira negara bersesuaian dengan jasa dan kepentingan golongan berkenaan – kepentingan golongan itu juga seiring dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan – negara perlu meningkatkan kapasiti pengeluaran sumber makanan dan mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan yang memberi kesan negatif terutamanya terhadap sektor ekonomi – FAMA perlu sentiasa memainkan peranan membantu para penggiat industri pertanian untuk kekal berdaya saing<br><br>**Isi 1**<br>Membantu para usahawan untuk menerokai peluang eksport bagi menggalakkan usahawan menceburi bidang ini dengan lebih luas – ramai usahawan mempunyai potensi tetapi tidak mempunyai maklumat khusus berkaitan cara untuk mengembangkan produk mereka ke pasaran yang lebih luas – hanya tertumpu kepada perusahaan berskala kecil kerana tidak mendapat pendedahan – FAMA perlu kerap melaksanakan jelajah pertanian terutamanya yang melibatkan kawasan luar bandar – pendedahan secara terperinci membantu usahawan membuka mata dan mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat lebih tinggi – menandingi produk-produk luar negara yang semakin banyak memasuki negara kita – cendawan tumbuh selepas hujan – usahawan perlu kerap mencari maklumat di laman sesawang<br><br>**Isi 2**<br>Menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan eksport serta mengatur sesi padanan perniagaan – usahawan perlu mengetahui bahawa FAMA mempunyai kumpulan penasihat untuk mengukuhkan perniagaan sektor pertanian – ilmu-ilmu berkaitan eskport bahan hendaklah dipelajari untuk mengelakkan usahawan itu ditipu oleh pihak tidak berkepentingan – ilmu tersebut sangat penting untuk memastikan sektor pertanian lebih maju ke seantero dunia – perbincangan antara delegasi dan kita hendaklah dipelajari untuk mengelakkan – lebih ramai yang mampu meningkatkan profesional dalam diri sesuai dengan usaha kerajaan untuk membaik pulih ekonomi negara kini |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | CADANGAN ISI |
| --- | --- |
| | **Isi 3**<br>Mengenal pasti produk yang berpotensi untuk menembusi sesuatu pasaran serta penambahbaikan – setiap produk mempunyai kelebihannya tersendiri namun potensi itu perlu diserlahkan oleh pihak berautoriti – usaha itu membolehkan FAMA untuk menyarankan pelbagai penambahbaikan dari segi pengurusan, kewangan dan peluang pengembangan – pihak FAMA seharusnya mengadakan lebih banyak jelajah pertanian untuk bertemu dengan para petani untuk membantu kaedah pemasaran yang terbaik<br><br>**Kesimpulan**<br>Banyak lagi bantuan yang boleh disalurkan kepada petani selain daripada kewangan – petani hendaklah sentiasa mengambil cakna terhadap sebarang pengumuman pihak kerajaan untuk merebut peluang yang diperuntukkan – untuk itu, mereka perlu juga menguasai kemahiran teknologi kini untuk sentiasa mengemas kini pengumuman dan sentiasa berusaha untuk menambah baik potensi yang dimiliki – yang bulat tidak datang bergolek yang pipih tidak datang melayang |
| **Soalan 3** | **Pendahuluan**<br>Penipuan sektor pelancongan merujuk kepada aktiviti tidak bermoral oleh individu atau kumpulan manusia semata-mata untuk mengaut keuntungan dalam sektor pelancongan secara tidak sah – boleh berlaku dalam bentuk tempahan hotel atau tiket kapal terbang atau penjualan pakej percutian yang tidak sama seperti dijanjikan – aktiviti ini boleh memberi kesan negatif kepada sektor pelancongan negara khususnya menjejaskan reputasi kawasan yang menjadi sasaran penipu – boleh menyebabkan kunjungan merosot dari tahun ke tahun<br><br>**Isi 1**<br>Pihak kerjaan hendaklah menguatkuasakan undang-undang berkaitan aktiviti pelancongan – menunjukkan penstrukturan dan indikator yang lebih baik sehingga boleh mengurangkan kes-kes penipuan – melibatkan kerjsama daripada pihak kerajaan dan pengusaha pendustrian pelancongan – Akta Industri Pelancongan 1992 (482) yang mempromosikan, mengembangkan, dan mengatur industri pelancongan di Malaysia – penguatkuasaan ini perlu disebar luas agar masyarakat mengetahui hak mereka semasa melancong dan pelaku tidak sewenang-wenangnya terus menjalankan aktiviti tidak bermoral tersebut<br><br>**Isi 2**<br>Para pelancong juga hendaklah mengoptimumkan penggunaan teknologi untuk menjalankan kajian sebelum pergi ke sesuatu tempat pelancongan terutamanya yang melibatkan pembayaran dalam talian yang banyak memberikan risiko kepada para pelancong – teknologi juga boleh memantau segala aktiviti penipuan menerusi pembacaan di media sosial digital supaya kegiatan sama tidak berulang kelada diri pelancong<br><br>**Isi 3**<br>Masyarakat juga memainkan peranan dalam mengatasi penipuan pelancongan dengan membantu memberikan informasi kepada para pelancong – mereka hendaklah meningkatkan sikap berhati-hati dalam kalangan pelancong bahawa sentiasa beringat kepada aktiviti penipuan yang sering berlaku di sesuatu kawasan pelancongan – membantu juga para pelancong untuk melaporkan sebarang jenayah yang berlaku agar tindakan sewajarnya boleh terus dilakukan dan tidak memberi kesan negatif kepada pengunjung yang lain – mencegah lebih baik daripada mengubati |

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| | **Kesimpulan**<br>Sentiasalah beringat bahawa aktiviti penipuan pelancongan perlu diatasi demi kesejahteraan semua namun tidak boleh berpeluk tubuh sahaja – memerlukan pencegahan dan penguatkuasaan yang lebih serius dan efektif – undang-undang sedia ada perlu terus dikuatkuasakan untuk melindungi para pelancong sekali gus terus mengharumkan nama negara di seantero dunia – tidak hanya mengharapkan peranan kerajaan tetapi usaha tersebut melibatkan peranan semua pihak bagi mewujudkan suasana pelancongan yang tenang dan memberikan pengalaman manis kepada para pelancong |
| **Soalan 4** | **Pendahuluan**<br>Saban hari kemalangan jalan raya terus meningkat sekai gus meragut pelbagai nyawa di negara ini – justeru pihak Kementerian Pendidikan menjalankan Program Keselamatan Jalan Raya (PKJR) untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat terutamanya pelajar-pelajar – supaya mereka memahami tentang isu keselamatan, risiko dan amalan terbaik ketika berada di jalan raya seterusnya berkongsikannya kepada ibu bapa – namun, program tersebut belum mencapai matlamatnya secara menyeluruh<br><br>**Isi 1**<br>Disebabkan pelajar tidak menganggap kurikulum itu tidak penting dan bukan sebahagian elemen dalam pentaksiran – mereka berfikir bahawa pendidikan itu belum diaplikasikan dalam hidupnya kerana kenderaan yang ada di rumah dimiliki dan dipandu oleh ibu bapa – sedangkan mereka sepatutnya mengetahui semua tanda baca terutamanya yang melibatkan pejalan kaki, penunggang basikal serta tanda baca yang berhampiran dengan sekolah – Sebagai contoh, papan tanda melintas jalan di hadapan sekolah dan kenderaan perlu memperlahankan kelajuan dan tidak melebihi had laju 30 kilometer sejam – Murid-murid boleh menasihati ibu bapa untuk membawa kenderaan dengan mematuhi had laju yang ditetapkan setiap kali melalui jalan di hadapan sekolah – melentur buluh biarlah dari rebungnya<br><br>**Isi 2**<br>Pengajaran di sekolah tidak dipelbagaikan untuk menarik perhatian pelajar – sepatutnya pembelajaran berasakan aktiviti perlu disesuaikan dengan kandungan mata pelajaran ini agar murid-murid boleh melihat teori di dalam buku teks secara lebih jelas – namun ada sebahagian guru yang hanya memberikan nota kepada pelajar tanpa menunjukkan simulasi kepada murid – menyebabkan mereka bosan dan tidak berasa kepentingannya – lebih-lebih lagi belum masa untuk mereka untuk menduduki ujian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang akan dihadapi pada usia 17 tahun – ada juga guru yang menggunakan waktu itu untuk mata pelajaran yang berkaitan peperiksaan sekali gus PKJR tidak berjalan seperti yang telah dirancang oleh pihak kementerian – pemantauan perlu dilakukan oleh pihak berwajib<br><br>**Isi 3**<br>Murid-murid itu sendiri tidak mengapliksikan pembelajaran dalam kehidupan harian – ini melibatkan kesedaran kendiri yang perlu dimiliki oleh murid-murid itu sendiri – boleh disaksikan ramai samseng jalanan melibatkan penunggang motosikal bawah umur atau pelajar sekolah – mereka mengubah suai kenderaan tanpa mengikut spesifikasi yang ditetapkan JPJ, tidak memakai topi keledar ketika ke sekolah dan melakukan aktiviti berbahaya ketika menunggang motosikal – justeru pihak berkuasa menerusi pegawai perhubungan sekolah hendaklah kerap hadir ke sekolah untuk memberikan teguran dan amaran serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid-murid |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | CADANGAN ISI |
|---|---|
| | **Kesimpulan**<br>Banyak kepentingan yang diperoleh daripada pendidikan keselamatan jalan raya – justeru, pihak berkuasa seharusnya meningkatkan usaha dalam berkempen untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat umum tentang kepentingan mendidik seseorang – pengguna jalan raya yang semakin bertambah dari hari ke hari perlu sejajar dengan inisiatif dalam memastikan jalan raya di seluruh pelusuk negara kita selamat dan baik – kecuaian manusia yang merupakan antara faktor utama kemalangan berlaku dapat dielakkan dengan langkah-langkah tertentu yang terkandung dalam pendidikan keselamatan jalan raya |

## KERTAS 2

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| **Bahagian A:**<br><br>**Soalan 1**<br>**Morfologi** | **Empat kata adjektif perasaan:**<br>gembira<br>– Adik berasa sungguh gembira kerana ayah menghadiahkannya sebuah basikal bersempena dengan ulang tahun kesepuluhnya.<br><br>bosan<br>– Sikap bosan dalam menuntut pelajaran perlu diatasi oleh murid-murid bagi menjamin masa depan mereka yang cemerlang.<br><br>sayang<br>– Puan Aminah amat sayang akan anak-anaknya namun masih mengekalkan nilai disiplin dalam membentuk keperibadian mereka.<br><br>seronok<br>– Anak-anak Encik Razali sungguh seronok apabila mereka dibawa ke taman tema air pada hujung minggu yang lalu.<br><br>bahagia<br>– Walaupun hidupnya serba sederhana namun, Mak Milah tetap bahagia bersama ahli keluarganya yang tidak meninggalkannya keseorangan di kampung.<br>**[Maksimum markah: 8 *markah*]** | <br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1 |
| **Soalan 2**<br>**Sintaksis** | – Covid-19 merupakan penyakit berjangkit yang berpunca daripada *straincoronavirus* yang baru ditemui<br>Subjek : Covid-19<br>Predikat : merupakan penyakit berjangkit yang berpunca daripada *straincoronavirus* yang baru ditemui.<br><br>– Kes Covid-19 pertama di Malaysia dikesan pada 24 Januari 2020 sebelum bermulanya kisah 'hitam' rakyat Malaysia.<br>Subjek : Kes Covid-19 pertama di Malaysia<br>Predikat : dikesan pada 24 Januari 2020 sebelum bermulanya kisah 'hitam' rakyat Malaysia. | <br><br>2<br><br><br><br><br><br>2 |

<table>
<tr><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td>– Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berhubung dengan pihak antarabangsa termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menangani wabak ini.<br>Subjek : Kementerian Kesihatan Malaysia<br>Predikat : sentiasa berhubung dengan pihak antarabangsa termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menangani wabak ini.<br>[Maksimum markah: 6 markah]</td><td>2</td></tr>
<tr><td>Soalan 3<br>Penyuntingan</td><td>Petikan 1
<table>
<tr><th>Salah</th><th>Betul</th></tr>
<tr><td>diatas</td><td>di atas</td></tr>
<tr><td>menghaselkan</td><td>menghasilkan</td></tr>
<tr><td>berbagai</td><td>berbagai-bagai</td></tr>
<tr><td>bagaimana</td><td>bagaimanakah</td></tr>
<tr><td>dari</td><td>daripada</td></tr>
<tr><td>hangat</td><td>tinggi</td></tr>
</table>
[Maksimum markah: 6 markah]<br>
Petikan 2
<table>
<tr><th>Salah</th><th>Betul</th></tr>
<tr><td>December</td><td>Disember</td></tr>
<tr><td>di bahagian</td><td>pada bahagian</td></tr>
<tr><td>BonusInsentif</td><td>Bonus Insentif</td></tr>
<tr><td>Konsistan</td><td>Konsisten</td></tr>
<tr><td>Call</td><td>Hubungi</td></tr>
</table>
[Maksimum markah: 5 markah]</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1</td></tr>
<tr><td>Soalan 4<br>Bahasa Melayu Standard</td><td>Seri Nara Diraja tidak ingin bekerjasama dengan Paduka Raja, yang sentiasa mempunyai kedudukan dan harta; kerana sudah beberapa kali lain Paduka Raja mendapat tahu bahawa Paduka Raja sudah berada di kampung Seri Nara Diraja. Oleh itu Sultan Muzaffar Syah telah mengetahui perkara tersebut dan baginda berasa sangat kecewa baginda melihat keadaan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Lalu baginda beranggapan, “Jika begini musnahlah negeri ini, kerana para pemimpin tidak bersatu hati satu sama lain.”<br>[Maksimum markah: 4 markah]</td><td>4</td></tr>
<tr><td>Soalan 5<br>Peribahasa</td><td>– seperti cendawan tumbuh selepas hujan<br>– tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa tahu / hendak seribu daya tak hendak seribu dalih<br>– bagaimana acuan begitulah kuihnya / bapa borek anak rintik / ke mana tumpahnya kuah kalau tak ke nasi<br>[Maksimum markah: 6 markah]</td><td>2<br>2<br><br>2</td></tr>
</table>

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| | | |
|---|---|---|
| **Bahagian B: Soalan 6 Petikan Umum** | (i) makin senang | 2 |
| | **[Maksimum markah: 2 *markah*]** | |
| | (ii) Kelebihan-kelebihan daripada perkembangan teknologi di negara: | |
| | **Bahan 1** – Usaha membangunkan bakat masa depan negara dan mencapai status berpendapatan tinggi. | 1 |
| | – Membantu meningkatkan pemantauan, pengesanan dan pelaporan ancaman keselamatan siber. | 1 |
| | – Meningkatkan ekosistem industri yang akan memberi manfaat kepada negara secara menyeluruh. | 1 |
| | **Bahan 2** – Memudahkan pelbagai kerja seharian kita. | 1 |
| | – Para suri rumah tidak perlu lagi membasuh kain dengan menggunakan tangan. | 1 |
| | – Urusan di pejabat juga turut menerima kesan positif | 1 |
| | **[Isi cukup: 2]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| | (iii) Dilakukan oleh pihak berkuasa untuk memastikan permasalahan tersebut tidak berterusan: | |
| | – Pihak kerajaan perlu bekerjasama dengan media massa untuk memberi kesedaran. | 1 |
| | – Mengenakan tindakan kepada pelaku di bawah Akta Komunikasi. | 1 |
| | – Menggalakkan program kesedaran di peringkat sekolah bagi memupuk nilai dalam kalangan murid. | 1 |
| | **[Isi cukup: 2]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| | (iv) Sebagai rakan kelas Fatimah, nasihat yang boleh saya berikan: | |
| | – Bersabar dan tidak perlu memaksa ibu bapanya membeli gajet dengan segera. | 1 |
| | – Fatimah boleh menggunakan kemudahan di pusat sumber sekolah | 1 |
| | – Dia juga boleh meminjam gajet rakan-rakan. | 1 |
| | – Fatimah juga boleh meminta jasa baik guru untuk mencetak nota-nota yang berkaitan. | 1 |
| | **[Isi cukup: 3]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]** | |
| **Soalan 7 Petikan Sastera** | (i) Maksud bagi rangkap kedua ialah penyair menggambarkan seorang perantau yang berkelana di negara orang namun sentiasa mengekalkan jati diri dan memperkenalkan bahasa ibunda sehinggakan orang lain turut menghormatinya. | 2 |
| | **[Maksimum markah: 2 *markah*]** | |
| | (ii) Manfaat – manfaat yang diperoleh daripada aktiviti melancong | |
| | **Bahan 1** – Dapat memperkenalkan bahasa | 1 |
| | – Menyebarkan ilmu ke peringkat lebih tinggi | 1 |
| | – Menarik pelancong untuk datang ke tanah air | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| | **Bahan 2** – Dapat menerokai keindahan alam<br>– Menyaksikan keunikan alam seperti empat rangkaian rentis yang sering dilalui oleh pengunjung taman negara iaitu Rentis Bukit Teresak, Rentis Sungai Tahan, Rentis Kuala Trenggan-Kuala Keniam dan Rentis Sungai Tenor<br>**[Isi cukup: 2]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]**<br><br>(iii) Peranan pelbagai pihak:<br>– Masyarakat hendaklah sentiasa menunjukkan sifat positif<br>– Media massa perlu terus mempergiat aktiviti promosi di pelbagai platform<br>– Pengusaha IKS perlulah mempelbagaikan aktiviti perniagaan untuk menarik perhatian pelancong<br>– Tambah baik pada sektor pelancongan juga perlu dipelbagaikan<br>**[Isi cukup: 3]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]**<br><br>(iv) Sebagai masyarakat yang cinta akan negara, cara saya untuk menarik minat rakan saya utnuk melawati Malaysia:<br>– Menceritakan keunikan tempat pelancongan di dalam negara<br>– Berkongsikan promosi menarik kepadanya yang sangat menjimatkan<br>– Mengajaknya untuk pergi bercuti bersama-sama<br>– Menasihatkannya untuk menyokong tempat pelancongan tempatan<br>**[Isi cukup: 3]**<br>**[Markah bahasa : 1 *markah*]** | 1<br>1<br><br><br><br><br><br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br><br><br><br>1<br>1<br>1<br>1 |
| **Soalan 8**<br>**Novel** | (i) Azraai bimbang terhadap Farisha kerana:<br>– Minggu lepas ada kes pembunuhan tak jauh dari apartment tempat Farisha tinggal<br>– Lelaki tersebut juga bekerja seperti Farisha, iaitu jurutera keselamatan sistem<br>– Azraai kerap mencurigai orang tanpa usul periksa.<br>**[Maksimum markah: 4 *markah*]**<br><br>(ii) Peristiwa-peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang:<br><br>***(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib***<br>– Pak Saidi yang menyayangi Adnan, Ahmad dan Amarullah telah mengajar mereka ilmu persilatan dan ilmu agama selain menghantar mereka ke sekolah Inggeris agar mereka mendapat pelbagai ilmu pengetahuan. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang kepada golongan muda yang mahukan mereka memiliki ilmu pengetahuan tinggi.<br>– Leftenan Adnan menghantar Sophia dan anak-anaknya pulang ke kampung apabila mendapat berita bahawa Jepun akan menyerang Singapura. Peristiwa ini menggambarkan nilai kasih sayang kerana pejuang tanah air bukan sahaja ingin menyelamatkan negara namun mahu memastikan keadaan anak-anak yang disayangi selamat. | <br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br><br><br><br>3<br><br><br><br><br>3 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | (*b*) ***Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor*** | |
| | – Peristiwa Farisha amat menyayangi abangnya, Azraai dan dia menangis apabila mengetahui abangnya menghadapi masalah jantung. Peristiwa ini menunjukkan rasa sayang kerana Farisha cuba membuktikan hubungan yang baik antara adik dan seorang abang yang turut menyayanginya. | 3 |
| | – Peristiwa Merilyn atau Medina sangat sayang akan anaknya, Farisha. Dia bimbang anaknya akan mati jika uji kaji dan penanaman pelbagai ubat ke dalam badan oleh Karl tidak dihentikan. Merilyn melarikan Farisha daripada Karl. Peristiwa ini jelas menggambarkan kasih sayang seorang ibu dan menentang perbuatan suaminya. | 3 |
| | (*c*) ***Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin*** | |
| | – Peristiwa Ibu Lili menolong mengeringkan tubuh anaknya yang baru selesai mandi walaupun Lili sudah berusia 17 tahun. Ibu Lili juga mengusap-usap rambut Lili dalam usaha memastikan Lili rela hati mengikut permintaannya pulang ke kampung. Peristiwa ini menunjukkan perasaan kasih sayang seorang ibu yang tidak henti-henti mencurahkan kasih sayang kepada anak perempuannya. | 3 |
| | – Peristiwa nenek dan datuk yang begitu risau setelah Lili dilarikan ke dalam hutan oleh Haziq dan Rafiq. Setelah Lili diselamatkan, nenek melarang Lili keluar dari rumah tanpa sebab. Peristiwa ini menggambarkan nilai kasih sayang terhadap cucunya yang baru sahaja berdepan dengan masalah penculikan. | 3 |
| | (*d*) ***Pantai Kasih karya Azmah Nordin*** | |
| | – Peristiwa bapa Dr Raiha menyayangi anaknya itu apabila dia tidak mahu Dr Raiha mengahwini Dr Sadiz kerana Dr Sadiz tidak sesuai dengan Dr Raiha dan umur Dr Sadiz hampir sebaya dengannya. Peristiwa ini menjelaskan kasih sayang seorang ayah yang membantu dirinya membuat keputusan terbaik dalam hidup. | 3 |
| | – Peristiwa Dr Raiha yang enggan menggugurkan kandungan walaupun disuruh oleh suaminya Dr Sadiz kerana amat menyayangi anak yang dikandungnya itu walaupun didapati cacat. Peristiwa ini menunjukkan nilai kasih sayang kerana Dr Raiha menjelaskan perasaan seorang bakal ibu yang lumrahnya menyayangi anak. | 3 |
| | (*e*) ***Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip*** | |
| | – Peristiwa Dahlia amat menyayangi ibunya walaupun ibunya menghidap penyakit kemurungan. Peristiwa ini menunjukkan contoh terbaik daripada seorang anak yang perlu menjaga dan menyayangi ibu walaupun dalam apa-apa keadaan. | 3 |
| | – Peristiwa Dahlia sanggup keluar dari asrama semata-mata mahu menjaga adik-adiknya selepas ibunya dimasukkan ke hospital. Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang seorang kakak yang sanggup berkorban apa-apa sahaja termasuk pendidikannya demi keluarga. | 3 |

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | **(*f*) *Tirani karya Beb Sabariah*** | |
| | – Peristiwa Raidah, ibu Waheeda berusaha dan sanggup pergi ke Singapura semata-mata untuk menemani anak gadisnya itu menjalani pembedahan mata dan hidung di Silicon Medical Center (SMC), Singapura. Peristiwa ini jelas menunjukkan pengorbanan ibu terhadap anaknya yang tidak berbelah bagi. | 3 |
| | – Peristiwa Bazilah yang membenarkan Waheeda tinggal bersama-sama dengannya ketika berada di Singapura. Bazilah sentiasa menemani Waheeda ketika pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Peristiwa ini pula menunjukkan kasih sayang rakan yang tidak berkira dengan rakannya. | 3 |
| | **(*g*) *Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop*** | |
| | – Peristiwa Haji Yassir iaitu bapa Nurul Hafsa sayang akan anaknya Nurul Hafsa dengan memberikan nasihat kepada anak gadisnya itu sebelum pergi menelusuri sungai di Kampung Kuantan tanpa bapanya di sisi. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang bapa kepada anak perempuannya. | 3 |
| | – Peristiwa Muhammad Taufik amat menjaga dan menyayangi alam sekitar sehingga sanggup membelanjakan wang yang besar untuk membina rumah mesra alam miliknya , iaitu Rumah TeknoAlam. Peristiwa ini memberi ajaran kepada kita untuk turut sama-sama menyayangi alam sekitar. | 3 |
| | **(*h*) *Silir Daksina karya Nizar Parman*** | |
| | – Peristiwa Cikgu Nizam sering menatap potret wajah anaknya, Aiman pada setiap malam kerana rindu akan anaknya itu. Cikgu Nizam kadang kala menangis akibat terlalu rindu akan anaknya itu. Peristiwa ini membuktikan kasih sayang seorang bapa terhadap anak yang sudah lama tidak berjumpa. | 3 |
| | – Peristiwa Peristiwa Haiqal sanggup ke Johor seorang diri untuk menjejak peninggalan arwah Abdullah bin Kayan walaupun Haiqal tidak mengenali sesiapapun di sana. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang anak terhadap ayah yang sudah lama tidak berjumpa. | 3 |
| | **[Maksimum markah: 6 *markah*]** | |
| **Bahagian C**<br>**Soalan 9**<br>**Rumusan** | **Pendahuluan** | |
| | – Rumusan membincangkan manfaat-manfaat program 3K (Kebersihan, Kesihatan, dan Keselamatan) dan cara-cara untuk menyokong program 3K | 2 |
| | – Rumusan membincangkan manfaat-manfaat program 3K (Kebersihan, Kesihatan, dan Keselamatan) | 1 |
| | **Isi-isi** | |
| | **Bahan 1** (F1) – Manfaat-manfaat program 3K (Kebersihan, Kesihatan, dan Keselamatan: | |
| | – Mendidik dan memberi pengiktirafan kepada murid sekolah rendah serta menengah dalam usaha meningkatkan persekitaran sekolah | 2 |
| | – Menggalakkan lebih banyak penyertaan dan menerapkan nilai 3K kepada warga sekolah khususnya pelajar | 2 |
| | – Mengurangkan peningkatan masalah obesiti, pencegahan wabak seperti denggi dan kes membabitkan keselamatan pelajar | 2 |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| SOALAN | JAWAPAN | Markah |
|---|---|---|
| | **Bahan 1** (F2) – Cara-cara untuk menyokong program 3K: | 2 |
| | – Merebut peluang menyertai pertandingan yang dianjurkan bagi membuktikan kemampuan sekolah. | 2 |
| | – Guru yang diberi tugas perlulah bersungguh-sungguh dan menjalankan tanggungjawab tanpa mengira waktu siang atau malam. | 2 |
| | – Sekolah juga perlu banyak memberi tumpuan terhadap elemen perkembangan dunia masa kini yang lebih mudah dan pintar. | 2 |
| | – Sekolah-sekolah juga boleh memberikan tumpuan terhadap perkara yang mudah seperti perisian yang diletakkan dengan aspek 3K dan mendapati sistem berkenaan lebih mudah digunakan. | 2 |
| | – Sekolah juga hendaklah banyak menekankan kepada keunikan dan kelainan kaedah lama | 2 |
| | **Bahan 2** (F1) – Manfaat-manfaat program 3K (Kebersihan, Kesihatan, dan Keselamatan): | 2 |
| | – Memupuk budaya kebersihan persekitaran untuk kesejahteraan rakyat | 2 |
| | – Rakyat dapat diperkasa dalam penjagaan kesihatan kendiri | 2 |
| | – Memudahkan rakyat mengakses fasiliti dan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan. | 2 |
| | – Memupuk budaya sihat dengan meningkatkan kesihatan rakyat. | 2 |
| | **Bahan 3** (F1) – Cara-cara untuk menyokong program 3K: | |
| | – Melaporkan sebarang perkara yang berkaitan keselamatan kepada pihak berkepentingan. | 2 |
| | – Pemilik bangunan perlu diberitahu tentang aspek kebersihan | 2 |
| | – Jangan bertangguh dan mengambil tindakan secepat mungkin. | 2 |
| | **Kesimpulan** | |
| | Kesimpulannya, program 3K perlu disokong oleh semua pihak agar kesihatan dan keselamatan negara semakin baik. | 2 |
| | **[Maksimum markah: 30 *markah*]** | |

## KERTAS 3

**Bahagian A : Taksiran Individu**

1 Contoh-contoh jentera moden untuk pertanian ialah jentera membajak sawah, dron untuk meracun dan jentera menuai padi.

2 Kelebihan yang diperoleh daripada penggunaan mesin jentera padi ialah para petani dapat menghasilkan hasil tanaman dengan banyak di samping menjimatkan tenaga dan masa. Di samping itu, Penggunaan jentera mesin juga dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti dengan cepat dan mudah.

3 Manfaat-manfaat yang diperoleh daripada penggunaan teknologi tersebut ialah, teknologi pertanian ini dapat membantu para petani untuk meningkatkan pengeluaran mereka dalam jangka masa yang pendek. Pada suatu ketika dahulu, sebelum sebarang teknologi pertanian diperkenalkan, masa yang lama diperlukan bagi mendapatkan tanaman. Namun demikian, kini pelbagai jenis tanaman dapat dinikmati oleh kita tanpa mengira musim ataupun masa. Sebagai contoh, negara Malaysia merupakan antara negara pengeluar minyak sawit yang terkenal. Melalui penggunaan jentera untuk memungut hasil buah kelapa sawit memudahkan urusan pekerjaan harian para petani. Di samping itu, Sains dan teknologi juga menyumbang kepada kaedah penyimpanan dan pembungkusan. Perkara ini membantu manusia dalam mengawet hasil pertanian mahupun bahan lain supaya tahan dengan lebih lama. Dalam era serba moden ini, terdapat pelbagai ciptaan yang telah dihasilkan bagi memastikan proses penyimpanan dan pembungkusan yang lancar. Selain itu, teknik pembungkusan yang menggunakan kaedah vakum juga dapat memastikan mikroorganisma atau bakteria tidak dapat membiak dan merosakkan hasil tanaman. Oleh itu, jelaslah bahawa sains dan teknologi mampu memberikan sumbangan yang besar kepada negara dalam bidang pertanian.

4 Pada pendapat saya, peranan pelbagai pihak dalam membantu memajukan sektor pertanian di Malaysia ialah pihak kerajaan menyediakan bantuan atau dana tambahan kepada golongan petani. Dalam konteks ini, pihak kerajaan seyogianya membantu golongan petani dari segi kewangan agar golongan petani dapat membeli biji benih yang berkualiti tinggi sekali gus mampu mengeluarkan hasil pertanian yang banyak. Selain itu, pihak kerajaan juga boleh menyediakan peralatan-peralatan moden yang berteknologi tinggi khususnya kepada golongan petani. Hal ini akan membuatkan golongan petani dapat bekerja dengan lebih mudah, cepat dan pantas. Sebagai contoh, para petani boleh menggunakan mesin membajak sawah dan mesin menuai padi sehingga mampu mempercepatkan proses menuai hasil tanaman. Di samping itu, pihak kerajaan juga perlu menggembleng tenaga dalam usaha untuk memasarkan hasil pertanian para petani. Strategi pemasaran daripada kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) juga dilihat sebagai satu usaha yang proaktif dalam membantu golongan petani memasarkan hasil pertanian mereka. Dalam pada masa yang sama, pasar tani yang diwujudkan oleh FAMA mampu membantu para petani meraih keuntungan yang besar kerana tidak melibatkan orang tengah dalam urusan jual beli hasil pertanian mereka.

**Bahagian B : Taksiran Kumpulan**

Dalam dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, hampir setiap hari kita diperkenalkan dengan teknologi baharu hasil daripada inovasi yang dilakukan. Inovasi membawa maksud kepada idea atau kaedah baharu yang tidak pernah dilakukan oleh sesiapa. Hakikatnya, inovasi juga membawa maksud sebagai solusi yang diperkenalkan bagi menyelesaikan masalah yang timbul secara berkesan. Oleh hal yang demikian, marilah kita bersama-sama menelusuri manfaat-manfaat inovasi ini dalam kehidupan kita semua secara lebih rasional.

Sebagai lontaran idea yang pertama, manfaat inovasi dalam kehidupan adalah dapat membantu meningkatkan kualiti hidup manusia sejagat. Hal ini dikatakan demikian kerana, kita telah hidup dikelilingi dengan hasil inovasi yang pelbagai dan memakan masa yang lama. Tamsilnya, peralatan-peralatan elektronik yang kita nikmati pada hari ini memudahkan kita menyiapkan urusan rumah tangga terutamanya kepada golongan ibu bapa seperti penggunaan mesin mencuci pinggan dan penyedut hampagas. Justeru, setiap inovasi yang kita nikmati hari ini telah membantu kita menjimatkan masa untuk menyelesaikan sesuatu pekerjaan kerana masa itu emas. Impaknya, kualiti kehidupan masyarakat akan bertambah baik kerana setiap pekerjaan yang dilakukan dapat disiapkan dalam jangka masa yang singkat. Oleh sebab itu jelas terbukti kepada kita bahawa kualiti hidup manusia segajat mampu ditingkatkan dengan adanya inovasi.

Menelusuri idea yang seterusnya, inovasi dapat membantu membuka pasaran baharu dalam ekonomi dunia. Sedar atau tidak bahawa kerancakan penggunaan media sosial telah melahirkan pasaran yang baharu dan inovatif kepada masyarakat kita. Masyarakat lebih memilih untuk menggunakan pembelian secara dalam

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

kerana mereka tidak perlu keluar rumah dan hanya menunggu produk yang diinginkan dihantar ke kediaman masing-masing. Tambahan pula, pasaran baharu dapat memberikan pilihan kepada pengguna untuk membeli produk dengan harga yang jauh lebih murah berbanding pembelian di kedai serbaneka. Misalnya, dengan hanya menggunakan aplikasi Shopee dan Zalora, masyarakat dapat membeli pelbagai pilihan barangan seperti pakaian, alat penjagaan kesihatan kulit wajah dan lain-lain lagi. Oleh hal yang demikian jelas terbukti bahawa, inovasi membantu mencipta dan memberi keseimbangan kepada pasaran produk yang dihasilkan.

Rentetan daripada huraian di atas, manfaat yang diperoleh daripada inovasi adalah dapat memelihara ekosistem dan alam sekitar. Menyedari hakikat ini, inovasi dilihat sebagai satu langkah yang proaktif untuk memulihara alam sekitar. Sebagai contoh, masyarakat boleh mencipta inovasi-inovasi yang baharu daripada bahan-bahan kitar semula seperti kertas, aluminium dan botol-botol plastik untuk menghasilkan pelbagai barangan kraf tangan yang lain seperti pasu bunga, alat-alat yang digunakan untuk menanam sayur-sayuran dan pelbagai hasil kraf tangan yang lain. Di samping itu juga melalui inovasi, sumber tenaga baharu seperti penggunaan panel solar turut mendatangkan impak yang berkesan kepada masyarakat kerana mampu menjimatkan sumber tenaga elektrik.Implikasi daripada penggunaan bahan-bahan baharu ini dilihat sebagai batu loncatan ke arah kelestarian alam sekitar. Natijahnya, setiap inovasi yang dicapai pada hari ini adalah demi kebaikan kita dan juga generasi akan datang.

Akhir sekali, inovasi memberikan manfaat dalam kehidupan kerana dapat mengurangkan risiko terhadap kebergantungan kepada tenaga kerja manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana revolusi industri yang kian pesat telah mengubah masyarakat kini mencipta peralatan-peralatan canggih yang mampu memberikan kemudahan dalam semua bidang. Sebagai analoginya, suatu ketika dahulu, pembayaran tol di lebuh raya masih menggunakan perkhidmatan manusia, namun kini tidak lagi apabila di setiap laluan tol telah menggunakan mesin dan pembayaran tol hanya menggunakan kad yang dipanggil 'Touch and Go'. Kesannya, melalui inovasi penghasilan pembayaran melalui 'Touch and Go' ini mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu-waktu puncak. Jelas terbukti kini bahawa melalui inovasi dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manusia sekali gus mempercepatkan segala urusan seharian.

Sebagai penutup bicara, pelbagai manfaat yang diperoleh dalam kehidupan masyarakat pada hari ini hasil daripada inovasi. Oleh itu, semua pihak perlu membudayakan amalan inovasi dalam kehidupan harian agar bertambah maju serta kekal relevan. Kerancakan ekonomi dan globalisasi hari ini menjadi kayu pengukur kemampuan kita untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain. Pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan dasar-dasar yang diperkenalkan mempunyai unsur inovasi serta memberi manfaat yang efektif kepada seluruh rakyat Malaysia. Semoga inovasi yang kita kecapi hari ini membawa kita untuk mencapai kemajuan sejagat seiring dengan negara-negara maju yang lain ibarat duduk sama rendah berdiri sama tinggi.

## KERTAS 4

**PETIKAN PERTAMA**

**1** Angel
**2** Di perpustakaan
**3** Setiap perkataan yang dia ucapkan jelas dan lancar.
**4** – Keluarganya menggalakkannya membaca buku-buku bahasa Melayu yang bermutu.
– Di samping itu, dia mempelajari tatabahasa dengan baik.
– Dia selalu membuka kamus untuk mempelajari ejaan dan makna kata-kata yang dibaca
– Dia melatih dirinya menggunakan bahasa baku apabila membaca atau bercakap.
(mana-mana dua jawapan di atas)
**5** Sama-samalah kita belajar menguasai bahasa kebangsaan negara kita.

**PETIKAN KEDUA**

**1** **C**
**2** Cara untuk menghilangkan lenguh-lenguh badan dan cara untuk membunuh kutu kepala.
**3** Rebus beberapa tangkai bunga betik jantan dengan air. Minumlah air rebusan tadi, sehari dua kali pada waktu pagi dan malam.
**4** ambil sedikit kerak nasi dan rendamkan dalam air suam. Apabila kerak nasi sudah kembang, minum airnya. Amalkan setiap pagi.
**5** Ella

**PETIKAN KETIGA**

**1** Merah

**2** Kasut sekolah tak pakai, baju sukan tak bawa.

**3** – Dia tidak pernah membantah kata-kata guru.
– Dia tetap patuh tanpa banyak soal.
– Ahmad tidak pernah ponteng.
– Kegigihannya memang ketara.
(mana-mana dua jawapan di atas)

**4** Jangan buka-buka kasut ini selagi kamu tidak beli kasut baru.

**PETIKAN KEEMPAT**

**1** **D**

**2** – Berpunca daripada loji rawatan kumbahan dan pelepasan sisa perindustrian.
– Kewujudan kilang haram serta kawasan perumahan setinggan di kawasan rizab sungai
– Pertambahan penduduk
(mana-mana dua jawapan di atas)

**3** **B**

**4** Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974)

**5** mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap penjagaan alam sekitar.

**6** Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan penduduk atau masyarakat.


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

## Kertas 1

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| **Bahagian A** | **Pendahuluan**<br>Permainan tradisional – warisan budaya yang kaya dengan nilai sejarah dan adat resam sesuatu bangsa – permainan seperti congkak, gasing, wau, sepak raga dan batu – identiti masyarakat kita yang penuh kreativiti serta kebersamaan – permainan tradisional semakin terpinggir – pengaruh permainan moden dan teknologi – oleh itu, langkah-langkah strategik perlu diambil untuk mempopularkan permainan tradisional – warisan ini tidak lenyap ditelan zaman<br><br>**Isi 1: Aktiviti kokurikulum**<br>Langkah pertama – menganjurkan program kesedaran dan permainan tradisional di sekolah melalui aktiviti kokurikulum – sekolah adalah tempat yang sesuai – memperkenalkan permainan ini kepada generasi muda – pihak sekolah boleh mengadakan minggu budaya atau karnival permainan tradisional – pelajar berpeluang mempelajari dan mencuba permainan seperti congkak atau gasing – aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan – mendidik pelajar tentang sejarah dan nilai-nilai murni yang terkandung dalam permainan tersebut<br><br>**Isi 2: Menganjurkan pertandingan**<br>Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan – memainkan peranan aktif dalam melestarikan permainan tradisional – pihak kerajaan boleh memperuntukkan dana membangunkan pusat permainan tradisional di setiap negeri – pusat ini boleh menjadi tempat latihan, pertandingan dan pameran permainan tradisional – permainan tradisional boleh dijadikan sebagai sebahagian daripada acara pelancongan – seperti yang dilakukan semasa festival kebudayaan dan karnival pelancongan |

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| | **Kesimpulan:**<br>Permainan tradisional adalah warisan berharga yang perlu dipelihara dan dipopularkan – usaha bersama daripada semua pihak – individu, institusi pendidikan, media dan kerajaan – merupakan kunci untuk memastikan permainan ini terus relevan – langkah-langkah yang komprehensif – permainan tradisional tidak hanya dikenali oleh masyarakat tempatan – berpotensi menarik perhatian masyarakat dunia – “Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas,” – warisan permainan tradisional kita harus dipertahankan – segar sepanjang zaman |
| **Bahagian B**<br>**Soalan 1** | **Pendahuluan**<br>Stres – keadaan yang biasa dihadapi – setiap individu, tidak kira usia mahupun kedudukan – tekanan boleh berpunca daripada pelbagai faktor, seperti beban kerja, masalah kewangan, konflik perhubungan atau cabaran dalam pelajaran – stres boleh memberi kesan buruk – kesihatan mental dan fizikal kita – penting – kita mengetahui cara-cara menangani stres berkesan<br><br>**Isi 1: Melakukan senaman**<br>Kesihatan fizikal berkait rapat kesihatan mental – lakukan aktiviti fizikal seperti bersenam, berjoging atau berjalan kaki – aktiviti ini meningkatkan pengeluaran endorphin – hormon yang membantu berasa lebih bahagia – kurang stres – pastikan kita mendapat tidur yang mencukupi – mengamalkan pemakanan sihat<br><br>**Isi 2: Berkongsi masalah**<br>Jangan memendam perasaan seorang diri – luangkan masa – berbual dengan keluarga, rakan atau kaunselor – mendengar dan memberi nasihat – berkongsi masalah dengan orang lain – mengurangkan beban di hati – memberi kita sudut pandang yang baharu – masalah yang dihadapi akan terasa ringan<br><br>**Isi 3: Kawal emosi**<br>Apabila berhadapan dengan tekanan – penting untuk berfikiran positif. Jangan biarkan masalah kecil membarah di fikiran kita – amalkan teknik pernafasan dalaman dan melakukan meditasi – dapat membantu menenangkan minda dan mengurangkan tekanan yang dirasai<br><br>**Kesimpulan**<br>Menangani stres memerlukan – konsisten – perlu sentiasa peka terhadap perubahan emosi dan bertindak – tekanan menjadi tidak terkawal – hidup ini penuh – cabaran, dengan keimanan, kesabaran dan usaha, kita pasti – melaluinya dengan baik |
| **Soalan 2** | **Pendahuluan:**<br>Sejarah adalah cerminan masa lalu – membantu manusia memahami asal usul – perkembangan – kebijaksanaan hidup – mempelajari sejarah, – mengenal perjalanan tamadun manusia, kejayaan bangsa dan peristiwa penting – membentuk dunia hari ini – mempelajari sejarah tidak boleh disangkal kerana – memberikan manfaat besar – pelbagai aspek kehidupan |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| | **Isi 1: Menanamkan semangat cinta**<br>Sejarah membantu – menghargai identiti dan warisan budaya setiap bangsa mempunyai sejarah unik – membentuk identiti mereka – memahami sejarah – mengenali perjuangan nenek moyang kita dalam mempertahankan tanah air, agama dan budaya – di Malaysia, sejarah kemerdekaan negara mengingatkan kita – pengorbanan para pejuang yang telah berusaha menentang penjajah demi kemerdekaan – menanamkan rasa cinta kepada negara – memperkuat jati diri sebagai rakyat Malaysia<br><br>**Isi 2: Panduan pada masa hadapan**<br>Sejarah – panduan untuk membuat keputusan pada masa hadapan – ungkapan menarik "Sejarah berulang," bermaksud peristiwa-peristiwa lampau sering menjadi asas kepada peristiwa baharu – dengan memahami sejarah – mengenal pasti kesilapan pernah dilakukan – perlu mengelakkannya – sebagai – kajian terhadap kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an menjadi panduan kepada negara-negara untuk mengelakkan krisis ekonomi – serupa pada zaman moden – dengan sejarah kita boleh memajukan negara<br><br>**Isi 3: Jasa-jasa pejuang tidak dilupakan**<br>Masyarakat tidak lagi menghargai jasa-jasa pejuang tanah air kita – telah bersusah payah membebaskan negara kita daripada dijajah – generasi muda seharusnya mengingati jasa dan sumbangan tokoh-tokoh tanah air – Tunku Abdul Rahman, Tun H.S Lee dan Tun Dr. Ismail – negarawan ini telah berhempas pulas mencari jalan terbaik – supaya menikmati kemakmuran dan kedamaian hidup dalam masyarakat hari ini – sentiasa bersyukur dan memberi penghargaan terhadap pengorbanan pejuang tanah air terdahulu – harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama<br><br>**Kesimpulan:**<br>Mempelajari sejarah – satu keperluan untuk memahami diri, masyarakat – dunia secara keseluruhan – bukan sahaja membantu kita menghargai masa lalu – membimbing kita ke arah masa depan – lebih cerah – marilah kita terus menanam minat terhadap sejarah – mengambil iktibar daripada kisah silam dan menjadi individu – lebih berpengetahuan – bertanggungjawab |
| **Soalan 3** | **Pendahuluan**<br>Menempuh alam pekerjaan – satu fasa penting dalam kehidupan setiap individu – peralihan dari dunia pembelajaran ke dunia pekerjaan memerlukan persediaan rapi – memastikan mereka mampu menyesuaikan diri – berjaya dalam kerjaya yang diceburi – beberapa persediaan penting – dilakukan – pelajar sebelum melangkah ke alam pekerjaan<br><br>**Isi 1: Kemahiran teknikal**<br>Asas utama – setiap pekerjaan – pelajar harus memastikan mereka menguasai ilmu kemahiran – relevan dengan bidang yang diceburi – dicapai melalui latihan praktikal, kursus tambahan, dan program latihan industri – membolehkan – memahami realiti dunia pekerjaan – seorang pelajar jurusan teknologi maklumat – menguasai kemahiran seperti pengaturcaraan, analisis data – penggunaan perisian tertentu |

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| | **Isi 2: Kemahiran komunikasi**<br>Kebolehan berkomunikasi lebih daripada satu bahasa menjadi nilai tambah yang amat dihargai oleh majikan – Bahasa Inggeris, sebagai bahasa antarabangsa – sering digunakan dalam mesyuarat, dokumen rasmi – disarankan untuk menghadiri kelas bahasa atau memanfaatkan sumber dalam talian bagi mengukuhkan penguasaan bahasa mereka – persediaan ini perlu dilaksanakan secara konsisten – mereka bersedia menghadapi cabaran – lebih yakin dan berkesan<br><br>**Isi 3: Emosi dan mental**<br>Dunia pekerjaan – cabaran seperti tekanan kerja, persaingan – tanggungjawab – berat – pelajar harus melatih diri – bersikap positif, fleksibel dan berdaya tahan menghadapi tekanan – membaca buku motivasi, berbincang dengan mentor atau menyertai bengkel pembangunan diri – pelajar mempersiapkan mental – emosi mereka<br><br>**Kesimpulan:**<br>Persediaan yang rapi – memberi pelajar keyakinan – menghadapi cabaran di alam pekerjaan – kemahiran, pengalaman dan sikap yang baik – kunci kejayaan – melangkah ke dunia professional – setiap pelajar – memanfaatkan peluang semasa belajar – mempersiapkan diri sebaik mungkin agar – mencapai matlamat kerjaya mereka |
| **Soalan 4** | **Pendahuluan:**<br>Media sosial telah menjadi platform utama dalam dunia komunikasi dan penyebaran maklumat dalam era digital – sebalik manfaat yang diperoleh, media sosial juga sering menjadi medan untuk tingkah laku negatif, termasuk buli siber – perbuatan menghina, mengejek atau mengancam seseorang secara dalam talian – apabila seseorang individu menjadi mangsa buli siber, kesannya bukan sahaja dirasai oleh individu tersebut – keluarga, kerjaya dan negara turut terkesan – mari kita membincangkan – kesan buruk apabila seseorang itu menjadi mangsa buli siber<br><br>**Isi 1: Imej negara tercemar**<br>Persepsi negatif masyarakat global terhadap nilai budaya rakyat negara tersebut – Malaysia terkenal dengan kepelbagaian budaya dan sifat sopan santun rakyatnya – akan tercemar imejnya apabila tingkah laku kasar dan biadab dilakukan rakyat sendiri di ruang media sosial – apabila insiden buli siber yang melibatkan rakyat Malaysia mendapat perhatian antarabangsa – mencerminkan kelemahan dalam aspek moral dan undang-undang negara kita sekali gus merosakkan reputasi negara<br><br>**Isi 2: Meragut nyawa individu**<br>Buli siber memberi tekanan emosi yang sangat berat kepada mangsa – menyebabkan mereka mengalami gangguan mental seperti kemurungan atau kebimbangan melampau – kata-kata hinaan atau ejekan yang diterima secara berterusan di media sosial boleh menanam perasaan rendah diri dan tidak berharga dalam diri mangsa – situasi yang paling kritikal, mangsa mungkin merasa tiada jalan keluar selain mengambil tindakan drastik seperti mencederakan diri atau membunuh diri – kes-kes sedemikian telah banyak dilaporkan di negara kita yang menunjukkan bahawa buli siber bukanlah isu remeh |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| | **Isi 3: Akademik seseorang murid merosot**<br>Mangsa buli siber sering kali kehilangan motivasi untuk belajar – merasa terasing daripada rakan sekelas atau guru – takut dikecam atau dipandang rendah – menyebabkan mangsa mengambil keputusan untuk tidak hadir ke sekolah atau memilih untuk menyendiri – ketiadaan interaksi sosial yang sihat akan menjejaskan perkembangan akademik, terutamanya dalam mata pelajaran yang memerlukan kerja kumpulan atau pembentangan – lama-kelamaan, prestasi akademik mereka akan terus merosot<br><br>**Kesimpulan**<br>Buli siber ialah masalah serius yang memberi kesan buruk kepada individu, masyarakat dan imej negara – dari segi emosi, sosial, akademik, mahupun keselamatan nyawa – kesannya tidak boleh dipandang ringan – mencegah lebih baik daripada mengubati – sebagai pengguna media sosial yang bertanggungjawab – setiap individu perlu memainkan peranan penting dalam membanteras isu ini – amalkan etika komunikasi yang baik, bersikap empati, dan tidak menyokong sebarang bentuk buli dalam talian – semoga negara kita terus maju |

## Kertas 2

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **Bahagian A:**<br>**Soalan 1**<br>**Morfologi** | **Kata adjektif**<br>– lewat<br>– berat<br>– dekat<br>– tinggi<br>– panjang<br>Satu ayat:<br>– Ahmad telah lewat ke sekolah kerana kereta ayahnya rosak.<br>– Tayar basikal itu tidak dapat menampung berat abang yang berlebihan.<br>– Jarak antara rumah Aina dan sekolah begitu dekat.<br>– Adik terpukau dengan bangunan yang sangat tinggi di sekitar Kuala Lumpur.<br>– Negara kita dijangka mengalami musim kemarau yang sangat panjang bermula bulan hadapan. | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 | 8 |
| **Soalan 2**<br>**Sintaksis** | – Subjek: Malaysia<br>Predikat: sememangnya kaya dengan kepelbagaian budaya, cara hidup, adat dan agama.<br>– Subjek: Makanan tradisi<br>Predikat: merupakan satu faktor kepelbagaian dan warna-warni budaya yang terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia.<br>– Subjek: Kuih tradisional di Malaysia<br>Predikat: menjadi satu identiti dan keunikan yang tidak terdapat di negara lain. | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1 | 6 |

<table>
<tr><th>Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Sub markah</th><th>Markah total</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Soalan 3<br>Penyuntingan</td><td>
<table>
<tr><th colspan="2">Bahan 1</th></tr>
<tr><th>Salah</th><th>Betul</th></tr>
<tr><td>dibuat</td><td>diperbuat</td></tr>
<tr><td>masa</td><td>semasa</td></tr>
<tr><td>berbagai</td><td>pelbagai</td></tr>
<tr><td>keramaian</td><td>keraian</td></tr>
<tr><td>pancak</td><td>pencak</td></tr>
<tr><td>baru</td><td>baharu</td></tr>
</table>
</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1</td><td>6</td></tr>
<tr><td>
<table>
<tr><th colspan="2">Bahan 2</th></tr>
<tr><th>Salah</th><th>Betul</th></tr>
<tr><td>dari</td><td>daripada</td></tr>
<tr><td>kecantikkan</td><td>kecantikan</td></tr>
<tr><td>Walaubagaimanapun</td><td>Walau bagaimanapun</td></tr>
<tr><td>petindihan</td><td>pertindihan</td></tr>
<tr><td>setengah</td><td>sesetengah</td></tr>
</table>
</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1</td><td>5</td></tr>
<tr><td>Soalan 4<br>Bahasa Melayu Standard</td><td>Pada suatu hari, Tun Perak datang menghadap, dia duduk di tanah bersama-sama/dengan orang yang banyak/ramai. Lalu/Kemudian kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, semua orang Kelang ini menghadap baginda untuk mengadukan halnya/hal berkenaan kepada ke bawah Duli Yang Dipertuan.</td><td>4</td><td>4</td></tr>
<tr><td>Soalan 5<br>Peribahasa</td><td>— kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya<br>• usaha tangga kejayaan<br>• genggam bara api, biar sampai jadi arang<br>• di mana ada kemahuan, di situ ada jalan<br>— alang-alang mandi biar basah<br>• alang-alang berminyak, biar licin<br>• alang-alang berdakwat biarlah hitam<br>• alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan<br>— bapa borek anak rintik<br>• ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi<br>• bagaimana acuan, begitulah kuihnya<br>• bagaimana contoh, begitulah gubahannya<br>• bagaimana rupa, begitulah bayangnya</td><td><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1</td><td>6</td></tr>
<tr><td>Bahagian B:<br>Soalan 6<br>Petikan Umum</td><td>(i) merasai/menempuh/menanggung kesusahan/ kesukaran<br>(ii) Kesan-kesan tindakan buli kepada mangsa buli.<br>Bahan 1:<br>– Mangsa buli mungkin mengalami kesulitan untuk percaya orang lain untuk membina hubungan yang stabil.</td><td>2<br><br><br>1</td><td>2</td></tr>
</table>


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | **Bahan 2:** | | |
| | – Kecederaan seperti luka atau lebam. | 1 | |
| | – Mangsa boleh alami tekanan emosi dan kemurungan. | 1 | |
| | – Kurang keyakinan diri dan tiada semangat untuk teruskan hidup. | 1 | |
| | **Bahan 3:** | | |
| | – Gangguan emosi. | 1 | |
| | – Tidak suka ke sekolah. | 1 | |
| | **[Isi cukup: 2]** | | |
| | **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 3 |
| | (ii) Faktor-faktor berlakunya gejala buli dalam kalangan kanak-kanak dan remaja: | | |
| | – Kurang didikan atau perhatian daripada ibu bapa | 1 | |
| | – Perbezaan idea terhadap sesuatu perkara | 1 | |
| | – Kurang penghayatan agama atau moral | 1 | |
| | – Kurang pemantauan | 1 | |
| | – Sikap dendam | 1 | |
| | – Masyarakat atau orang sekeliling yang kurang prihatin | 1 | |
| | – Terdedah kepada bahan negatif melalui Internet | 1 | |
| | **[Isi cukup: 2]** | | |
| | **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 3 |
| | (ii) Sebagai rakan yang prihatin, saya akan: | | |
| | – Menasihati pembuli secara berhemah | 1 | |
| | – Melaporkan kepada guru disiplin | 1 | |
| | – Menghubungi ibu bapa pembuli | 1 | |
| | – Memberitahu guru kaunselor sekolah | 1 | |
| | **[Isi cukup: 3]** | | |
| | **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 4 |
| **Soalan 7 Petikan Sastera** | (i) kubu/ tembok yang kuat/kukuh | 2 | 2 |
| | (ii) Nasib bangsa: | | |
| | **Bahan 1:** | | |
| | – Dijajah oleh kuasa asing | 1 | |
| | – Bangsa kita merempat | 1 | |
| | – Menjadi rakyat kelas ketiga di tanah air sendiri | 1 | |
| | – Hak dan maruah kita dicabul | 1 | |
| | **Bahan 2:** | | |
| | – Meratapi luka nasib bangsa (Meratapi nasib bahasa Melayu yang dipinggirkan) | 1 | |
| | – Membasahi bahasa Melayuku yang berdarah (Nasib bahasa Melayu yang kian tenat) | 1 | |
| | **[Isi cukup: 2]** | | |
| | **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 3 |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | (iii) Pada pendapat saya, langkah-langkah untuk memartabatkan bahasa ibunda: | | |
| | – Memperkasakan akta penggunaan bahasa kebangsaan | 1 | |
| | – Kempen kesedaran secara berterusan | 1 | |
| | – Mendidik anak-anak sejak dari kecil tentang kepentingan bahasa ibunda | 1 | |
| | **[Isi cukup: 3]** **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 4 |
| | (iii) Sebagai murid yang prihatin, saya akan: | | |
| | – Menasihati pengguna yang menggunakan bahasa rojak | 1 | |
| | – Membetulkan kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pengguna media sosial | 1 | |
| | – Memuat naik poster penggunaan bahasa Melayu yang betul | 1 | |
| | – Menjadi suri teladan kepada pengguna yang lain | 1 | |
| | **[Isi cukup: 3]** **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 4 |
| **Soalan 8 Novel** | (i) Pembahagian tugas yang disarankan oleh Waheeda: | | |
| | – Ayahnya menjadi pemandu pelancong | 1 | |
| | – Ibunya sebagai pengurus dapur | 1 | |
| | – Emak saudaranya sebagai ketua tukang masak | 1 | |
| | – Yang lain di belakang Tabir | 1 | |
| | – Fatimah yang menjadi akauntan bagi menjaga kewangan syarikat Tajau Emas | 1 | |
| | **[Isi cukup: 3]** **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 4 |
| | (ii) Dua peristiwa watak utama yang dapat menarik perhatian pembaca: | | |
| | (*a*) **Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib** | | |
| | – Leftenan Adnan sanggup meninggalkan bidang perguruan untuk menyertai latihan ketenteraan di Port Dickson. **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana watak utama mempunyai semangat cinta akan negara yang tinggi. | 3 | |
| | – Leftenan Adnan bijak membaca muslihat tentera Jepun meskipun Jepun menyamar sebagai askar India dengan turban ketika menyerang askar Melayu. **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana watak utama seorang yang tenang dan bijaksana semasa menghadapi keadaan yang genting. | 3 | |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | (*b*) **Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor** | | |
| | – Farisha tabah dengan rahsia yang diberitahu oleh Azraai bahawa dia hanyalah anak angkat setelah Azraai menyerahkan dokumen mengenai dirinya.<br>**Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana ketabahan watak utama menghadapi ujian terbesar dalam kehidupan. | 3 | |
| | – Farisha pergi bertemu dengan Karl yang sedang nazak dan masih memaafkan ayahnya itu.<br>**Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana memaafkan seseorang yang telah bertindak kejam terhadap diri watak utama merupakan perkara yang sukar dilakukan. | 3 | |
| | (*c*) **Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin** | | |
| | – Lili menunjukkan kebijaksanaannya apabila dia meminta bantuan daripada Kak Mimah untuk mengatasi masalah keluarga Che Jah semasa Kak Mimah menerima rawatan di rumah datuknya. Sebagai seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat, Kak Mimah telah banyak membantu keluarga Che Jah mencari jalan penyelesaian bagi melindungi Che Jah dan anak-anaknya daripada terus menjadi mangsa kekejaman Seman.<br>**Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana watak utama sentiasa mencari jalan penyelesaian untuk menyelesaikan masalah yang berlaku dalam masyarakat. | 3 | |
| | – Walaupun Haziq dan Rafiq menculik Lili dan menyembunyikan di suatu tempat, Lili masih memaafkan tindakan mereka kerana beranggapan keluarga tersebut memerlukan bantuan.<br>**Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana sikap pemaaf yang ditonjolkan oleh watak utama perlulah dicontohi oleh semua orang. | 3 | |
| | (*d*) **Pantai Kasih karya Azmah Nordin** | | |
| | – Peristiwa Doktor Raiha yang menegur Felicia kerana memberikan bentuk layanan berbeza kepada pesakit.<br>**Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana keadilan dalam memberikan layanan yang disuarakan oleh watak utama. | 3 | |
| | – Peristiwa ketabahan Doktor Raiha yang menghadapi desakan daripada suaminya untuk mengugurkan kandungan.<br>**Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana perjuangan yang ditunjukkan oleh seorang ibu untuk melindungi anaknya. | 3 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | (*e*) **Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip** | | |
| | – Tindakan berani Dahlia yang terjun ke dalam sungai untuk menyelamatkan Said walaupun gagal menyelamatkannya. **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana tidak semua orang mempunyai keberanian untuk mengambil tindakan ketika menghadapi saat getir. | 3 | |
| | – Dahlia rela berkorban dengan meninggalkan asrama demi menguruskan adik-adiknya yang masih kecil setelah ibunya dimasukkan ke hospital akibat kemurungan walaupun peperiksaan STPM hanya tinggal beberapa bulan lagi. **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana pengorbanan watak utama yang meletakkan kepentingan keluarga melebihi kepentingan dirinya. | 3 | |
| | (*f*) **Tirani karya Beb Sabariah** | | |
| | – Peristiwa Waheeda mengatasi situasi dia dikeji oleh rakan-rakannya dengan mengingati kata-kata perangsang daripada ustazahnya bahawa dengan menyedari kekurangan diri akan menjadi pendorong untuk lebih berjaya. **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana sikap positif yang ditunjukkan oleh seseorang apabila dihina oleh orang lain. | 3 | |
| | – Peristiwa Waheeda mempertahankan maruah dirinya dengan membuat ujian DNA. Hal ini bagi menyangkal dakwaan Zahid yang mengatakan bahawa Waheeda telah curang dan bayi yang dikandungnya bukan anak mereka. **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana watak utama rasional dalam membuat tindakan demi menjaga maruah dirinya. | 3 | |
| | (*g*) **Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop** | | |
| | – Nurul Hafsa telah mengemukakan hujah bijak yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor. **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana kebijaksanaan yang ditunjukkan oleh watak utama dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul. | 3 | |
| | – Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman gigih berusaha melestarikan alam sekitar dengan memperkenalkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar kecerahan langit dapat dikurangkan. | 3 | |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana kegigihan sekumpulan anak muda yang berusaha untuk melestarikan alam sekitar walaupun dihimpit pelbagai cabaran. | | |
| | (*h*) **Silir Daksina karya Nizar Parman** | | |
| | – Haiqal berani membuat keputusan untuk pulang ke kampung di Batu Pahat, Johor demi mencari kebenaran serta menjejak warisan ayahnya. | 3 | |
| | **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana keberanian dalam membuat keputusan walaupun mendapat tentangan daripada orang lain. | | |
| | – Haiqal prihatin terhadap Ratna yang sedang menangis dan menasihatinya bahawa kegagalan dalam SPM bukanlah penamatnya segalanya. | 3 | |
| | **Alasan:** Peristiwa ini menarik perhatian pembaca kerana keprihatinan seorang sahabat yang menginginkan masa depan terbaik kepada sahabatnya itu. | | 6 |
| | *[Peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]* **[Maksimum markah: 6 *markah*]** | | |
| **Soalan 9 Rumusan** | **Pendahuluan:** | 2 | |
| | – Rumusan membincangkan gejala/simptom demam denggi dan langkah-langkah pencegahan demam denggi | | |
| | **Bahan 1** | | |
| | **Fokus 1: Gejala demam denggi** | | |
| | – Bergejala dengan sakit kepala, demam, sakit sendi dan ruam | 2 | |
| | – Sengal badan dan ruam | 2 | |
| | – Kurang selera makan dan minum menyebabkan lesu dan kurang aktif | 2 | |
| | – Mengalami sakit perut yang serius, muntah, cirit-birit yang berterusan | 2 | |
| | – Pendarahan ketika menggosok gigi dan gusi | 2 | |
| | **Bahan 3: Gejala demam denggi** | | |
| | – Bacaan sel darah putih rendah | 2 | |
| | – Keletihan melampau | 2 | |
| | – Berasa gelisah | 2 | |
| | **Fokus 2: Langkah pencegahan** | | |
| | – Memusnahkan tempat pembiakan nyamuk | 2 | |
| | – Membuang air takungan di semua tempat takungan yang terbiar | 2 | |
| | – Penggunaan bahan pembunuh jejentik untuk memusnahkan pembiakan nyamuk harus diletakkan di tempat takungan air yang tidak boleh dibuang | 2<br>2 | |
| | **Bahan 2: Langkah pencegahan** | | |
| | – Elakkan menyimpan bekas yang boleh mengumpul air seperti piring pasu, tayar dan tin-tin | 2 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | – Memasang jaring atau skrin serangga pada tingkap dan pintu<br>– Memakai pakaian yang berwarna terang dan menutupi badan<br><br>**Kesimpulan:**<br>– Kesimpulannya, demam denggi hendaklah dicegah agar masyarakat yang sihat dapat dilahirkan. | 2<br>2<br><br><br>2 | 30 |

## Kertas 3

| Soalan | Jawapan |
|---|---|
| **Bahagian A: Taksiran Individu** | **<u>Tema: Kebudayaan, Kesenian dan Estetika</u>**<br>**1** Rampanau diperbuat daripada dahan pohon sagu, kayu keras, dan dua batang buluh yang direka khas bagi menggantikan sepasang kasut dengan ketinggian antara tiga meter hingga 10 meter tinggi.<br>**2** Cabaran utama dalam permainan ini adalah untuk mengawal keseimbangan badan, kekuatan dan kelenturan otot.<br>**3** Pada pendapat saya, terdapat beberapa kepentingan mengekalkan permainan tradisional ini iaitu:<br>– Permainan tradisional adalah sebahagian daripada warisan budaya yang diwarisi turun-temurun. Permainan ini mencerminkan kreativiti, keunikan dan nilai tradisional sesebuah masyarakat. Dengan memeliharanya, kita memastikan bahawa generasi akan datang dapat mengenali dan menghargai akar budaya mereka.<br>– Kebanyakan permainan tradisional dimainkan secara berkumpulan, yang membantu mengeratkan hubungan sosial. Permainan seperti congkak, galah panjang atau wau memerlukan interaksi dan kerjasama, yang sangat penting untuk mengukuhkan silaturahim dalam kalangan masyarakat.<br>**4** Langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mempopularkan sukan rakyat adalah:<br>– **Menganjurkan Program dan Karnival Sukan Rakyat**<br>Kerajaan boleh menganjurkan acara khas seperti karnival sukan rakyat di peringkat kebangsaan, negeri, atau daerah. Hal ini dapat memperkenalkan permainan tradisional kepada generasi muda.<br>– **Memasukkan Sukan Rakyat dalam Kokurikulum**<br>Permainan seperti galah panjang, konda-kondi, atau batu seremban boleh dimasukkan dalam aktiviti kokurikulum sekolah dan institusi pendidikan tinggi supaya murid dapat mengenali permainan tradisional. |
| **Bahagian B: Taksiran Kumpulan** | **<u>Tema: Perpaduan</u>**<br>**Isi-isi Penting**<br>– **Mengekalkan kestabilan politik negara**<br>Apabila rakyat hidup dalam suasana harmoni, mereka lebih cenderung untuk menyokong dasar-dasar kerajaan yang bertujuan memajukan negara. Konflik antara kaum boleh mencetuskan ketidakstabilan politik, yang akhirnya menggugat pembangunan negara. Oleh itu, semangat perpaduan memastikan rakyat bersatu-padu dalam menyokong pemimpin dan sistem pemerintahan yang adil. |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Jawapan |
|---|---|
| | – **Kemakmuran ekonomi**<br>Rakyat pelbagai kaum bekerjasama berkongsi idea, kepakaran, dan sumber untuk meningkatkan produktiviti dan inovasi. Sebagai contoh, kerjasama antara usahawan dari pelbagai kaum boleh menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih berkualiti, sekali gus meningkatkan daya saing negara di peringkat global. Perpaduan kaum juga mewujudkan suasana yang aman, yang menarik pelabur asing untuk melabur di negara ini.<br><br>– **Mewujudkan masyarakat yang harmoni dan saling menghormati**<br>Rakyat pelbagai kaum hidup dengan semangat toleransi dan muhibah, konflik perkauman dapat dielakkan. Aktiviti seperti rumah terbuka semasa perayaan Hari Raya, Tahun Baharu Cina, dan Deepavali dapat mengeratkan hubungan antara kaum. Sikap saling menghormati budaya dan tradisi kaum lain juga mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.<br><br>– **Memperkayakan warisan budaya negara**<br>– Kepelbagaian budaya hasil daripada kehidupan masyarakat berbilang kaum menjadikan negara lebih menarik, bukan sahaja kepada rakyat tempatan tetapi juga kepada pelancong asing. Festival budaya, makanan tradisional, dan seni masyarakat yang pelbagai menjadi lambang keharmonian dan kekayaan warisan negara. |

## Kertas 4

| Soalan | | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|---|
| **Petikan Pertama** | **1** | Gunung Rapat | 1 | |
| | **2** | **B** | 1 | |
| | **3** | ✓, ✓, ✗ | 2 | |
| | **4** | (i) BETUL<br>(ii) SALAH<br>(iii) SALAH | 2 | |
| | **5** | pekerjaan | 1 | |
| **Petikan Kedua** | **1** | Kelantan | 1 | |
| | **2** | Teknik pembayaran berjadual | 1 | |
| | **3** | ✓, ✗, ✓ | 2 | |
| | **4** | (i) BETUL<br>(ii) BETUL<br>(iii) SALAH | 2 | |
| | **5** | – memaksa<br>– akaun | 2 | |
| **Petikan Ketiga** | **1** | Kerani / Peniaga / Seseorang bekerjaya | 2 | |
| | **2** | tukang kayu | 1 | |
| | **3** | **B** | 1 | |
| | **4** | (i) Berkebun<br>(ii) Mengail ikan | 2 | |
| | **5** | Halia, Lengkuas | 2 | |
| **Petikan Keempat** | **1** | harta awam | 1 | |
| | **2** | Keseronokan, Kebebasan, Kuasa | 3 | |
| | **3** | **D** | 1 | |
| | **4** | Tekanan rakan sebaya<br>Kebosanan melampau | 2 | 30 |

## Kertas 1

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| **Bahagian A** | **Kepentingan Dompet Digital Kepada Masyarakat**<br>**Oleh: Muhammad Abdullah bin Ashari**<br><br>**Pendahuluan**<br>Dompet digital – salah satu inovasi teknologi kewangan yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat moden – dengan perkembangan pesat teknologi maklumat – dompet digital kini menjadi alternatif – cara tradisional menguruskan wang – melalui aplikasi mudah alih, transaksi seperti pembayaran, pemindahan wang, dan penyimpanan maklumat kewangan – dengan lebih pantas dan mudah – mari kita huraikan apakah kepentingan dompet digital?<br><br>**Isi 1: Mengurangkan jumlah wang yang perlu dibawa**<br>Salah satu kepentingan utama dompet digital – mengurangkan jumlah wang tunai yang perlu dibawa dalam kehidupan seharian – dengan dompet digital – pengguna boleh melakukan pelbagai jenis transaksi – seperti pembayaran di kedai, pemindahan wang, dan pembelian atas talian – tanpa perlu menggunakan wang fizikal – keadaan ini bukan sahaja memudahkan urusan – juga membantu meningkatkan keselamatan – risiko kehilangan atau kecurian wang tunai dapat diminimumkan – sudah terang lagi bersuluh – dompet digital dapat menjadikan kita lebih selamat<br><br>**Isi 2: Boleh menyimpan segala rekod perbelanjaan**<br>Kepentingan lain – mampu menyimpan rekod perbelanjaan secara sistematik – setiap transaksi yang dilakukan melalui dompet digital akan direkodkan – secara automatik dalam aplikasi – menjadikannya mudah untuk pengguna menjejaki corak perbelanjaan mereka – pengguna dapat membuat analisis kewangan yang lebih terperinci – perkara ini membantu individu merancang bajet bulanan dengan lebih berkesan – seterusnya menggalakkan tabiat pengurusan kewangan yang lebih baik – rekod perbelanjaan yang tersusun juga berguna untuk tujuan dokumentasi – bagi urusan percukaian<br><br>**Kesimpulan:**<br>Dompet maya atau digital membawa pelbagai kemudahan dalam pengurusan kewangan peribadi – untuk memastikan penggunaannya lebih meluas – pihak berkuasa – meningkatkan kesedaran tentang faedah dompet digital – terutamanya dalam kalangan golongan yang kurang terdedah kepada teknologi – dengan pelaksanaan langkah-langkah strategik – kerjasama antara sektor swasta dan kerajaan – dompet digital akan membantu memperkukuhkan ekonomi digital negara – menjadikan kehidupan lebih mudah, cepat dan selamat |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| **Bahagian B**<br>**Soalan 1** | **Pendahuluan**<br>Masalah disiplin dalam kalangan murid pada hari ini semakin meruncing – pelbagai bentuk pelanggaran peraturan yang kerap berlaku di sekolah – antara masalah yang paling ketara – ponteng sekolah, pergaduhan antara pelajar serta ketidakpatuhan terhadap arahan guru – mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran – menjadikan suasana sekolah kurang kondusif untuk perkembangan akademik – kesan – penurunan dalam prestasi akademik – masalah disiplin yang berlarutan boleh menjejaskan pembentukan sahsiah pelajar – berisiko terjebak dalam masalah sosial yang lebih besar – bagi menangani perkara ini – perlu mengetahui punca – mencegah lebih baik daripada mengubati – persoalannya – apakah faktor-faktor masalah disiplin?<br><br>**Isi 1: Pelajar kita seolah-olah terbawa-bawa dengan perasaan sehingga hilang kawalan diri**<br>Faktor pertama berlaku masalah disiplin – pelajar kita seolah-olah terbawa-bawa dengan perasaan sehingga hilang kawalan diri – tekanan emosi yang dihadapi oleh pelajar – seperti tekanan akademik, masalah di rumah, atau tekanan sosial daripada rakan sebaya – dalam situasi seperti ini – pelajar mungkin mengalami kesukaran dalam menguruskan emosi mereka – menyebabkan mereka bertindak tanpa berfikir panjang atau hilang kawalan dalam situasi tertentu – Misalnya – tekanan untuk mencapai kecemerlangan akademik – memenuhi jangkaan ibu bapa boleh menyebabkan pelajar merasa tertekan – akhirnya melepaskan kemarahan atau kekecewaan mereka melalui tingkah laku yang tidak wajar – tanpa sokongan dan bimbingan yang betul – pelajar mungkin tidak tahu cara untuk mengatasi perasaan tersebut dengan cara yang positif – menyebabkan mereka lebih cenderung untuk terlibat dalam masalah disiplin<br><br>**Isi 2: Bersifat mementingkan keseronokan**<br>Bersifat mementingkan keseronokan – salah satu punca utama – masalah disiplin dalam kalangan murid – apabila pelajar terlalu fokus kepada keseronokan – bermain permainan video, bersosial dengan rakan, atau melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak produktif – mereka cenderung untuk mengabaikan tanggungjawab mereka di sekolah – keinginan untuk mendapatkan kepuasan segera – membuatkan mereka melanggar peraturan, ponteng kelas, atau bertindak secara tidak bertanggungjawab – dalam persekitaran yang semakin terdedah kepada pengaruh media sosial dan hiburan digital – pelajar sering kali lebih tertarik dengan keseronokan – yang ditawarkan oleh dunia maya – mereka kehilangan fokus terhadap pembelajaran dan nilai-nilai disiplin yang perlu dipraktikkan di sekolah<br><br>**Isi 3: Berbangga dengan perkara yang dilakukan oleh mereka**<br>Perasaan berbangga dengan tindakan yang dilakukan – walaupun bersifat negatif – boleh menjadi salah satu punca kepada masalah disiplin dalam kalangan pelajar – apabila pelajar berasa bangga dengan tingkah laku buruk mereka – seperti berkelakuan tidak sopan terhadap guru atau merosakkan harta benda sekolah – mereka mungkin merasakan bahawa tindakan tersebut adalah sesuatu yang “cool” – dapat meningkatkan status dalam kalangan rakan sebaya – keinginan untuk mendapatkan pengiktirafan daripada rakan sebaya – mendorong mereka untuk melanggar peraturan dan bertindak di luar batas – pelajar yang dalam tingkah laku tidak bermoral mungkin mendapat sokongan atau pujian daripada kumpulan mereka yang mempunyai pandangan serupa – menjadikan mereka berasa lebih diterima dan dihargai, sekali gus memperburuk masalah disiplin di sekolah |

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| | **Kesimpulan:**<br>Kesimpulannya – masalah disiplin dalam kalangan pelajar – memerlukan perhatian serius daripada semua pihak – termasuk sekolah, ibu bapa, dan masyarakat – untuk menangani masalah ini, langkah-langkah yang komprehensif perlu diambil – memberi penekanan kepada pendidikan karakter dan pengurusan emosi di sekolah – ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam membimbing anak-anak mereka untuk memahami nilai-nilai disiplin dan tanggungjawab – dengan sokongan yang berterusan daripada semua pihak – masalah disiplin ini dapat diatasi – suasana pembelajaran yang lebih positif dan produktif dapat diwujudkan – harapan saya – pelajar lebih memahami kepentingan disiplin dalam mencapai kejayaan dalam akademik dan kehidupan – menghormati peraturan yang ada demi kebaikan bersama |
| Soalan 2 | **Pendahuluan**<br>Individu sekarang – dikaitkan dengan masalah kurang berminat terhadap pendidikan – malas menuntut ilmu – salah satu punca utama fenomena ini – pengaruh teknologi dan media sosial – mengalihkan perhatian mereka daripada pembelajaran – dengan akses mudah kepada hiburan dalam talian, permainan video, dan media sosial – ramai individu lebih tertarik untuk meluangkan masa dengan aktiviti – memberikan kepuasan segera berbanding menumpukan perhatian kepada pelajaran yang memerlukan usaha dan kesabaran – persekitaran sosial yang tidak menyokong atau kurangnya motivasi dari keluarga dan komuniti – menyumbang kepada sikap malas ini – individu yang tidak mendapat dorongan yang cukup – tidak melihat kepentingan pendidikan dalam hidup mereka mungkin berasa tiada tujuan dalam menuntut ilmu – sebelum nasi menjadi bubur – bincangkan kepentingan menuntut ilmu<br><br>**Isi 1: Dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan**<br>Ilmu turut memainkan peranan penting dalam memupuk kreativiti dan inovasi – kemahiran yang berasaskan ilmu – seperti kemahiran teknologi, komunikasi, dan penyelesaian masalah – menjadi keperluan utama dalam banyak industri – contohnya – seseorang yang mempelajari teknologi maklumat bukan hanya memperoleh pengetahuan tentang perisian dan perkakasan – mengembangkan kemahiran dalam menganalisis data – menyelesaikan masalah, dan beradaptasi dengan perkembangan teknologi yang pesat – ilmu juga meningkatkan daya saing seseorang – individu yang berpengetahuan tinggi lebih mudah menyesuaikan diri dengan perubahan dan cabaran dalam dunia pekerjaan – menjadikan mereka lebih dihargai oleh majikan – memberi mereka peluang untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya<br><br>**Isi 2: Meningkatkan peluang kerjaya**<br>Ilmu dapat meningkatkan peluang kerjaya – menyediakan individu dengan kemahiran, pengetahuan, dan kebolehan yang diperlukan oleh majikan dalam pelbagai industri – dalam dunia yang semakin kompetitif – individu yang berpendidikan tinggi atau memiliki kemahiran khusus lebih cenderung dipilih oleh majikan – berbanding mereka yang tidak mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman tertentu – pengetahuan yang mendalam dalam bidang tertentu membolehkan seseorang – melakukan kerja dengan lebih efisien dan efektif – meningkatkan produktiviti di tempat kerja – sebagai contoh – seseorang yang |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| | memiliki kelayakan dalam bidang teknologi maklumat atau kejuruteraan – mempunyai peluang yang lebih besar untuk mendapatkan pekerjaan dalam industri yang berkembang pesat – seperti teknologi, digitalisasi, dan inovasi – ilmu yang diperoleh juga memberikan kemahiran praktikal yang dapat digunakan dalam menyelesaikan masalah – menangani cabaran yang timbul dalam persekitaran kerja<br><br>**Isi 3: Meningkatkan kualiti hidup**<br>Ilmu dapat meningkatkan kualiti hidup – memberikan individu kemampuan untuk membuat keputusan yang lebih baik – meningkatkan kemahiran hidup – meningkatkan peluang untuk mencapai matlamat hidup yang lebih baik – sebagai contoh – individu yang berpengetahuan dalam pengurusan kewangan – mampu menguruskan perbelanjaan mereka dengan lebih berhemah – mengelakkan masalah kewangan – merancang masa depan yang lebih stabil – pengetahuan dalam bidang kesihatan dan perubatan dapat membantu seseorang menjaga kesihatan mereka – memilih gaya hidup yang lebih sihat, dan mencegah penyakit – ilmu memberi kesan langsung kepada kualiti hidup dengan memberi individu alat untuk meningkatkan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial mereka<br><br>**Kesimpulan:**<br>Kesimpulannya, ilmu memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat – bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup individu – memberi impak yang besar kepada kemajuan sosial, ekonomi, dan budaya sesebuah negara – masyarakat yang berilmu lebih mampu menghadapi cabaran global, membuat keputusan yang bijak, dan mencapai kesejahteraan dalam kehidupan – penekanan kepada pendidikan dan pengembangan ilmu harus menjadi keutamaan, bukan hanya dalam kalangan individu – dalam perancangan dasar negara – dengan akses yang lebih mudah kepada pendidikan dan sumber ilmu, masyarakat dapat memanfaatkan peluang-peluang yang ada – memperbaiki keadaan hidup mereka – usaha untuk meningkatkan tahap pengetahuan dalam kalangan masyarakat bukan sahaja menguntungkan individu – memberi manfaat kepada seluruh negara dan dunia secara keseluruhannya |
| **Soalan 3** | **Pendahuluan:**<br>Sektor pertanian sering kali dianggap sebagai pilihan kerjaya yang kurang menarik oleh golongan muda pada masa ini – salah satu faktor utama – persepsi negatif yang wujud tentang kerja di sektor ini – dianggap sebagai pekerjaan yang sukar – memerlukan tenaga fizikal yang tinggi – golongan muda lebih cenderung untuk memilih kerjaya dalam bidang yang menawarkan status sosial yang lebih tinggi – peluang untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan – seperti dalam bidang teknologi atau perniagaan – kurangnya pendedahan terhadap kemajuan teknologi dalam bidang pertanian moden – seperti penggunaan teknologi pintar – menjadikan sektor ini dilihat sebagai tidak relevan dengan kehendak golongan muda yang semakin celik digital – oleh itu, usaha perlu dibuat untuk menarik minat generasi muda untuk menceburkan diri dalam bidang ini<br><br>**Isi 1: Pendidikan dan latihan**<br>Pendidikan dan latihan yang melibatkan pertanian moden – langkah penting untuk menarik golongan muda menceburi bidang ini – dengan memperkenalkan konsep pertanian |

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| | pintar – dalam sistem pendidikan sejak peringkat awal – pelajar akan lebih memahami kepentingan teknologi dalam pertanian – dapat meningkatkan produktiviti serta kecekapan – pendidikan mengenai penggunaan teknologi seperti dron untuk pemantauan tanaman dan pengairan serta pembajaan – membantu mereka melihat potensi besar dalam sektor ini – jauh berbeza daripada imej pertanian tradisional – di sekolah, kurikulum yang lebih fokus kepada sains pertanian dan teknologi boleh diintegrasikandalam subjek yang relevan – termasuk latihan praktikal yang melibatkan penggunaan alat-alat moden – pengenalan kepada sistem pertanian yang menggunakan data besar dan aplikasi untuk meningkatkan hasil pertanian<br><br>**Isi 2: Sokongan daripada pihak kerajaan**<br>Kerajaan memainkan peranan penting dalam menarik golongan muda – menceburi bidang pertanian dengan menyediakan insentif dan bantuan kewangan – dapat mengurangkan beban kos yang tinggi – salah satu langkah yang boleh diambil – menyediakan subsidi untuk pembelian peralatan pertanian moden – seperti mesin pemotong, traktor dan alat pengairan pintar – dengan sokongan kewangan ini – golongan muda yang berminat untuk menceburi sektor pertanian tidak perlu bimbang tentang kos awal yang tinggi untuk membeli peralatan yang diperlukan – pinjaman mudah boleh ditawarkan untuk golongan muda yang ingin memulakan atau mengembangkan perniagaan pertanian mereka – pinjaman yang berfaedah rendah atau tempoh pembayaran yang lebih panjang – golongan muda boleh menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik – tanpa perlu dibebani dengan kos yang memberatkan<br><br>**Isi 3: Kempen kesedaran dan promosi yang lebih aktif**<br>Kempen kesedaran dan promosi yang lebih aktif – usaha penting dalam mengubah persepsi masyarakat terhadap sektor pertanian – terutamanya dalam kalangan golongan muda – menyebarkan maklumat mengenai kepentingan dan kemajuan bidang pertanian – masyarakat akan lebih menghargai produk pertanian tempatan dan usaha yang dilakukan oleh petani – kempen ini boleh dijalankan melalui pelbagai platform – seperti media sosial, kempen di sekolah dan pameran produk pertanian di acara besar – dapat menunjukkan pertanian bukan lagi sekadar pekerjaan tradisional – satu industri moden yang penuh dengan peluang – kempen kesedaran ini boleh menekankan bahawa sektor pertanian merupakan elemen penting untuk keselamatan makanan dan kestabilan ekonomi negara – apabila golongan muda menyedari potensi ini – mereka akan lebih berminat untuk menceburi bidang pertanian – sama ada sebagai usahawan, pekerja, atau penyelidik<br><br>**Kesimpulan:**<br>Kesimpulannya – usaha untuk meningkatkan minat golongan muda terhadap sektor pertanian memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan pelbagai aspek – semua pihak, termasuk kerajaan, institusi pendidikan, masyarakat, dan sektor swasta – perlu bekerjasama dalam usaha meningkatkan minat golongan muda terhadap sektor pertanian – harapan saya – agar lebih ramai golongan muda yang menceburi sektor pertanian – dengan memahami potensi besar yang ada di dalamnya – adanya usaha-usaha ini – sektor pertanian |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| | dapat terus berkembang dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara – sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih luas dalam kalangan generasi muda – kemajuan teknologi dan sokongan kerajaan – pertanian moden dapat menjadi satu pilihan kerjaya yang menarik, berprestij – menguntungkan bagi golongan muda pada masa depan |
| **Soalan 4** | **Pendahuluan:**<br>Perpaduan dalam kalangan rakyat – asas utama untuk mewujudkan negara yang aman, harmoni, dan makmur – di Malaysia – masyarakat terdiri daripada pelbagai kaum – Melayu, Cina, India, dan lain-lain – hidup bersama dalam satu negara – untuk memastikan keharmonian ini terus terpelihara – pihak perlu memainkan peranan masing-masing – tanggungjawab bersama ini penting dalam membentuk masyarakat – bersatu padu dan saling menghormati – dengan perpaduan yang kukuh – negara mampu mencapai kestabilan politik, kemajuan ekonomi, dan kesejahteraan sosial – menjadi asas kepada pembangunan negara yang berjaya – apakah peranan yang perlu dimainkan oleh semua pihak?<br><br>**Isi 1: Penyemaian nilai perpaduan melalui aktiviti kokurikulum**<br>Sekolah memainkan peranan penting dalam menyemai nilai perpaduan dalam kalangan pelajar – melalui aktiviti kokurikulum – seperti sukan dan kelab – pelajar dapat berinteraksi dengan rakan-rakan daripada pelbagai kaum – guru juga boleh menyampaikan pendidikan tentang kepentingan perpaduan melalui mata pelajaran – seperti Pendidikan Moral dan Sejarah – program seperti sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Perpaduan boleh dianjurkan – menanam semangat cinta akan negara – dengan mendidik generasi muda sejak awal – sekolah dapat memastikan nilai-nilai perpaduan menjadi sebahagian daripada budaya pelajar – akan terus diamalkan sepanjang hidup mereka<br><br>**Isi 2: Kerajaan memastikan dasar dan program perpaduan dilaksanakan dengan berkesan**<br>Kerajaan berperanan sebagai pemimpin – memastikan dasar dan program perpaduan dilaksanakan dengan berkesan – dasar seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Rukun Negara – contoh usaha kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan – kerajaan boleh menganjurkan program integrasi nasional seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) – menggabungkan pelajar dari pelbagai latar belakang – media juga boleh digunakan untuk menyebarkan mesej perpaduan melalui iklan dan dokumentari – dengan usaha yang konsisten – kerajaan dapat membentuk masyarakat yang harmoni – mengekalkan kestabilan negara<br><br>**Isi 3: Ibu bapa perlu menunjukkan contoh yang baik**<br>Ibu bapa juga bertanggungjawab dalam membentuk sikap anak-anak terhadap perpaduan kaum – mereka perlu menunjukkan contoh yang baik dengan mengamalkan sikap toleransi – hormat-menghormati terhadap jiran-jiran yang berlainan kaum – ibu bapa boleh menggalakkan anak-anak untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan – melibatkan pelbagai kaum – pendidikan di rumah – seperti bercerita tentang sejarah perjuangan kemerdekaan – melibatkan kerjasama semua kaum |

| Soalan | Cadangan Jawapan |
|---|---|
| | dapat membuka minda anak-anak – dengan bimbingan yang betul – ibu bapa dapat membantu membentuk generasi yang menghargai kepelbagaian – pentingnya perpaduan<br><br>**Kesimpulan:**<br>Sebagai kesimpulan – perpaduan kaum – tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk – sekolah, ibu bapa, dan kerajaan – setiap pihak perlu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi – untuk memastikan keharmonian dan kemakmuran negara dapat dikekalkan – dengan perpaduan yang kukuh – Malaysia dapat menjadi contoh kepada dunia sebagai sebuah negara – aman dan harmoni walaupun mempunyai kepelbagaian kaum – semua pihak harus bersatu padu dan berusaha secara berterusan – merealisasikan impian negara yang cemerlang |

## Kertas 2

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| **Bahagian A: Soalan 1 Morfologi** | **Kata Majmuk** | | |
| | – wayang kulit | 1 | |
| | Wayang kulit merupakan seni persembahan yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu. | 1 | |
| | – teater tradisional | 1 | |
| | Jabatan Kesenian dan Kebudayaan negara memainkan peranan penting memelihara teater tradisional agar tidak pupus ditelan zaman. | 1 | |
| | – timur laut | 1 | |
| | Hujan lebat yang melanda negeri Pantai Timur disebabkan perubahan angin monsun dari arah timur laut. | 1 | |
| | – nada suara | 1 | |
| | Encik Kamarul memberi peringatan dengan nada suara tegas kepada semua kakitangannya supaya menghargai masa ketika melakukan kerja. | 1 | |
| | – tanggungjawab | 1 | |
| | Ibu bapa mempunyai tanggungjawab besar dalam mendidik anak-anak agar menjadi manusia yang berguna. | 1 | |
| | **Kata Hubung** | | |
| | – dan | 1 | |
| | Aminah sering menghabiskan masa dengan membaca buku dan melukis. | 1 | |
| | – yang | 1 | |
| | Rumah yang terletak di pinggir bandar itu milik penyanyi terkenal tanah air. | 1 | |
| | – serta | 1 | |
| | Penduduk Kampung Pisang bergotong-royong membersihkan kawasan kampung serta menghias dewan serba guna. | 1 | |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

<table>
<tr><th>Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Sub markah</th><th>Markah total</th></tr>
<tr><td></td><td>– dengan<br>Alisa mengulang kaji pelajaran dengan tekun supaya memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan.<br>– sebagai<br>Penduduk kampung sepakat memilih Encik Dollah sebagai ketua kampung yang baharu.</td><td>1<br>1<br><br>1<br>1</td><td>8</td></tr>
<tr><td>Soalan 2<br>Sintaksis</td><td>– Sekolah manakah yang berjaya meraih Anugerah Perak dalam $18^{th}$ World Music Contest 2017 di Kerkrade?<br>– Bilakah pertandingan itu diadakan?<br>– Apakah rahsia kejayaan ahli Orkestra Simfonik?</td><td>2<br><br>2<br>2</td><td>6</td></tr>
<tr><td>Soalan 3<br>Penyuntingan</td><td>
<table>
<tr><th colspan="2">Bahan 1</th></tr>
<tr><th>Salah</th><th>Betul</th></tr>
<tr><td>cari</td><td>mencari</td></tr>
<tr><td>kritiria</td><td>kriteria</td></tr>
<tr><td>untuk pasukan</td><td>dalam pasukan</td></tr>
<tr><td>pendidikan lewat kanak-kanak</td><td>pendidikan awal kanak-kanak</td></tr>
<tr><td>emel</td><td>e-mel</td></tr>
<tr><td>December</td><td>Disember</td></tr>
</table>
</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1</td><td>6</td></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><th colspan="2">Bahan 2</th></tr>
<tr><th>Salah</th><th>Betul</th></tr>
<tr><td>adalah</td><td>ialah</td></tr>
<tr><td>masa kini</td><td>masa ini</td></tr>
<tr><td>Para remaja-ramaja</td><td>Para remaja</td></tr>
<tr><td>mengemas kinikan</td><td>mengemaskinikan</td></tr>
<tr><td>pada</td><td>kepada</td></tr>
<tr><td>pribadi</td><td>peribadi</td></tr>
</table>
</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1</td><td>5</td></tr>
<tr><td>Soalan 4<br>Bahasa Melayu Standard</td><td>Setelah itu, Kertala Sari pun dibawa masuk menghadap Seri Betara. Lalu sembah Patih Gajah Mada, “Adapun tujuh orang penjurit yang dititahkan oleh Paduka Betara pergi ke Melaka itu khabarnya telah mati dibunuh oleh Laksamana bersama tujuh orang mereka.”<br>“Pada mulanya, negeri Melaka sedikit mengalami kekalahan akibat perbuatan mereka. Namun, sekarang patik telah menemukan seorang penjurit yang sangat hebat; inilah penjuritnya. Namanya Kertala Sari, anak kepada Petala Bumi, yang telah dipesan oleh bapanya kepada patik.”</td><td>4</td><td>4</td></tr>
<tr><td>Soalan 5<br>Peribahasa</td><td>– Hujan halau mentua pun turun<br>• Bermaksud sesuatu yang jarang atau sukar berlaku, akhirnya terjadi juga. Peribahasa ini menggambarkan keadaan di mana perkara yang tidak dijangka atau dianggap mustahil terjadi, tiba-tiba berlaku.</td><td>2</td><td></td></tr>
</table>

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | **– Kecil-kecil cili padi**<br>• Bermaksud walaupun seseorang yang kecil atau muda, memiliki kemampuan, keberanian, atau kehebatan yang luar biasa. Gambaran sifat yang tidak boleh dipandang rendah hanya kerana ukuran atau usia.<br><br>**– Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa**<br>• Makna yang mendalam tentang pentingnya menghargai potensi dan peranan seseorang tanpa memandang usia atau penampilan.<br><br>**– Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai**<br>• Bermaksud seseorang harus siap menghadapi risiko atau konsekuensi dari pilihan hidupnya. Jika tidak siap menghadapi tentangan, maka sebaiknya jangan memilih jalan yang penuh risiko tersebut. | 2<br><br>2<br><br>2 | 6 |
| **Bahagian B Soalan 6 Petikan Umum** | (i) mempraktikan/melaksanakan/melazimi/amalan/rutin/sikap | 2 | 2 |
| | (ii) Ciri-ciri pelancongan hijau ialah: | | |
| | **Bahan 1:** | | |
| | – Memastikan sampah tidak dibuang di merata tempat | 1 | |
| | – Mengutip sampah jika ternampak di depan mata | 1 | |
| | – Tandas dibiarkan bersih setelah digunakan | 1 | |
| | **Bahan 2:** | | |
| | – Tidak menggunakan botol-botol air plastik | 1 | |
| | – Sistem pengumpulan air hujan | 1 | |
| | – Lampu-lampu led menjimatkan tenaga | 1 | |
| | – Pemantau kualiti udara karbon dioksida dalam bangunan | 1 | |
| | **Bahan 3:** | | |
| | – Memilih penginapan yang berkonsepkan hotel hijau yang diperakukan | 1 | |
| | – Membeli produk tempatan yang mesra alam | 1 | |
| | – Berjalan kaki, menggunakan basikal atau pengangkutan awam | 1 | |
| | – Berjimat dalam penggunaan air, elektrik dan tenaga yang tidak boleh diperbaharui | 1 | |
| | – Mengurangkan penghasilan sampah | 1 | |
| | **[Isi cukup: 2]**<br>**[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 3 |
| | (iii) Pelancongan hijau sukar dilaksanakan di kawasan pelancongan popular di negara kita kerana: | | |
| | – Kesedaran dan sikap pelancong yang tidak berminat untuk mengamalkan amalan hijau | 1 | |
| | – Kos pelaksanaan yang tinggi | 1 | |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | – Kawasan pelancongan popular sering menerima jumlah pelancong yang tinggi | 1 | |
| | – Kekurangan peraturan yang jelas atau penguatkuasaan undang-undang berkaitan pelancongan hijau | 1 | |
| | – Pemain industri tidak bersedia untuk mengubah operasi mereka menjadi lebih mesra alam | 1 | 3 |
| | **[Isi cukup: 2]**<br>**[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | |
| | (iv) Sebagai Pengerusi Kelab Alam Sekitar, langkah-langkah yang boleh saya lakukan: | | |
| | – Mengadakan sesi taklimat berkaitan pelancongan hijau kepada semua ahli kelab | 1 | |
| | – Membekalkan beg plastik biodegradasi kepada ahli untuk mengutip sampah masing-masing | 1 | |
| | – Melantik beberapa ahli sebagai pemantau untuk memastikan semua peraturan dipatuhi | 1 | |
| | – Saya akan menunjukkan teladan kepada ahli yang lain | 1 | |
| | – Memberitahu guru penasihat sekiranya terdapat ahli kelab yang mencemarkan alam | 1 | |
| | **[Isi cukup: 3]**<br>**[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 4 |
| **Soalan 7 Petikan Sastera** | (i) Tujuan sambutan hari guru: | | |
| | – Meningkatkan kesedaran betapa pentingnya pendidikan dan peranan guru | 1 | |
| | – Memberi peluang kepada pelajar, ibu bapa dan masyarakat menunjukkan penghargaan rasa terima kasih kepada mereka | 1 | 2 |
| | (ii) Sebab kita perlu menghargai jasa seseorang: | | |
| | **Bahan 1:** | | |
| | – Peranan mereka begitu penting dalam membangun bangsa dan masyarakat | 1 | |
| | – Seorang guru akan membuka jalan kepada anak didiknya | 1 | |
| | **Bahan 2:** | | |
| | – Itu jadi kenang-kenangan (jasa itu menjadi kenangan kepada kita) | 1 | |
| | – Sebagai hutang seribu tahun (menjadi hutang selama-lamanya) | 1 | |
| | **Bahan 3:** | | |
| | – Sejarah seseorang itu dimulakan oleh seorang guru biasa | 1 | |
| | – Semakin bererti tugasnya kepada negara (menggalas tugas yang tinggi kepada negara) | 1 | |
| | **[Isi cukup: 2]**<br>**[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 3 |
| | (iii) Keadaan sedemikian berlaku kerana: | | |
| | – Akses mudah kepada pelbagai sumber pendidikan dalam talian | 1 | |
| | – Kes salah laku atau tindakan disiplin yang melampau oleh segelintir guru | 1 | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | – Media sosial sering menjadi platform untuk menyebarkan kritikan terhadap guru | 1 | |
| | – Ibu bapa mungkin tidak menyedari betapa mencabar tugas seorang guru | 1 | |
| | **[Isi cukup: 3]** **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 4 |
| | (iv) Tindakan yang boleh saya lakukan: | | |
| | – Meluahkan rasa terima kasih secara lisan | 1 | |
| | – Sentiasa mendoakan kesejahteraan individu tersebut | 1 | |
| | – Mengekalkan hubungan mesra dengan sering bertanya khabar | 1 | |
| | – Memberi hadiah yang bermakna kepadanya | 1 | |
| | – Mencadangkan kepada ahli komuniti lain untuk memberikan penghargaan di dalam sesuatu majlis | 1 | |
| | **[Isi cukup: 3]** **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 4 |
| **Soalan 8 Novel** | (i) Jawapan yang akan diberikan oleh Geetha: | | |
| | – Saya akan menjawab hendak menjadi ahli bomba. | 1 | |
| | – Saya berubah hendak menjadi seorang doktor gigi. | 1 | |
| | – Saya memilih bidang kejuruteraan sewaktu mengisi permohonan masuk ke universiti. | 1 | |
| | – Tapi yang sebenar-benarnya, saya bercita-cita hendak menjadi seorang doktor bedah. | 1 | |
| | **[Isi cukup: 3]** **[Markah bahasa: 1 *markah*]** | | 4 |
| | (ii) Peristiwa yang tidak wajar dicontohi. | | |
| | (*a*) **Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib** | | |
| | – Orang kampung memcemuh dan mempersendakan tindakan Pak Saidi yang menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Mereka risau Adnan akan murtad dan memihak kepada pihak British. **Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana sikap mempersendakan keputusan orang lain merupakan satu sifat buruk yang perlu dihindari. | 3 | |
| | – Samad telah menjadi seorang tali barut yang bekerja sama dengan askar Jepun. Tindakan Samad ini mencerminkan sikap pengkhianatan kepada negara dan bangsanya sendiri demi kepentingan peribadi. Dia membantu pihak Jepun dengan memberikan maklumat strategik kepada pihak Jepun. **Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana sikap mempersendakan keputusan orang lain merupakan satu sifat buruk yang perlu dihindari. | 3 | |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | (*b*) **Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor**<br>– Peristiwa Karl menyeksa Rusmina sehingga cacat kerana Rusmina enggan meninggalkan Islam dan menukarnya menjadi cyborg.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana seorang suami yang sanggup melakukan perkara kejam dan tidak berperikemanusian terhadap isterinya sendiri. | 3 | |
| | – Peristiwa Farisha dimasukkan mikrocip oleh Karl tanpa ubat bius ketika Farisha masih bayi dengan tujuan menjadikan Farisha seorang genius.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana seorang anak kecil tidak seharusnya menanggung kesakitan demi mencapai matlamat bapanya. | 3 | |
| | (*c*) **Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin**<br>– Peristiwa Seman memukul anak-anaknya iaitu Haziq dan Rafiq dengan begitu teruk kerana ingin melepaskan kemarahan.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana tindakan buruk kepada anak-anak akan menyebabkan perasaan benci dan dendam dalam diri. | 3 | |
| | – Haziq dan Rafiq telah mengugut untuk mencederakan ibunya sendiri kerana mereka terjerumus dalam kancah penagihan dadah.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana pengambilan dadah akan menyebabkan seseorang itu tidak dapat berfikir dengan normal. | 3 | |
| | (*d*) **Pantai Kasih karya Azmah Nordin**<br>– Doktor Uwang masih suka berfoya-foya di luar walaupun sudah berumah tangga kerana dia memilih gaya hidup yang bebas tanpa dikongkong.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seseorang yang telah berumah tangga perlulah mengutamakan hubungan kekeluargaan dan tidak seharusnya menghancurkan kepercayaan keluarganya. | 3 | |
| | – Doktor Sadiz yang sanggup berniat membunuh darah dagingnya sendiri kerana malu dengan penyakit sindrom down anaknya itu.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seorang bapa perlulah melindungi dan menerima kekurangan yang dimiliki oleh anaknya. | 3 | |
| | (*e*) **Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip**<br>– Peristiwa Aton telah menuduh Dahlia dan Embong yang menjadi punca anaknya lemas di sungai. | | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | **Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana sikap suka menuduh tanpa usul periksa akan menyebabkan perbalahan dan perpecahan dalam sesebuah masyarakat. | 3 | |
| | – Peristiwa Nek Kiah yang mementingkan dirinya sendiri kerana enggan membantu anak dan cucunya yang hidup dalam kemiskinan dan kesusahan.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana setiap ahli keluarga perlulah mempunyai perasaan simpati terhadap ahli keluarga lain yang sedang diuji. | 3 | |
| | (*f*) **Tirani karya Beb Sabariah** | | |
| | – Peristiwa Zahid mula meragui kesetiaan Waheeda kerana dia sering berurusan dengan lelaki lain dalam konteks perniagaannya. Zahid menuduh Waheeda curang dan situasi ini menjadi alasan utama yang mendorongnya menceraikan Waheeda secara terburu-buru. Tuduhan tersebut tidak berasas dan timbul daripada rasa cemburu serta ketidakmatangan Zahid dalam menghadapi hubungan mereka.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana seorang ketua keluarga perlulah membuat sesuatu keputusan dengan berfikiran rasional dan tidak terburu-buru kerana akan memberi kesan kepada semua pihak. | 3 | |
| | – Peristiwa Waheeda ingin membuat pembedahan plastik akibat sering diejek oleh Mat Gusi, Nuar dan Man. Keluarga Waheeda menentang Keputusan itu kerana bercanggah dengan hukum Agama Islam. Akhirnya, Waheeda membatalkan niatnya itu.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana setiap individu seharusnya mensyukuri setiap kurnian tuhan walaupun tidak sempurna dan tidak seharusnya berniat untuk mengubahnya. | 3 | |
| | (*g*) **Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop** | | |
| | – Dato Johann Arlington-Majid cuba mengagalkan pembentangan oleh Nurul Hafsa untuk melaksanakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana masyarakat yang sanggup berbuat apa sahaja untuk mengaut keuntungan kepada diri walaupun keindahan alam sekitar dikorbankan. | 3 | |
| | – Peristiwa keruntuhan rumah tangga yang dibina oleh Tan Sri Muhaimin dan Puan Mariam Wickham kerana kesibukan Puan Wickham sebagai aktivis alam sekitar.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi oleh pembaca kerana masyarakat yang sanggup melebihkan pekerjaan sehingga memusnahkan sebuah insitusi kekeluargaan. | 3 | |


© Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | (*h*) **Silir Daksina karya Nizar Parman** | | |
| | – Peristiwa Umi tidak membenarkan Haiqal melawat kampung arwah ayahnya di Batu Pahat malahan mengugut bahawa dia tidak memberikan wang belanja kepada Haiqal.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seorang ibu tidak mempunyai hak untuk memutuskan hubungan anak dengan bapanya. | 3 | |
| | – Peristiwa ketika Haiqal, Pak Cik Bakar dan beberapa orang penduduk kampung berlatih tarian zapin di balai raya, tiada anak muda yang berminat untuk menyaksikan latihan itu kerana mereka lebih gemar melepak di tepi jalan atau duduk di atas motosikal.<br>**Alasan:** Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana seni warisan dan budaya bangsa akan lenyap begitu sahaja sekiranya anak muda tidak menceburkan diri dalam bidang ini. | 3 | |
| | [*Peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai*]<br>**[Maksimum markah: 6 *markah*]** | | 6 |
| **Soalan 9 Rumusan** | **Pendahuluan:** | | |
| | – Rumusan membincangkan punca/sebab/faktor/alasan murid tidak meminati mata pelajaran Sejarah dan kebaikan/manfaat/faedah mempelajari sejarah. | 2 | |
| | **Fokus 1: Punca murid tidak meminati mata pelajaran Sejarah** | | |
| | **Bahan 1** | | |
| | – Terdapat murid yang beranggapan bahawa Sejarah merupakan suatu mata pelajaran yang susah dan membosankan | 2 | |
| | – Guru mungkin menggunakan kaedah pengajaran tradisional | 2 | |
| | – Mata pelajaran Sejarah sering dikaitkan dengan keperluan untuk menghafal fakta yang banyak | 2 | |
| | – Tidak mempunyai kaitan langsung dengan kehidupan atau masa depan mereka | 2 | |
| | – Penilaian sejarah yang terlalu berfokus pada penulisan esei atau fakta | 2 | |
| | – Ketiadaan lawatan ke tapak sejarah, muzium, atau aktiviti praktikal | 2 | |
| | **Fokus 2: Faedah mempelajari Sejarah** | | |
| | **Bahan 1** | 2 | |
| | – Dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan | 2 | |
| | – Sejarah menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara | 2 | |
| | – Berperanan sebagai alat untuk mendidik rakyat agar menyayangi negara | 2 | |
| | – Rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara ini | 2 | |
| | – Penghayatan terhadap sejarah juga dapat membentuk semangat patriotisme | | |

| Soalan | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|
| | – Mendedahkan jasa-jasa tokoh-tokoh pejuang tanah air kepada murid | 2 | |
| | **Bahan 2:** | | |
| | – Supaya jati diri tidak dilupakan | 2 | |
| | – Kesilapan dahulu menjadi pedoman | 2 | |
| | – Supaya sejarah terus dikenang sepanjang zaman | 2 | |
| | **Kesimpulan:** | | |
| | – Kesimpulannya, sejarah negara kita perlulah diambil perhatian serius agar dapat memacu negara ke arah kemajuan | 2 | 30 |

## Kertas 3

| Soalan | Jawapan |
|---|---|
| **Bahagian A: Taksiran Individu** | <u>**Tema: Pertanian, Perternakan dan Perikanan**</u><br>**1** Rozel juga dikenali sebagai 'asam raya' atau 'asam susur' dalam kalangan masyarakat tempatan".<br>**2** Ekstrak rozel mengandungi vitamin C yang berfungsi sebagai antioksidan. Antara manfaat rozel ialah dapat melancarkan peredaran darah, mencegah penyakit jantung, dan mengubat asma. Rozel yang dijadikan sebagai minuman juga membantu menghaluskan kulit, meningkatkan stamina tubuh dan mengubat insomnia serta mencergaskan minda seseorang.<br>**3** Pada pendapat saya, golongan muda tidak berminat menceburkan diri dalam bidang pertanian kerana:<br>– Bidang pertanian sering dianggap sebagai pekerjaan yang kotor, berat, dan kurang bergaya dibandingkan dengan pekerjaan lain, seperti di sektor teknologi atau korporat.<br>– Hasil pertanian bergantung pada faktor-faktor seperti cuaca, harga pasaran, dan serangan penyakit, sehingga dianggap berisiko tinggi.<br>– Generasi muda sering bercita-cita untuk pekerjaan yang lebih fleksibel, berpendapatan tinggi, dan sesuai dengan minat mereka, seperti dalam bidang kreatif, teknologi, atau perniagaan.<br>**4** Antara peranan pihak sekolah memupuk minat murid dalam bidang pertanian dan penternakan adalah:<br>– Memasukkan topik berkaitan pertanian dan penternakan dalam kurikulum, seperti dalam subjek Sains dan Geografi.<br>– Membangunkan kebun sekolah atau ladang mini yang melibatkan murid dalam menanam sayur-sayuran, herba, atau memelihara haiwan seperti ayam atau ikan.<br>– Menganjurkan lawatan ke ladang, pusat penyelidikan pertanian, atau institusi yang berkaitan bagi memberi pengalaman langsung kepada murid. |
| **Bahagian B: Taksiran Kumpulan** | <u>**Tema: Kesihatan dan Kebersihan**</u><br>**Isi-isi Penting**<br>**Langkah Menjaga Kebersihan Diri**<br>– **Mandi secara teratur**<br>Mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari membantu menghilangkan kotoran, peluh, dan |

 © Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd.

| Soalan | Jawapan |
|---|---|
| | bakteria yang melekat pada badan. Penggunaan sabun antibakteria boleh memastikan kebersihan kulit lebih terjamin.<br><br>– **Menjaga kebersihan diri dan mulut**<br>Menggosok gigi dua kali sehari, iaitu pada waktu pagi dan sebelum tidur, amat penting untuk mencegah kerosakan gigi dan penyakit gusi. Gunakan ubat gigi yang mengandungi fluorida untuk menjaga kesihatan gigi.<br><br>– **Memotong kuku secara berkala**<br>Kuku yang panjang boleh menjadi tempat pembiakan bakteria dan kotoran. Oleh itu, memotong kuku setiap minggu adalah amalan penting untuk kebersihan diri.<br><br>– **Memakai pakaian bersih**<br>Memastikan pakaian yang dipakai sentiasa bersih dan ditukar setiap hari. Penjagaan ini penting untuk mengelakkan jangkitan kulit akibat peluh atau kotoran. |

## Kertas 4

| Soalan | | Jawapan | Sub markah | Markah total |
|---|---|---|---|---|
| **Petikan Pertama** | **1** | **A** | 1 | |
| | **2** | ✗ , ✓, ✓ | 2 | |
| | **3** | (i) Papan tulis interaktif/Pembesar suara/Komputer<br>(ii) Meja digital/Guru robot/Virtual reality goggles | 2 | |
| | **4** | Menggunakan pen atau jari, menggunakan imej | 1 | |
| | **5** | berketerampilan | 1 | |
| **Petikan Kedua** | **1** | RM 17.5 juta | 1 | |
| | **2** | (i) SALAH<br>(ii) BETUL<br>(iii) BETUL | 2 | |
| | **3** | **D** | 1 | |
| | **4** | **(X:)** Latar belakang ekonomi<br>**(Y:)** Sosiobudaya | 2 | |
| | **5** | – **(X:)** Seletar | 1 | |
| **Petikan Ketiga** | **1** | hari kelima | 1 | |
| | **2** | 30 orang, satu kilometer | 2 | |
| | **3** | **B** | 1 | |
| | **4** | (iii) negara asal<br>(v) 70 peratus | 2 | |
| | **5** | ✓, ✗ , ✓ | 2 | |
| **Petikan Keempat** | **1** | Pulau Pinang | 1 | |
| | **2** | **D** | 1 | |
| | **3** | **B** | 1 | |
| | **4** | Persidangan, Pertandingan | 2 | |
| | **5** | sainstis muda | 1 | |
| | **6** | ✓, ✗ , ✓<br>Nota:<br>**tiga** jawapan betul — 2 *markah*<br>**dua** jawapan betul — 1 *markah*<br>**satu** jawapan betul — 1 *markah* | 2 | 30 |